**Jilid II**
**Bil. 45**

**Hari Rabu**
**24hb Januari, 1973**

MALAYSIA

# PENYATA RASMI

OFFICIAL REPORT

## DEWAN RAKYAT

*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

## PARLIMEN KETIGA

*Third Parliament*

## PENGGAL PARLIMEN KEDUA

*Second Session*

## KANDUNGANNYA


**PENGUMUMAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA:**

- **Y.B. Tuan Mohamed Khir Johari—Kebenaran Cuti [Ruangan 5615]**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 5615]**

**RANG UNDANG-UNDANG:**

- **Rang Undang-undang Perbekalan, 1973:**
  - **Jawatankuasa—**
    - **JADUAL—**
      - **Kepala B. 23 hingga B. 27 [Ruangan 5651]**
      - **Kepala B. 28 [Ruangan 5673]**
      - **Kepala B. 29 hingga B. 34 [Ruangan 5733]**

**USUL-USUL:**

- **Waktu Mesyuarat dan Urusan Yang Dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 5650]**
- **Anggaran Pembangunan, 1973:**
  - **Kepala P. 23, P. 26 dan P. 63 [Ruangan 5651]**
  - **Kepala P. 28 [Ruangan 5673]**
  - **Kepala P. 29 hingga P. 31 dan P. 34 [Ruangan 5333]**



DICETAK OLEH
MOHD. DAUD BIN ABDUL RAHMAN, KETUA PENGARAH PERCETAKAN
MALAYSIA BARAT, KUALA LUMPUR
1973

MALAYSIA

# DEWAN RAKYAT YANG KETIGA

*Penyata Rasmi*

## PENGGAL YANG KEDUA

---

Hari Rabu, 24hb Januari, 1973

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

YANG HADIR:

Yang Berhormat Tuan (Timbalan) Yang di Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N. (Ulu Kelantan).

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N. (Pekan).

Yang Berhormat Menteri Perhubungan, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N., S.P.M.K., S.P.M.J. (Pontian Utara).

" Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Klang).

" Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).

" Menteri Kerja Raya dan Tenaga, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).

" Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Sepang).

" Menteri Kebajikan Am, TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).

" Menteri Teknoloji, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).

" Menteri Perusahaan Utama, DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).

" Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Menteri Pertahanan, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).

" Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD, S.M.J. (Pontian Selatan).

" Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindastrian, TUAN MUSA HITAM (Segamat Utara).

" Timbalan Menteri Kewangan, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

" Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DATUK WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).

" Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Krian Darat).

" Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pertanian dan Perikanan, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).

" Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Rembau-Tampin).

" Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED BIN RAHMAT, K.M.N. (Johor Bahru Barat).

" Setiausaha Parlimen kepada Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).

" NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).

" DATUK DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, D.J.M.K., J.M.N., J.M.K., S.M.K. (Tumpat).

" Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).

" TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).

" TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).

" PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).

" TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).

" TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).

" TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).

" TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.M.P., P.J.K. (Hilir Perak).

" PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).

" DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).

" TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, S.M.K., J.S.M., A.M.N., J.P. (Sungei Patani).

" DATUK PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.N.B.S., P.B.S. (Julau).

" CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).

" TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).

" TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).

" AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (Limbang-Lawas).

" TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).

" TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).

" TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).

" TUAN CHAN YOON ONN (Ulu Kinta).

" DR CHEN MAN HIN (Seremban Timur).

" TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).

" TUAN VALENTINE COTTER *alias* JOSEPH VALENTINE COTTER (Bau-Lundu).

Yang Berhormat Tuan Peter Paul Dason (Pulau Pinang Utara).

„ Tuan V. David (Dato Kramat).

„ Tuan Edwin anak Tangkun, A.B.S. (Batang Lupar).

„ Tuan Thomas Selvaraj Gabriel (Pulau Pinang Selatan).

„ Tuan Hanafiah Hussain, A.M.N. (Jerai).

„ Tuan Hashim bin Gera (Parit).

„ Tuan Richard Ho Ung Hun (Sitiawan).

„ Tuan Hor Cheok Foon (Damansara).

„ Tuan Hussain bin Haji Sulaiman (Besut).

„ Tan Sri Syed Jaafar bin Hasan Albar, P.M.N. (Johor Tenggara).

„ Datuk Khoo Peng Loong, P.N.B.S., O.B.E. (Bandar Sibu).

„ Tuan Edmund Langgu anak Saga, P.B.S. (Saratok).

„ Tuan Latip bin Haji Dris (Mukah).

„ Tuan Lee Seck Fun, K.M.N. (Tanjong Malim).

„ Tuan Lim Cho Hock (Batu Gajah).

„ Tuan Lim Kit Siang (Bandar Melaka).

„ Tuan Lim Pee Hung, P.J.K. (Alor Star).

„ Tuan Loh Jee Mee (Batang Padang).

„ Tuan Walter Loh Poh Khan (Setapak).

„ Datuk Peter Lo Su Yin, P.G.D.K. (Sandakan).

„ Tuan Luhat Wan (Baram).

„ Tuan Andrew Mara anak Walter Unjah (Betong).

„ Tuan Haji Mawardi bin Lebai Teh (Kota Star Utara).

„ Dr Mohamed bin Taib, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).

„ Tuan Mohd. Daud bin Abdul Samad (Kuala Trengganu Selatan).

„ Tuan Mohd. Nor bin Md. Dahan, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).

„ Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Panglima Abdullah (Darvel).

„ Tuan Mohd. Tahir bin Abdul Majid, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).

„ Tuan Mohd. Tahir bin Haji Abdul Manan (Kapar).

„ Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah (Bachok).

„ Datuk Engku Muhsein bin Engku Abdul Kadir, D.P.M.T., J.M.N. (Trengganu Tengah).

„ Wan Mokhtar bin Ahmad, P.J.K. (Kemaman).

„ Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail, J.S.M. (Perlis Selatan).

„ Tuan Mustapha bin Hussain (Seberang Tengah).

„ Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong (Lubok Antu).

„ Tan Sri Syed Nasir bin Ismail, P.M.N., J.M.N., D.P.M.J., P.I.S. (Muar Dalam).

„ Tuan Ng Hoe Hun (Larut Selatan).

„ Tuan Othman bin Abdullah, A.M.N. (Perlis Utara).

Yang Berhormat DATUK PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).

" PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).

" TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN (Ipoh).

" TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S. (Muar Pantai).

" DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).

" TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).

" TUAN SOH AH TECK, A.M.N. (Batu Pahat).

" DR A. SOORIAN (Port Dickson).

" TUAN SU LIANG YU (Bruas).

" TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).

" WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).

" TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).

" PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).

" TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim-Bandar Bharu).

" DATUK TAJUDIN BIN ALI, D.P.M.P., P.J.K. (Larut Utara).

" DR TAN CHEE KHOON (Batu).

" TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).

" TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).

" TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).

" TUAN TIBUOH ANAK RANTAI (Rajang).

" TUAN TING MING KIONG (Bintulu).

" TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).

" TUAN V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).

" DATUK JAMES WONG KIM MIN, P.N.B.S. (Miri-Subis).

" TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).

" TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA (Kota Star Selatan).

" TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas Hulu).

YANG TIDAK HADIR:

Yang Berhormat Tuan Yang di Pertua, TAN SRI DATUK CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, P.M.N., S.P.M.P., J.P., Datuk Bendahara Perak.

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Menteri Perdagangan dan Perindastrian, TUN DR ISMAIL AL-HAJ BIN DATUK HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M., P.M.N., S.P.M.J. (Johor Timur).

Yang Berhormat Menteri Kewangan, TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).

" Menteri Perpaduan Negara, TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungei Siput).

Yang Berhormat Menteri Tak Berpotfolio, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).

" Menteri Hal Ehwal Sarawak, TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S., O.B.E., Q.M.C. (Ulu Rajang).

" Menteri Pertanian dan Perikanan, TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M., P.N.B.S. (Kuala Kangsar).

" Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu).

" Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Raub).

" Menteri Pelajaran, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S., M.B.E. (Johor Bahru Timur).

" Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Penerangan, TAN SRI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).

" Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).

" Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kemajuan Tanah, TUAN MOHAMED BIN UJANG, A.M.N., P.J.K. (Jelebu-Jempol).

" DATUK HAJI ABDULRAHMAN BIN YA'KUB, S.P.M.J., P.N.B.S. (Payang).

" PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).

" TUAN HAJI AHMAD BIN SA'ID, J.P. (Seberang Utara).

" TUAN AJAD BIN O. T. UYONG (Labuk-Sugut).

" TUAN CHEN KO MING, A.M.N., P.B.S. (Sarikei).

" DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).

" TUAN FAN YEW TENG (Kampar).

" DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).

" TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).

" DR LIM CHONG EU (Tanjong).

" TUAN MOHAMED ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).

" TUAN HAJI MOHD. CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).

" TAN SRI HAJI MOHAMMAD SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).

" TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).

" TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Pasir Mas Hilir).

" TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).

" RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).

" DATUK S. P. SEENIVASAGAM, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).

" TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).

" TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Padawan).

# DOA

(Tuan (Timbalan) Yang di Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

## PENGUMUMAN TIMBALAN YANG DI PERTUA

### Y.B. Tuan Mohamed Kbir Johari—Kebenaran Cuti

**Tuan (Timbalan) Yang di Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memaklumkan iaitu pada menjalankan kuat-kuasa yang diserahkan kepada saya melalui ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25hb April, 1961, saya telah memberi kebenaran kepada Yang Berhormat Encik Mohamed Khir Johari untuk bercuti daripada menghadiri Persidangan-persidangan Dewan Rakyat selama dua tahun mulai 1hb Februari, 1973.

Sekianlah dimaklumkan.

# JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

## PEMBAHAGIAN KAKITANGAN—PERSAIMBANGAN

1. **Tuan Yeoh Teck Chye** minta Perdana Menteri menerangkan samada beliau bersetuju dengan tuduhan yang dibuat oleh Presiden CUEPACS bahawa dengan adanya pembahagian kakitangan yang tidak seimbang telah menyebabkan bertambahnya kerja kerja di setengah-setengah pejabat dan kalau ya, tindakan yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk membetulkan pembahagian kakitangan ini.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di Pertua, tuduhan ini tidak benar. Kerajaan sentiasa mengawasi kedudukan kakitangan-kakitangan Kerajaan di semua peringkat di Kementerian-kementerian/Jabatan-jabatan bagi menentukan bahawa pembahagian kakitangan adalah seimbang dengan tugas-tugas dan tanggungjawab Kementerian-kementerian/Jabatan-jabatan yang berkenaan. Pemeriksaan mengenai kedudukan kakitangan-kakitangan di Kementerian-kementerian/Jabatan-jabatan adalah dilakukan pada masa-masa menimbangkan anggaran perbelanjaan pada tiap-tiap tahun oleh ejensi-ejensi pusat Kerajaan seperti, Perbendaharaan dan Jabatan Perkhidmatan Awam. Dalam pada itu, Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan adalah juga dibenarkan mengemukakan cadangan-cadangan bagi mewujudkan jawatan-jawatan pada bila-bila masa sahaja di sepanjang tahun jika difikirkan perlu.

## MASYARAKAT ADIL—COGANKATA

2. **Tuan Hashim bin Gera** minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar bahawa cogankata "MASYARAKAT ADIL" bagi menyambut hari kebangsaan tahun 1972 itu tidak memberi puas hati kepada orang-orang golongan yang berikut:

(*a*) petani-petani miskin yang dahagakan tanah yang mesti ditinggikan taraf hidup mereka dan patut diberi tanah-tanah kosong di negara ini, dan bukan pihak-pihak swasta ataupun segolongan orang yang tertentu;

(*b*) buruh-buruh kasar, terutama sekali dari kaum Bumiputra, yang bekerja lapan jam sehari di kilang-kilang dengan mendapat gaji antara $1.50 hingga $2.50; dan

(*c*) kakitangan-kakitangan Kerajaan dari tingkatan III dan IV yang tidak mendapat keuntungan dari kenaikan gaji baru jika dibandingkan dengan harga barang-barang keperluan yang melambung tinggi;

jika ya, apakah dayausaha yang telah diambil oleh Kerajaan yang betul-betul berfaedah kepada rakyat.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di Pertua, saya tidak sedar bahawa cogankata "MASYARAKAT ADIL" itu telah tidak memberi puashati kepada tiga golongan masyarakat sebagaimana yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Sebagaimana kita sedia maklum cogankata itu telah dipilih kerana hendak memberi fahaman yang luas kepada rakyat berkenaan dengan *matlamat* Kerajaan—iaitu rancangan-rancangan pembangunan yang dijalankan sekarang adalah bertujuan bagi melahirkan satu masyarakat yang adil dalam mana semua rakyat akan menikmati kebahagian hidup yang sempurna dan juga mempunyai peluang yang sama. Matlamat ini adalah selaras dengan semangat yang terkandung di dalam Rukunegara. Matlamat ini belumlah dicapai lagi pada masa ini.

Pihak Kerajaan telahpun mengambil langkah-langkah berpatutan yang memberi faedah kepada rakyat, terutama sekali kepada golongan-golongan rakyat yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu:

(*a*) bagi golongan petani-petani yang memerlukan tanah, Kerajaan telahpun membuka ataupun memulihkan keadaan tanah-tanah melalui badan-badan berkanun seperti FELDA dan FELCRA dan juga melalui rancangan-rancangan tanah pinggir, tanah-tanah belia, tanah-tanah bagi bekas anggota tentera dan bekas-bekas polis khas;

(*b*) mengenai golongan buruh-buruh kasar, Kerajaan sedang mengawasi perkara ini dan senantiasa mencari ikhtiar supaya kilang-kilang membayar gaji yang berpatutan kepada pekerja-pekerja itu;

(*c*) mengenai kakitangan Kerajaan dalam Tingkatan III dan IV, adalah tidak benar bahawa mereka itu tidak mendapat keuntungan dari perubahan saraan baru-baru ini. Selain daripada mendapat kenaikan gaji, beberapa kemudahan-kemudahan yang lain adalah dilanjutkan kepada mereka, seperti pencen terjamin selama 12½ tahun setelah mereka berkhidmat sekurang-kurangnya 10 tahun, dan juga bagi mengikuti rancangan pinjaman perumahan di mana faedah yang dikenakan atas pinjaman ini hanyalah 4% sahaja. Faedah ini sangatlah rendah jika dibandingkan dengan kadar faedah yang dikenakan oleh badan-badan swasta.

## SEMINAR "AKAR-UMBI"

3. **Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong** minta Perdana Menteri menyatakan bilangan seminar-seminar "akar-umbi" untuk penduduk-penduduk luar bandar yang telah dianjurkan oleh Pusat bagi Pengajian Pembangunan di Sarawak, dan di mana serta bila seminar-seminar ini telah diadakan.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di Pertua, seminar "akar-umbi" yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu dijangka akan dapat diadakan tidak berapa lama lagi. Pada masa ini pihak-pihak Cawangan Pusat Pengajian di Sarawak bersama-sama dengan pihak-pihak Jabatan Penerangan dan Kerajaan Negeri Sarawak sedang menyusun rancangan-rancangan yang sesuai untuk seminar itu supaya ianya tidak bertindih dengan kursus-kursus civic yang dijalankan oleh Jabatan Penerangan.

## SEWA RUMAH—MENGECUALIKAN

4. **Tuan Yeoh Teck Chye** minta Perdana Menteri menjelaskan samada beliau akan menimbangkan mengecualikan sewa rumah kepada pekerja-pekerja yang berpendapatan kecil yang tinggal di rumah-rumah kelas "H" dan rumah-rumah yang seumpama itu yang telah didirikan oleh penjajah dan kurang taraf, dan tidak pula dipungut sewa rumah-rumah ini sebelum syarat-syarat perkhidmatan Suffian dulu.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di Pertua, apabila Kerajaan menawarkan syarat-syarat perkhidmatan mengikut Lapuran Suffian, pegawai-pegawai Kerajaan adalah diberi pilihan (option) samada ingin menyertai syarat-syarat perkhidmatan yang baru itu atau terus tinggal di dalam syarat-syarat perkhidmatan mereka yang lama. Satu daripada syarat-syarat perkhidmatan yang baru itu ialah bahawa sewa di atas rumah Kerajaan akan dikenakan berdasarkan kepada 10% daripada gaji bersih atau 10 kali ganda sewa nominal bagi sesuatu rumah itu mengikut mana yang kurang, dengan syarat bahawa sewa yang paling rendah sekali ialah sebanyak $10 sebulan. Oleh itu cadangan bagi mengecualikan pekerja-pekerja yang memilih syarat-syarat perkhidmatan mengikut Lapuran Suffian daripada membayar sewa rumah Kerajaan tiada berbangkit. Walau bagaimanapun, Kerajaan telah memutuskan bahawa kadar sewa yang dikenakan boleh dikurangkan kepada $8, $6 atau $5 mengikut keadaan tempat dan kerja seseorang pekerja itu.

## BANTUAN PINJAMAN PROJEK PKEN/PKN

5. **Tuan Hashim bin Gera** minta Perdana Menteri menyatakan samada Kerajaan Pusat menyediakan bantuan kewangan kepada Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri di Malaysia untuk menolong ekonomi kaum Bumiputra dan jika ia, nyatakan:

(*a*) jumlah wang yang telah diberi kepada tiap-tiap Negeri;

(*b*) kemajuan yang telah dicapai oleh tiap-tiap Negeri; dan

(*c*) samada Kerajaan memerhatikan rancangan-rancangan yang dijalankan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di Pertua, setakat ini Kerajaan Persekutuan telahpun memberi bantuan pinjaman untuk melaksanakan projek-projek PKEN/PKN seperti berikut:

(*a*) Jumlah yang telah diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak $89,499,610.00. Pecahan jumlah kepada tiap-tiap negeri yang telah diluluskan ialah seperti berikut:

| | |
|---|---|
| PKEN Kedah ... | $ 8,300,000.00 |
| PKEN N. Sembilan | $10,000,000.00 |
| PKEN Kelantan ... | $ 2,000,000.00 |
| PKEN Johor ... | $ 6,000,000.00 |
| PMIM Trengganu | $49,710,000.00 |
| PKN Selangor ... | $13,489,610.00 |
| Jumlah Besar ... | $89,499,610.00 |

Dari jumlah ini $54,455,000.00 telah diterima oleh PKEN/PKN negeri-negeri hingga hari ini. Baki jumlahnya akan diberi kepada negeri-negeri apabila sahaja diluluskan oleh Parlimen.

(*b*) Kemajuan perlaksanaan projek-projek yang menggunakan wang bantuan Kerajaan Persekutuan adalah memuaskan terutama sekali oleh kerana wang-wang tersebut adalah ditumpukan kepada projek-projek yang "viable".

(*c*) Kerajaan Persekutuan, melalui Majlis Tindakan Negara, sentiasa memberi perhatian berat di atas kemajuan projek-projek yang tersebut itu.

**Tuan Hashim bin Gera:** Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memerhatikan kemajuan-kemajuan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak yang selama ini tidak langsung bergerak.

**Perdana Menteri:** Saya sentiasa memerhatikan semua sekali Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri, dan saya tahu perbadanan-perbadanan itu adalah menjalankan rancangan-rancangan.

## KEMENTERIAN HAL EHWAL ALAM KELILING

**6. Tuan V. David** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar tentang perlunya diadakan sebuah Kementerian Hal Ehwal Alam Keliling, dan jika ya, nyatakan bilakah beliau akan menubuhkan sebuah Kementerian seperti itu.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di Pertua, saya fikir pada masa ini tidaklah perlu untuk menubuhkan sebuah Kementerian Hal Ehwal Alam Keliling.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat itu sedia maklum perkataan "Alam Keliling" biasanya dimaksudkan sebagai Alam Keliling Fizikal (Physical Environment). Dari segi pentadbiran perkara ini akan melibatkan seluruh usaha yang menyentuh cara-cara bagi memperbaiki kehidupan manusia, seperti perancangan ke atas kegunaan tanah bagi menentukan tempat-tempat kediaman, pembinaan indasteri-indasteri; pengawalan kekotoran udara, air dan sebagainya. Sebenarnya di dalam negara kita yang sedang membangun ini, perkara-perkara itu adalah merupakan sebahagian besar daripada aktiviti-aktiviti dan urusan-urusan Kerajaan.

Pada masa ini, kita mempunyai beberapa Kementerian dan Jabatan yang bertanggungjawab ke atas hal-hal Alam Keliling yang tertentu, iaitu:

(i) *Kementerian Kesihatan* bertanggungjawab berkenaan dengan kekotoran udara hasil daripada kilang-kilang perindusterian;

(ii) *Kementerian Perhubungan* berkenaan dengan pengawalan kekotoran hasil daripada asap keretapi dan jentera, di dalam lautan-lautan akibat daripada ancaman kecemaran minyak;

(iii) *Jabatan Perikanan* berkenaan dengan kekotoran yang berbangkit daripada kegunaan racun-racun; dan

(iv) *Jabatan Parit dan Taliair* berkenaan dengan kesebuan sungai.

Tanggungjawab-tanggungjawab Jabatan-jabatan yang berkenaan adalah diselaraskan oleh sebuah Jawatankuasa Khas di bawah pimpinan Kementerian Kesihatan. Pada masa ini Kerajaan sedang mengkaji undang-undang yang ada berhubung dengan perkara ini.

**PENGANGGURAN—MENGURANGKAN**

7. **Dr Chen Man Hin** minta Menteri Perdagangan dan Perindastrian menyatakan sejauh manakah sektor perkilangan berjaya mengurangkan pengangguran bagi tahun 1971 dan 1972.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindastrian (Tuan Musa Hitam):** Tuan Yang di Pertua, sektor perkilangan telah mengadakan 15,000 pekerjaan baru dalam tahun 1971 dan dengan itu telah menambahkan jumlah pekerjaan di dalam sektor tersebut menjadi sebanyak 251,000 pada penghujung tahun itu. Kadar perkembangannya ialah 6.5% dan kadar ini dijangka akan meningkat kepada 7.5% dalam tahun 1972 menambahkan jumlah pekerjaan di dalam sektor perindastrian sebanyak 19,000 menjadi 270,000. Dengan percepatan kadar perkembangan ini, sumbangan pekerjaan di dalam sektor perindastrian kepada jumlah pekerjaan negara dijangka akan meningkat daripada 8.2% dalam tahun 1971 kepada 8.5% dalam tahun 1972.

**LESEN MEMINJAM WANG—MEMBATALKAN**

8. **Tuan Hashim bin Gera** minta Menteri Teknoloji, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan menyatakan bilakah Kerajaan akan membatalkan lesen-lesen meminjam wang yang dikeluarkan kepada ceti-ceti dan orang-orang Sikh di negara ini kerana:

(i) mereka mengenakan bunga lapan-belas peratus sebulan;

(ii) bagi pinjaman sebanyak $100, mereka akan meminta orang yang meminjam menyain surat pinjaman untuk $500;

(iii) apabila bayaran dibuat pada tiap-tiap bulan, surat keterangan penerimaan tidak dikeluarkan;

(iv) mereka mengelak dari cukai pendapatan; dan

(v) keuntungan yang mereka terima dihantar ke luar negeri.

**Menteri Teknoloji, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan (Datuk Ong Kee Hui):** Tuan Yang di Pertua, Kerajaan tidak ada cadangan untuk membatalkan lesen-lesen meminjam wang dikeluarkan kepada ceti-ceti ataupun orang-orang Sikh. Pendaftar Lesen adalah berkuasa menjalankan penyiasatan atas segala aduan-aduan terhadap mana-mana pemberi-pinjam wang yang melanggar peraturan-peraturan undang-undang. Pendaftar tersebut berkuasa mengambil satu-satu tindakan yang difikirkan munasabah samada menggantung ataupun tidak memberi kelulusan atas pembaharuan lesen tersebut, jika sekiranya terdapat bukti-bukti yang sah dan nyata atas kecurangan pihak pemberi-pinjam wang itu.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Saya hendak bertanya dalam soal tambahan kepada Menteri Teknoloji, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan. Kalau seseorang meminjam wang di bawa di hadapan Magistrate atau Hakim-hakim, adakah Kerajaan kita hendak buat satu undang-undang membatalkan lesen mereka itu.

**Datuk Ong Kee Hui:** Tuan Yang di Pertua, pendaftar-pendaftar pemberi-pinjam wang tiap-tiap kali bila masanya sudah cukup hendak membarukan lesennya, pendaftar-pendaftar boleh dan ada mengambil tindakan membatalkan lesen itu.

**Tuan Hashim bin Gera:** Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Oleh memandangkan banyaknya bank-bank ditubuhkan dalam negara ini dan memandang banyaknya merbahaya kakitangan Kerajaan dan orang ramai yang masuk ke dalam bankruptcy, maka tidakkah boleh pihak Menteri yang berkenaan membatalkan semua lesen-lesen peminjam wang yang terdiri daripada yang dikatakan ceti dan Benggali itu?

**Datuk Ong Kee Hui:** Tuan Yang di Pertua, orang ramai yang menggunakan perkhidmatan pemberi-pinjam wang itu tidak sama dengan orang yang pergi ke bank untuk meminjam wang, kerana itu perlulah lagi Kerajaan membiarkan melesenkan pemberi-pinjam wang itu.

**GANGGUAN TAYANGAN FILEM TAMIL/CINA**

9. **Tuan V. David** minta Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Penerangan menyatakan mengapa filem-filem Tamil dan Cina yang ditayangkan di Saluran 8, Rangkaian 6 Talivisyen Malaysia selalu terganggu.

**Setiausaha Parlimen kepada Menteri Penerangan (Tuan Shariff Ahmad):** Tuan Yang di Pertua, bukan filem Cina dan Tamil

sahaja yang di ganggu tetapi filem Melayu juga. Gangguan itu walau bagaimanapun telah dikurangkan dan barangkali akan dapat memuaskan terhadap filem Cina. Bagi filem Tamil, maka filem ini tidak dapat dibuat apa-apa kerana semua filem Tamil ini panjang-panjang belaka.

**Tuan V. David:** Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Ini bukan suatu jawapan. Kita minta mengapa selalu ada interruption dalam filem Tamil. Saya ingat Setiausaha Parlimen kepada Menteri Penerangan memberi jawapan yang tidak patut, saya minta bolehkah disiasat, adakah boleh dibuka channel lain atau introduce channel lain di mana tidak ada interruption bila menunjukkan gambar, kerana gambar ini cuma sebulan dua kali sahaja, bolehkah disiasat?

**Tuan Shariff Ahmad:** Sudah disiasat, tetapi soalnya samada tayangan filem Tamil dimulakan pada pukul 10.00 malam habis pada pukul 3.00 pagi, ataupun kita mulakan pada pukul 7.30 habis pukul 10.00 malam. Tetapi pada pendapat kita ada lebih baik interruption secara 15 minit atau 20 minit daripada membiarkan estate-estate workers tidur pada pukul 3.00 pagi. (*Ketawa*)

**Tuan V. David:** Tuan Yang di Pertua, saya ada satu soalan kepada Tuan Yang di Pertua. Kalau macam ini jawapannya hendaklah House Committee mengambil tindakan ke atas Ahli Yang Berhormat. Kalau Ahli Yang Berhormat daripada Pembangkang mahu meminta apa-apa soalan, kalau soalannya tidak patut dan tidak dihormati, soalan itu tidak guna lagi ditanya di sini. Kalau mahu perli atau aniaya dengan Ahli Pembangkang, saya ingat itu tidak patut. Sekarang bolehkah Kerajaan memberi keterangan kenapa tidak ada lain channel, kerana Kerajaan ada berjanji di dalam Rancangan Malaysia Yang Kedua hendak membuka channel lain. Kalau kita ada channel yang lebih, perkara ini tidak boleh jadi soal. Bolehkah Setiausaha Parlimen memberitahu, bila channel tambahan kita hendak introduce?

**Tuan Shariff Ahmad:** Setakat ini, Tuan Yang di Pertua, tidak ada rancangan hendak mengadakan channel satu lagi, kerana beban kita terlalu berat, tambahan pula sekarang ini ada ETV.

## ELAUN GURU-GURU DI SEKOLAH TERPENCIL

**10. Tuan Edwin anak Tangkun** minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Kementeriannya akan menimbang memberi galakan-galakan kepada guru-guru sekolah luar bandar.

**Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran (Tuan Mohammed bin Rahmat):** Tuan Yang di Pertua, jawabnya tidak pada masa ini. Tetapi walaubagaimanapun Kementerian Pelajaran sedang mengkaji kemungkinan membayar elaun yang sesuai kepada guru-guru yang bertugas di sekolah-sekolah yang terpencil.

**Tuan Edwin anak Tangkun:** Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Saya ingat masa Colony dahulu guru-guru yang mengajar di kampung-kampung ataupun di luar bandar elaun kepada guru-guru besar (headmaster) ada sebanyak $27.00 jadi kepada guru-guru yang lain ada sebanyak $15.00. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menimbangkan memberi elaun yang lebih lagi kepada guru yang mengajar di luar bandar ataupun di kampung-kampung?

**Tuan Mohammed bin Rahmat:** Tuan Yang di Pertua, saya jawab tadi, kita sedang menimbangkan bagi membayar elaun yang sesuai. Apakah jumlah yang sesuai itu tunggulah dahulu biar ditimbangkan perkara ini.

## SYARIKAT-SYARIKAT MINYAK ASING

**11. Tuan Abu Bakar bin Umar** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

(*a*) bilangan syarikat-syarikat yang telah diberi hak dan kuasa untuk mencarigali bijih di Dasar Laut pada masa ini; dan

(*b*) syarikat-syarikat yang telah menarik diri dan memberikan hak itu kepada syarikat-syarikat tempatan pula.

**Menteri Perusahaan Utama (Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud):** Tuan Yang di Pertua, sebenarnya tidak ada syarikat-syarikat minyak asing yang telah menarik diri ataupun memberikan haknya kepada syarikat-syarikat tempatan selepas diluluskan konsesyen kepadanya.

## PINJAMAN KEPADA SYARIKAT KERJASAMA KEWANGAN TANAH KEBANGSAAN BERHAD

12. **Tuan V. Veerappen** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan jumlah pinjaman yang telah diberikan kepada Syarikat Kerjasama Kewangan Tanah Kebangsaan Berhad, dan nyatakan:

(*a*) berapa banyakkah yang telah dibayar balik;

(*b*) berapa banyakkah modal yang masih dalam tunggakan; dan

(*c*) berapa banyakkah faedah yang masih dalam tunggakan.

**Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Abdul Ghafar bin Baba):** Tuan Yang di Pertua, jumlah pinjaman $8,943,613.70.

(*a*) $1,056,334.89

(*b*) $662,763.72

(*c*) Tiada.

## LANTIKAN LEMBAGA PENGARAH PERSATUAN PELADANG

13. **Tuan Sulaiman bin Bulon** minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan apakah kelayakan atau kebolehan seseorang yang hendak menjadi Pengerusi dan Pengarah-pengarah Persatuan Peladang dari semua peringkat dan adakah ahli-ahlinya terhad kepada bumiputra-bumiputra sahaja.

**Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pertanian dan Perikanan (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar):** Tuan Yang di Pertua, Pengerusi Lembaga Pengarah Persatuan Peladang adalah dilantik oleh Menteri mengikut siapa yang difikirkan pada pendapatnya boleh memberi pimpinan kepada Persatuan-persatuan Peladang.

Lantikan dua pertiga daripada Lembaga Pengarah Persatuan Peladang adalah dibuat dengan cara pilihan oleh Mesyuarat Agong mengikut seksyen 12 Akta Persatuan Peladang, 1967. Satu pertiga daripada bilangan Lembaga Pengarah itu pula adalah dilantik oleh Menteri daripada antara ahli-ahli Persatuan itu.

Berkenaan dengan pertanyaan tentang jenis ahli-ahli Persatuan Peladang jawabnya ialah tidak. Segala petani dari semua golongan adalah digalakkan untuk menjadi ahli Persatuan Peladang.

**Tuan Sulaiman bin Bulon:** Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Adakah tidak disedari oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bahawa Persatuan Peladang dijadikan tempat pertarungan merebut kuasa di dalam Persatuan itu yang boleh menghancurkan Persatuan Peladang. Jadi, bolehkah diawasi atas perkara ini, jikalau ada di mesyuarat Persatuan Peladang di hantar wakil daripada Kementerian untuk mengawasi persidangan itu.

**Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar:** Buat masa ini, Tuan Yang di Pertua, saya sendiri tidak tahu adanya ahli-ahli Lembaga Pengarah Persatuan Peladang sedang bertarung untuk merebut kuasa, samada kuasa itu untuk kuasa politik ataupun kuasa Persatuan Peladang, saya belum tahu. Jika sekiranya saya dapat tahu adanya pertarungan kuasa dalam ahli Lembaga Pengarah yang akan merusakkan Persatuan Peladang ini, maka saya berjanjilah akan menyiasat perkara ini dengan seberapa segera.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus:** Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pertanian dan Perikanan sedar bahawa ada setengah-setengah daerah pimpinan Persatuan Peladang adalah menjadi kehendak bagi setengah orang terutama golongan-golongan yang mahu memunculkan dirinya di kalangan masyarakat walaupun ianya tidak begitu benar-benar datang daripada kaum tani. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen itu sedar dan apakah tindakan supaya yang memimpin Persatuan Peladang di peringkat daerah itu terdiri daripada kaum tani yang sebenar-benarnya.

**Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar:** Memanglah tujuan Persatuan Peladang kita berkehendakkan pimpinan daripada orang tani yang sebenar-benarnya. Soal memunculkan diri ini satu perkara yang mustahak dalam satu-satu pimpinan. Kalau seorang pemimpin itu tidak mahu memunculkan diri, maka dia tidak boleh memimpin ahlinya.

## ZAT MAKANAN—KEKURANGAN

14. **Dr Chen Man Hin** minta Menteri Kesihatan menyatakan samada benar lebih daripada 70% kanak-kanak di kawasan luar bandar dikatakan dalam keadaan kekurangan makanan dan oleh itu mudah dihinggapi penyakit; jika benar, nyatakan langkah-langkah yang telah diambil bagi membekalkan makanan yang berzat kepada kanak-kanak ini.

**Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew):** Tuan Yang di Pertua, angka yang dipetik oleh Ahli Yang Berhormat dari Seremban Timur didapati dari tinjauan zat makanan yang dibuat di Ulu Trengganu dalam tahun 1968 ke atas kira-kira 240 orang kanak-kanak berumur bawah 4 tahun. Tinjauan ini tidak merupakan gambaran yang betul mengenai kedudukan taraf zat makanan kanak-kanak di kawasan luar bandar kerana tinjauan itu dibuat ke atas satu kumpulan yang kecil di kawasan pendalaman dan yang tidak boleh dilalui di Ulu Trengganu.

Tinjauan yang dibuat ke atas kanak-kanak di Telok Datok di daerah Kuala Langat dan juga Mukim Bukit Payong di Kuala Trengganu dan ke atas kanak-kanak askar menunjukkan bahawa taraf zat makanan jika diukur mengikut berat bagi umur dan dilahirkan sebagai mata perhitungan bagi kekurangan zat makanan, ialah kira-kira di bawah 30%.

Di Malaysia Barat, kadar kematian kanak-kanak 1 hingga 4 tahun yang mana dijadikan angkujok antara bangsa mengenai kekurangan zat makanan, telah jatoh dari 10.65 tiap 1,000 dalam tahun 1957 kepada 4.2 tiap 1,000 di dalam tahun 1970.

Dibandingkan dengan negara-negara maju, di mana Kadar-kadar Kematian Kanak-kanak 1 hingga 4 tahun dalam lingkungan 1 bagi tiap 1,000, ini adalah tinggi, tetapi jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain seperti Negeri Thai (9.28 tiap 1,000), Filipina (9.73 tiap 1,000), dan Sri Langka (6.05 tiap 1,000) kadar kematian kanak-kanak 1 hingga 4 tahun di Malaysia Barat adalah rendah.

Pendapat Kelinik mengenai kekurangan bitamin, kekurangan galian dan kekurangan protin adalah sangat kurang, dalam lingkungan 1% sahaja.

Makanan tambahan diberi di semua kelinik dengan bantuan dari UNICEF. Selain daripada itu makanan tambahan diberi kepada lebih 100,000 murid-murid sekolah melalui Majlis Kebajikan Pusat yang diselaraskan oleh Kementerian Kebajikan Am. Rancangan ini sedang dikaji oleh Kementerian Kesihatan, Kementerian Pelajaran dan juga Kementerian Kebajikan Am untuk meluaskan lagi bilangan kanak-kanak yang akan diberi makanan tambahan.

Sungguhpun demikian makanan tambahan sahaja tidak memadai untuk mengatasi masaalah kekurangan zat makanan. Oleh itu apa yang diberatkan ialah pengeluaran makanan tempatan yang berzat dan nasihat berkaitan zat makanan di kelinik, di sekolah dan di kampung. Aktiviti-aktiviti ini sedang berjalan di satu perojek Amalan Nilaian Pemakanan di Daerah Kuala Langat. Kempen ini sedang dikembangkan ke Daerah Kuala Trengganu. Menjelang tahun 1975 kira-kira 3.5 juta penduduk akan diliputi oleh perojek ini.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Soalan tambahan. Pada masa sekarang di negeri Perak adakah rancangan-rancangan yang menolong kanak-kanak di luar bandar?

**Tan Sri Lee Siok Yew:** Jikalau Ahli Yang Berhormat boleh ingat jawapan saya tadi, maka beliau tahulah apakah rancangan yang sedang dijalankan oleh Kementerian saya.

## LAPANGAN TERBANG BUTTERWORTH—KEBENARAN

15. **Dr Tan Chee Khoon** minta Menteri Perhubungan menyatakan samada benar bahawa tidak ada sambutan yang rasmi dari Kerajaan Malaysia mengenai permintaan Kerajaan Thai membenarkan kapalterbang-kapalterbang jet Thai International mendarat di Butterworth, Pulau Pinang, dan jika ya, mengapa.

**Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir):** Adalah tidak benar Kerajaan Malaysia tidak melayani permintaan dari Kerajaan Thailand hendak menggunakan Lapangan Terbang Butterworth. Sudah sememangnyalah sebelum kebenaran dapat diberi, perundingan dengan pihak-pihak berkenaan perlu diadakan bagi menentukan syarat-syarat yang patut dipatuhi dan bagi membuat persedian-persedian dan

bangunan atau "terminal" building. Ini tentulah mengambil masa sedikit dan tidaklah bermakna Kerajaan tidak melayani permintaan Kerajaan Thailand itu. Syarikat Penerbangan Thai International telah pun diberi kebenaran mendarat di Butterworth sebanyak 4 kali seminggu.

## BAYARAN WANG BOLA (FOOTBALL MONEY)—MENGHAPUSKAN

16. **Tuan Abu Bakar bin Umar** minta Menteri Perdagangan dan Perindastrian menyatakan apakah tindakan-tindakan beliau akan ambil bagi menghapuskan amalan bayaran Wang Bola (Football Money) kepada orang-orang yang membeli kereta-kereta yang sudah dipakai dengan cara bayaran ansuran, oleh peniaga-peniaga kereta yang sudah dipakai.

**Tuan Musa Hitam:** Tuan Yang di Pertua, maklumat yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat telahpun diterangkan di dalam jawapan kepada soalan Yang Berhormat Tuan Richard Ho Ung Hun pada 13-12-1972.

## KOMPLEKS SUKAN DI UNIVERSITI MALAYA

17. **Dr A. Soorian** minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapa berlaku kelambatan dalam membina kompleks sukan di Universiti Malaya yang telah dijanjikan itu dan samada beliau sedar bahawa kompleks sukan yang ada sekarang ini tidak mencukupi bagi 9,000 penuntut.

**Tuan Mohamed bin Rahmat:** Tuan Yang di Pertua, pelaksanaan pembinaan kompleks sukan di Universiti Malaya telah terlambat kerana sebab-sebab perancangan yang teliti terpaksa dibuat. Saya sedar bahawa kemudahan sukan yang ada sekarang tidak mencukupi bagi 9,000 orang penuntut-penuntut. Walau bagaimanapun pada tahun lalu dan pada tahun ini lebih daripada 30 buah gelanggang bagi permainan badminton, sepak takraw dan lain-lain permainan dan 2 buah gymnasium telah dibina untuk menambah kemudahan-kemudahan sukan di Universiti itu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat rancangan kompleks sukan di Universiti Malaya mengandungi 3 projek asas iaitu sebuah kolam bernang, sebuah gymnasium sebuah padang dan gelanggang lumba lari. Keseluruhan kompleks ini akan memerlukan masa yang agak lama untuk dilaksanakan terutama dari segi memperoleh kewangan yang cukup. Pada masa ini projek membina sebuah kolam bernang yang berukuran 50 meter bersama-sama dengan sebuah kolam menyelam dan kemudahan-kemudahan lain seperti bilek tukar pakaian dan kelengkapan penapisan air adalah diutamakan.

Sepertimana yang telah saya jelaskan di dalam ucapan belanjawan bagi Kementerian Pelajaran untuk tahun 1973 pada 22hb yang lepas, peruntukan yang diperlukan untuk belanja pembangunan Universiti Malaya ialah sebanyak $2.7 juta. Dari peruntukan ini sejumlah $1 juta telah diuntukkan bagi menyiapkan kompleks sukan itu, iaitu sebanyak $750,000 bagi kolam bernang yang bertaraf olimpik dan bakinya sebanyak $250,000 untuk projek-projek sukan yang lain.

## TUNGGULAN (BUMPS)—MENGURANGKAN KELAJUAN

18. **Tuan Yeoh Teck Chye** bertanya kepada Menteri Kerjaraya dan Tenaga samada beliau sedar tentang kemalangan-kemalangan yang berlaku di jalan di dalam bangunan lapangan terbang Subang dan jika ya, adakah beliau menimbang mengadakan satu atau dua tunggulan (bumps) dengan tujuan mengurangkan kelajuan kenderaan di situ.

**Menteri Kerja Raya dan Tenaga (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong):** Tuan Yang di Pertua, teguran daripada Ahli Yang Berhormat itu diambil perhatian dan penyiasatan mengenai perkara ini akan dilakukan oleh Kementerian saya dengan Kementerian Perhubungan sekiranya didapati bahawa "bumps" ini diperlukan tindakan akan diambil untuk berbuat demikian.

## SYARIKAT BATIK DAN PERUSAHAAN TANGAN MALAYSIA

19. **Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus** minta Menteri Perdagangan dan Perindastrian menyatakan samada benar bahawa Syarikat Batik dan Perusahaan Tangan Malaysia membeli sebahagian besar dari kain-kain

batik yang dieksepotnya dari pembuat-pembuat batik di Selangor, dan hanya sebahagian kecil sahaja dari pembuat-pembuat batik dari Pantai Timur khasnya Trengganu dan Kelantan.

**Tuan Musa Hitam:** Tuan Yang di Pertua, adalah benar bahawa Syarikat Batik dan Perusahaan Tangan Malaysia membeli hanya sedikit sahaja batik-batik daripada pembatik-pembatik di Pantai Timur terutama sekali Kelantan dan Trengganu. Sebahagian besar daripada batik yang dieksepot oleh syarikat ini adalah dikeluarkan oleh kilangnya sendiri, di Selayang Baru, Kuala Lumpur. Misalnya daripada bulan Julai, 1971 hingga November, 1972, syarikat ini menjual batik berharga $236,500 dan daripada jumlah ini hanya $66,500 adalah batik dari Pantai Timur dan yang lebihnya itu adalah daripada pengeluarannya sendiri. Dengan sebab ini, baru-baru ini syarikat ini telah diarah supaya membeli lebih banyak batik daripada pengeluar-pengeluar Pantai Timur untuk pasaran eksepotnya.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus:** Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana di masa yang lalu adalah kurang belian batik oleh Syarikat Batik dan Perusahaan Tangan Malaysia daripada pengeluaran-pengeluaran di Pantai Timur, apakah ini disebabkan oleh kurangnya eksepot batik kita keluar negeri dan kurangnya permintaan pembeli-pembeli luar negeri di atas batik kita atau memang sengaja dibuat begitu.

**Tuan Musa Hitam:** Tuan Yang di Pertua, seperti yang telah saya sebutkan di dalam ucapan menggulung Belanjawan untuk Kementerian saya baharu-baharu ini, saya telah menyatakan bahawa Kerajaan telah mengambil satu tindakan mengkaji soal yang dihadapi oleh pembatik-pembatik di dalam negara kita ini dengan menubuhkan satu task force dan pada hari ini tadi Kerajaan telah membuat kajian yang mendalam dan satu kenyataan berhubung dengan segala soal-soal yang dihadapi oleh pembatik-pembatik dan langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan akan diberitahu kepada rakyat jelata dalam negara ini pada masa yang akan datang.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus:** Tuan Yang di Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan memberi tarikh atau masa di mana tindakan segera itu akan diperolehi?

**Tuan Musa Hitam:** Perisytiharan ini akan dibuat tak berapa lama lagi. Tarikhnya belum dapat ditentukan tetapi tak berapa lama lagi.

## LOMBONG BIJIH TIMAH

20. **Tuan Hor Cheok Foon** bertanya kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat adakah beliau mempunyai apa-apa rancangan untuk mengambil alih pentadbiran Lombong Bijih Timah Killinghal Hong Kong dan Astral di Puchong dan dengan yang demikian dapat menyediakan peluang-peluang pekerjaan kepada pekerja-pekerja.

**Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan Haji Ramli bin Omar):** Tuan Yang di Pertua, jawapannya ialah "tidak".

**Tuan Hor Cheok Foon:** Soalan tambahan. Bolehkah Setiausaha Parlimen yang berkenaan memberitahu adakah beliau sedar seramai 75 orang pekerja-pekerja dalam lombong bijih tersebut sudah dibuang kerja dalam bulan Disember tahun lalu.

**Tuan Haji Ramli bin Omar:** Tuan Yang di Pertua, saya tak sedar.

**Tuan Lim Kit Siang:** Soalan tambahan. Adakah Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat dapat lapuran mengenai buang kerja daripada Killinghal Hong Kong dan Astral di Puchong kerana perkara itu bukan satu perkara yang kecil. Berpuluh-puluh orang pekerja dibuang kerja dan saya dapat tahu lapuran telah dihantar kepada Pejabat Buruh dan apakah tindakan yang telah diambil untuk mengatasi masaalah ini?

**Tuan Haji Ramli bin Omar:** Tuan Yang di Pertua, bukan syarikat itu sahaja kita menerima lapuran bahkan banyak syarikat-syarikat yang kita terima lapuran. Kalau Ahli Yang Berhormat hendak mengetahui lebih dalam lagi bolehlah hantar notis pada mesyuarat yang akan datang.

## TALIVISYEN DI SARAWAK—PERKHIDMATAN

21. **Tuan Awang Bungsu bin Abdullah** bertanya Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri

Penerangan samada benar Sarawak akan dapat perkhidmatan talivisyen menjelang akhir tahun 1973.

**Tuan Shariff Ahmad:** Tuan Yang di Pertua, mengikut rancangan Kementerian Penerangan maka Sarawak akan mendapat TV sebelum tamat rancangan Malaysia Kedua—Insyallah dalam tahun 1974.

**Tuan Awang Bungsu bin Abdullah:** Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Adakah Setiausaha Parlimen kepada Menteri Penerangan bersetuju berkenaan dengan kenyataan yang diberitahu oleh Yang Berhormat Timbalan Ketua Menteri Sarawak yang mana beliau menyatakan Sarawak akan diberi talivisyen sebelum akhir tahun 1973. Adakah kenyataan ini disetujui oleh Kerajaan Pusat atau tidak?

**Tuan Shariff Ahmad:** Hendak kata bersetuju pun boleh bersetuju, tak bersetuju pun boleh juga, kerana kalau cepat kita bawa line bearers itu ke Sarawak, kita boleh buat seberapa cepat yang boleh, hatta sebelum tarikh yang ditetapkan.

## KEKOSONGAN KAWASAN PILIHANRAYA DI SARAWAK

**22. Tuan Andrew Mara anak Walter Unjah** minta Menteri Teknoloji, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan menyatakan bilangan kawasan pilihanraya Majlis tanpa wakil rakyatnya dalam Negeri Sarawak; bagaimanakah sesebuah kawasan pilihanraya yang kosong itu dapat diisi kerana pilihanraya kepada badan-badan Kerajaan Tempatan digantung di Sarawak; dan berapa banyak daripada kerusi-kerusi yang kosong itu dikosongkan dulunya oleh wakil rakyat dari parti-parti politik pembangkang.

**Datuk Ong Kee Hui:** Tuan Yang di Pertua, ada sebanyak 25 kekosongan dalam kawasan pilihanraya Majlis di Sarawak tetapi hanya 3 kerusi sahaja telah dikosongkan oleh wakil-wakil rakyat dari parti-parti politik pembangkang.

Ordinan Pilihanraya Kerajaan Tempatan, 1971 (Suspension of the Principal Ordinance) yang telah diluluskan sebagai Ordinan No. 12, 1971 sebenarnya telah menggantung pengisian kekosongan yang telah timbul dikalangan wakil-wakil rakyat semenjak 1hb Ogos, 1969 dengan cara pilihanraya semula Kekosongan-kekosongan itu diisi, mengikut Ordinan No. 12, 1971, dengan cara lantikan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri.

Kementerian Kerajaan Tempatan Sarawak sedang menunggu keterangan-keterangan lanjut dan semua kekosongan akan diambil tindakan mengikut peraturan-peraturan di bawah Ordinan Pilihanraya Kerajaan Tempatan, 1971 (Suspension of the Principal Ordinance).

**Tuan Andrew Mara anak Walter Unjah:** Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menjelaskan dalam Dewan ini apakah sebab-sebabnya pilihanraya kepada Badan-badan Kerajaan Tempatan di Sarawak telah tergantung dan bilakah pilihanraya ini akan diadakan?

**Datuk Ong Kee Hui:** Pilihanraya itu digantung kerana keadaan dalam negeri Sarawak itu tidak diberi peluang kepada Kerajaan mengatur pilihanraya.

**Tuan Andrew Mara anak Walter Unjah:** Soalan tambahan. Apakah sebabnya pilihanraya di Semandi dapat dan akan diadakan pada 27 haribulan ini?

**Datuk Ong Kee Hui:** Itu pilihanraya kecil, bukan pilihanraya besar. Pilihanraya besar itu digantung kerana tidak dapat security forces menjaga seluruh Sarawak bila diadakan pilihanraya besar.

**Tuan Edwin anak Tangkun:** Tuan Yang di Pertua, the vacant seat of the late Temenggong Ngelambong in the Betong District Saribas, is not in the security area.

**Tuan (Timbalan) Yang di Pertua:** Apa nama soalan tambahan itu? Ini kenyataan sahaja.

**Tuan Edwin anak Tangkun:** Ini berkenaan dengan satu kerusi kosong di Saribas iaitu Temenggong Ngelambong sudah meninggal dunia. Jadi tempat itu tidak ada dalam security, mengapakah ditempat itu tidak diadakan pilihanraya?

**Tuan (Timbalan) Yang di Pertua:** Itu baharu pertanyaan!

**Datuk Ong Kee Hui:** Itu adalah kerana Kerajaan Tempatan kena ditangguhkan.

Ordinan No. 12, 1971 sudah mengaturkan bagaimana kekosongan itu boleh diisikan. Menurut peraturan-peraturan di bawah Ordinan itu Kementerian Kerajaan Tempatan bila mendapat butir-butir daripada, Majlis Kerajaan Tempatan kekosongan itu akan diisikan.

**Tuan Luhat Wan:** Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Mengikut peraturan yang telah diluluskan dalam Dewan Undangan Negeri mengenai Pilihanraya Kerajaan Tempatan, saya juga sedar jikalau seorang Ahli Councillor yang meninggal dunia daripada parti politik, parti politik itu haruslah diberi arahan supaya memberi peluang itu kepada seorang dari parti politik itu juga menjadi Councillor, tetapi saya hendak tahu daripada Yang Berhormat Menteri, jikalau ada kekosongan bahawa seorang Councillor meninggal dunia, misalnya dia adalah seorang bebas. Bagaimanakah caranya Kerajaan akan menunjukkan seorang penggantinya? Bolehkah diberi penjelasan dalam hal ini?

**Datuk Ong Kee Hui:** Saya tidak berapa faham soalan itu.

**Tuan Luhat Wan:** Saya ulang sekali lagi, Tuan Yang di Pertua, Menurut resolution yang baru yang telah disahkan oleh Kerajaan Negeri Sarawak, jika misalnya seorang Councillor dari SNAP meninggal dunia seperti Temenggung Melabung sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi, lalu diarahkan kepada SNAP supaya memilih satu orang supaya dia duduk menjadi Councillor sebagai gantinya. Bagaimana kalau seorang Councillor bebas jika dia meninggal dunia, bagaimana cara pemerintah menyuruh seorang mengambil tempatnya, adakah dia seorang dari parti politik ataupun mencari seorang bebas untuk gantinya?

**Datuk Ong Kee Hui:** Menurut undang-undang di bawah Ordinan yang disebutkan tadi, Tuan Yang di Pertua, jika konsular itu bebas, kekosongan kerusi itu diisi dengan orang bebas juga tetapi namanya dilantik oleh Kerajaan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Soalan tambahan. Tadi saya dengar daripada Yang Berhormat Menteri bahawa sekarang Kerajaan menjalankan pilihanraya kecil kerana melibatkan kawasan yang kecil, tetapi pilihanraya besar tentu tidak akan dijalankan kerana keadaan keselamatan, itulah jawapan atau keterangan Yang Berhormat Menteri. Jikalau begitu, adakah Kerajaan tidak akan mengadakan pilihanraya besar di masa hadapan jika keadaan keselamatan di Sarawak tidak berubah kerana daripada jawapan tadi ini adalah bergantung kepada perkara keselamatan.

**Tuan (Timbalan) Yang di Pertua:** Saya sendiri tak faham pertanyaan itu, cuba tanya sebagai pertanyaan yang mula-mula.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bolehkah Yang Berhormat Menteri menerangkan samada jika keadaan keselamatan di Sarawak tidak bertambah baik Kerajaan tidak akan mengadakan pilihanraya besar pada masa akan datang kerana tadi beliau mengatakan jika ada pilihanraya besar, tentu tidak boleh diadakan, kerana keselamatan tidak terjamin, dan sekarang baharu diadakan pilihanraya kecil oleh kerana keselamatan kawasan kecil sahaja yang boleh dijaga.

**Datuk Ong Kee Hui:** Tuan Yang di Pertua, saya fikir sukar saya menjawab soalan Ahli Yang Berhormat itu, sebab perkara ini adalah tergantung kepada Kementerian yang menjaga keselamatan, bukan tanggungjawab Kementerian saya.

## AHLI-AHLI SAINS DAN TEKNOLOJI MALAYSIA

**23. Tuan Hor Cheok Foon** minta Menteri Teknoloji, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan menyatakan jumlah bilangan ahli-ahli sains dan teknoloji di Malaysia dan kerja-kerja yang berguna yang telah mereka lakukan.

**Datuk Ong Kee Hui:** Tuan Yang di Pertua, jumlah bilangan ahli-ahli sains dan teknoloji, yang terdapat di Malaysia di bidang pertanian, perusahaan, perlombongan, pelajaran tinggi dan kejuruteraan adalah ditaksirkan sebanyak 3,000 orang. Ini tidak termasuk mereka yang di bidang perubatan dan pelajaran menengah. Dalam kajian yang dijalankan oleh Institiut Negara bagi Penyelidikan Sains dan Perusahaan (NISIR) dengan pertolongan Pertubohan Kemajuan Perusahaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNIDO) baharu-baharu ini sebanyak 1,350 jawapan kepada pertanyaan-pertanyaan berkenaan dengan ini telah diperolehi. Kajian itu tidak

termasuk ahli sains dan teknoloji yang berwarga negara Malaysia tetapi sekarang ini berada di Australia, New Zealand, United Kingdom, Amerika Syarikat dan beberapa negara di Eropah serta negara-negara lain. Jawapan yang telah diterima itu sedang diselidik dan dianalisakan.

Kerja-kerja utama yang dibuat oleh kebanyakan ahli-ahli sains dan teknoloji tersebut adalah bagi menyelenggara perkhidmatan teknik utama seperti di bidang tenaga letrik, perhubungan, pembangunan dan penyelidikan serta juga bagi menyelenggarakan hal-hal pengeluaran di ladang pertanian, perlombongan dan industri. Kecuali di Pusat Penyelidikan Perubatan dan di Pusat Penyelidikan Getah dan Institiut-institiut yang baharu ditubuhkan, kerja-kerja penyelidikan tidak pernah merupakan satu kerja sepenuh masa. Ciptaan Standard Malaysia Rubber (SMR) adalah salah satu hasil daripada penyelidikan yang telah dijalankan.

## RANCANGAN RAMPAISARI

24. **Tuan V. David** minta Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Penerangan menyatakan:

(i) mengapa rancangan Tamil "RAMPAISARI" di Talivisyen Malaysia bukan suatu rancangan Tamil yang sebenarnya; dan

(ii) samada beliau akan mengambil tindakan supaya waktu yang diuntukkan akan ditumpukan sepenuhnya dengan rancangan Tamil untuk menggalak bakat-bakat tempatan.

**Tuan Shariff Ahmad:** Tuan Yang di Pertua,

(i) Rancangan "RAMPAISARI" bukanlah satu rancangan Tamil tetapi adalah satu rancangan musik ataupun hiburan Malaysia yang mengandungi unsur-unsur daripada kebudayaan rakyat Malaysia yang berbilang bangsa.

(ii) Kementerian Penerangan tidak akan mengadakan waktu yang tertentu atau khas untuk rancangan Tamil.

Langkah ini adalah bertentangan dengan dasar kita supaya semua rancangan Radio/TV mestilah bercorak Malaysia dalam konteks Rukunegara.

## MURID/MURID DARJAH VI—TAMBAHAN

25. **Tuan Pengarah Rahun anak Debak** minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan kelas-kelas baru dalam sekolah-sekolah menengah yang akan dibuka dalam tahun 1973 di Sarawak untuk menyerap 20% tambahan murid-murid yang lulus darjah 6 dalam tahun 1972. Beberapa ramai guru-guru baru akan diambil untuk menepati bilangan kelas dan murid yang bertambah itu.

**Tuan Mohamed bin Rahmat:** Tuan Yang di Pertua, kelas yang akan dibuka ialah 88 buah dan guru-guru yang diperlukan 126 orang.

**Tuan Pengarah Rahun anak Debak:** Soalan tambahan, bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran menimbangkan bagi mengadakan kelas-kelas tingkatan VI di Sekolah Menengah di Limbang dan Tingkatan IV dan V untuk Sekolah Menengah di Lawas.

**Tuan Mohamed bin Rahmat:** Tuan Yang di Pertua, saya minta notis.

## KES PEMBUANGAN KERJA

26. **Tuan Hor Cheok Foon** (*di bawah S.O. 24* (*2*)) minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan masa purata dan yang paling lama diambil untuk menyelesaikan sesuatu kes pembuangan yang dirujukkan ke Kementeriannya.

**Tuan Haji Ramli bin Omar:** Tuan Yang di Pertua, hetong panjang masa yang diambil bagi menyelesaikan satu kes pembuangan kerja yang dirujukkan ke Kementerian ialah 60 hari Kes-kes yang dilapurkan telah bertambah dari 795 dalam tahun 1970 kepada 1,373 dalam tahun 1971, dan 1,660 dalam tahun 1972 sehingga 31-10-1972. Sebilangan kes-kes dapat diselesaikan dalam masa empat atau lima hari. Masa yang paling lama diambil bagi menyelesaikan satu-satu kes setakat ini ialah 14 bulan.

## EKSPOT UDANG-UDANG

27. **Tuan Peter Paul Dason** minta Menteri Perdagangan dan Perindastrian menyatakan

nilai udang-udang yang diekspotkan dalam tahun 1971 oleh (i) Malaysia Barat dan (ii) Malaysia Timur, dan samada ekspot udang-udang itu sedang bertambah atau berkurang.

**Tuan Musa Hitam:** Tuan Yang di Pertua, dalam tahun 1971 Malaysia mengekspot udang-udang yang bernilai sebanyak $70,250,613 di mana $59,907,152 berasal dari Malaysia Barat dan $10,343,461 dari Malaysia Timur. Jumlah ekspot udang-udang adalah bertambah dari tahun ke setahun seperti yang dinyatakan di bawah:

| *Tahun* | *Nilai* |
|---|---|
| 1969 ... ... ... | $26,599,023 |
| 1970 ... ... ... | $42,486,790 |
| 1971 ... ... ... | $70,250,613 |
| 1972 ... ... ... | $53,289,111 |

(tidak termasuk Malaysia Timur)

**Tuan Peter Paul Dason:** Tuan Yang di Pertua, adakah Timbalan Menteri sedar atau tidak kerana Malaysia tiap-tiap tahun mengekspot udang-udang lebih, kerana itu udang-udang di market-market di Malaysia Barat kurang dengan sebab itu harga udang pada tiap-tiap tahun naik.

**Tuan Musa Hitam:** Tuan Yang di Pertua, udang-udang yang di ekspot dari Malaysia ialah udang yang dibekukan dalam air batu. Jadi ini tidaklah sama dengan udang hidup yang disukai ramai di dalam negara kita ini.

**Tuan Hashim bin Gera:** Soalan tambahan. Mengikut penerangan Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindastrian, pengeluaran udang/ daripada Malaysia Barat dan Malaysia Timur dihantar ke luar negeri beratus-ratus million, berpuluh-puluh ribu, nampaknya. . . . .

**Tuan (Timbalan) Yang di Pertua:** Jawab beliau ekspot bukan keluaran.

**Tuan Hashim bin Gera:** Ya, diekspotkan. Tetapi adakah Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindastrian itu tahu ada di antara kilang-kilang yang memproses udang sebagaimana yang disebutkan tadi membayar gaji-gaji pekerjanya dengan tidak gaji hari, tetapi mengikut kadar berapa banyak kulit udang yang dapat dibuang, iaitu dengan nilaian 3 sen satu kati.

**Tuan (Timbalan) Yang di Pertua:** Gaji tidak bersangkut dengan masaalah soalan ini.

## NILAI IMPOT MINYAK MENTAH

**28. Tuan Peter Paul Dason** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

(i) nilai impot minyak mentah ke dalam negeri ini bagi tahun 1971 dan apakah tindakan yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan pengantungan atas bekalan-bekalan luar ini; dan

(ii) adakah "naphtha" diekseрotkan oleh Malaysia, jika ya, nyatakan nilai eksepot itu bagi tahun 1971.

**Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud:** Tuan Yang di Pertua, nilai impot minyak tanah dan barang-barang minyak tanah yang telah dimasukkan ke dalam negara ini dalam tahun 1971 adalah berjumlah $571 juta iaitu berupa 11.9% dari jumlah impot keseluruhannya.

Langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan keperluan minyak melalui impot adalah berupa incentive-incentive untuk menggalakkan pelaboran modal asing mencarigali minyak di darat dan di laut Malaysia. Incentive-incentive yang diberi itu adalah terkandung di dalam undang-undang mengenai perusahaan minyak yang telah diluluskan oleh Kerajaan. Undang-undang tersebut adalah seperti berikut:

(1) The Petroleum Mining Act 1966

(2) The Continental Mining Act 1966

(3) The Petroleum (Income Tax) Act 1966.

Sehingga ini 8 buah Syarikat Minyak asing telah mengambil kesempatan dari incentive-incentive tersebut dengan menjalankan usaha-usaha mencarigali minyak di dasar laut. Di antaranya ialah Syarikat Shell yang telahpun mencapai peringkat pengeluaran dan export semenjak dahulu lagi, dan tidak berapa lama mungkin juga ESSO, yang telah menjumpai minyak di dasar laut Sabah akan mengeluarkan minyak.

Malaysia telah mengeksepot naphtha sebanyak 150,082 barrels dari bulan Januari

sehingga Jun 1971, yang bernilai M$1,079,347.

**Dr Chen Man Hin:** Tuan Yang di Pertua, pada masa sekarang berapa per cent minyak ada dikeluarkan daripada petroleum kita?

**Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud:** Generally speaking atau bercakap dengan secara am, Tuan Yang di Pertua, 3/8 daripada minyak dalam negara ini dalam tahun 1971 boleh dibekalkan daripada negara kita sendiri.

## SYARIKAT OASIS SDN. BHD.—TINDAKAN

**29. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus** minta Menteri Perhubungan menyatakan:

(*a*) sebab-sebabnya Syarikat Oasis Sdn. Bhd., secara tergesa-gesanya berhenti menyediakan makanan apabila MAS memulakan perkhidmatannya,

(*b*) siapakah yang menjadi penggantinya;

(*c*) samada perbuatan Syarikat tersebut yang menyebabkan tergendalanya perjalanan MAS; dan

(*d*) samada kegendalaan itu telah di atasi.

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Tuan yang di Pertua,

(*a*) sebabnya mengapa Syarikat Oasis Sdn. Bhd., mengambil tindakan sedemikian terpulanglah kepada Syarikat itu sendiri menjawabnya, saya tidak boleh jawab bagi pihak dia. Setakat yang diketahui Syarikat Oasis ada menghantar surat dan telah dinasihatkan supaya mengemukakan tawarannya dalam pelawaan tender yang diadakan.

(*b*) Tiada sesiapapun yang menggantinya;

(*c*) Syarikat Oasis tidak mempunyai apa-apa perhubungan dengan MAS dan oleh itu tindakan Syarikat Oasis tidak menyebabkan tergendalanya perjalanan MAS;

(*d*) Tidak berbangkit.

## MAS—LAYANAN DI SINGAPURA

**30. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus** minta Menteri Perhubungan menyatakan:

(*a*) samada benar bahawa MAS tidak mendapat layanan yang sewajarnya di Lapangan Terbang di Singapura, jika ya, kenapa; dan

(*b*) setakat manakah layanan tidak diberi dan apa tindakan telah diambil atas perkara ini.

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Tuan Yang di Pertua,

(*a*) pada permulaan perkhidmatan, oleh kerana MAS masih mengadakan perundingan dengan pihak Lapangan Terbang Singapura, maka kemudahan-kemudahan yang patut diberi kepada MAS tidaklah dapat ditentukan.

(*b*) MAS memanglah berharap ianya mendapat layanan yang sempurna sebagaimana yang SIA memperolehi di Lapangan Terbang Subang, Kuala Lumpur kita ini, tetapi oleh kerana tidak ada tempat yang kosong maka kemudahan kaunter penumpang (passenger Counter) tidak dapat diberi dan MAS menggunakan kaunter Pan American. Perkara ini sudah pun di atasi dan MAS telah diberi kaunter penumpang yang tertentu.

**Tuan (Timbalan) Yang di Pertua:** Masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan-jawapan Lisan bagi Pertanyaan No. 31 hingga 42 adalah diberi di bawah ini).*

## MINYAK DI DASAR LAUT—MENCARIGALI

**31. Tuan Abu Bakar bin Omar** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan setakat mana kejayaan yang telah dicapai dalam usaha mencarigali minyak di dasar laut dan nyatakan dengan syarikat-syarikat manakah Kerajaan telah menandatangani Perjanjian-perjanjian Petroliam untuk mencari minyak di Pantai Barat, Malaysia Barat dengan menyebutkan kawasan-kawasan di mana minyak boleh didapati.

**Menteri Perusahaan Utama (Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud):** Di Malaysia Barat Kerajaan telah menandatangani Perjanjian-perjanjian Petroliam dengan tiga buah Syarikat Minyak iaitu Esso Exploration Malaysia Inc. yang telah diberi konsesi dasar

laut seluas 28,000 batu persegi di kawasan pelantaran dekat Trengganu; Continental Overseas Oil Co. seluas 24,000 batu persegi di dasar laut dekat Pahang dan Mobil Malaysia Exploration Co. seluas 12,000 batu persegi di dasar laut dekat Pulau Pinang. Esso telah menggali sebanyak 15 telaga minyak di kawasannya dan telah menjumpai kesan-kesan hydrocarbon. Syarikat itu sedang memulai data explorasinya untuk menentukan samada hendak melanjutkan usahanya dan untuk menentukan samada boleh atau tidak mengambil hydrocarbon tersebut. Continental dan Mobil kedua-dua Syarikat telah menggali 4 buah telaga minyak tetapi kesemuanya adalah dry hole atau telaga kering.

## FELDA—PESERTA-PESERTA BARU

32. **Raja Nong Chik bin Ishak** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan, memandang bahawa FELDA tidak mengambil peserta-peserta baru dalam rancangan-rancangan FELDA sejak beberapa lama dan perserta-perserta yang dipilih dua tahun yang lalu pun masih menanti maka bilakah pemohon-pemohon baru akan ditemuduga.

**Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Abdul Ghafar bin Baba):** FELDA mengambil peserta-peserta baru apabila sahaja rancangan-rancangannya sedia untuk menerima mereka. Bagi tahun 1972, 2,200 peserta baru telah dibawa masuk dan 970 lagi telah dipelawa untuk memasuki rancangan. Pada masa ini FELDA mempunyai senarai yang mengandungi 7,730 pemohon-pemohon yang berjaya yang belum ditawarkan tempat.

Hanya apabila semua peserta-peserta yang berjaya bagi sesuatu negeri telah ditempatkan di dalam rancangan barulah temuduga bagi pemohon-pemohon yang telah diterima bagi negeri itu akan dijalankan semula.

## GAJI RENDAH—PEKERJA KILANG KAIN

33. **Raja Nong Chik bin Raja Ishak** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan adakah benar bahawa kilang kain perkongsian MARA/JEPUN membayar hanya $2.50 sehari kepada pekerja-pekerjanya dan jika ya, mengapakah gaji itu rendah sangat.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Kilang kain yang dimaksudkan itu bukanlah berkongsi antara MARA/JEPUN tetapi ialah MARA dengan satu kilang kain tempatan. Gaji sebanyak $2.50 sehari itu ialah untuk pelatih-pelatih yang mula bekerja dengan syarikat tersebut dalam masa 3 bulan. Gaji mereka bertambah tiap-tiap 3 bulan sekali sehingga akhir tahun kedua bilamana gaji bagi tiap-tiap orang pekerja menjadi $3.75 sehari. Selepas itu tiap-tiap 6 bulan sekali gaji mereka bertambah mengikut pengalaman mereka dan apabila menjelang tahun ketiga bilamana mereka dianggapkan sebagai pekerja yang mahir mereka diberi gaji sebanyak $4.25 sehari. Satu tahun setelah itu mereka akan dapat $4.55 sehari.

Di samping itu mereka juga diberi kadar 1½ bagi tiap-tiap satu jam kerja lebih masa. Misalnya bagi seseorang pekerja mendapat $4.00 sehari jika ia bekerja 9 jam pada siang hari bermakna ia bekerja lebih masa satu jam dan pada hari itu ia akan mendapat $4.75 sehari.

Seorang pekerja yang bekerja malam mendapat tambahan 50 sen pada tiap-tiap malam disamping gaji yang layak baginya mengikut kadar siang hari.

## TANAH MENEBUS KEMBALI

34. **Tuan Hashim bin Gera** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan apakah pertolongan yang telah diberi oleh Kerajaan supaya orang-orang Melayu di Telok Anson dapat menebus kembali geran-geran mereka yang tergadai kepada peminjam-peminjam wang bukan Melayu.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Melalui Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara, Kerajaan sedia memberi pertolongan kepada orang-orang Melayu untuk menebus kembali tanah mereka di dalam kawasan Simpanan Melayu yang tergadai kepada orang-orang bukan Melayu.

Penyiasatan telah dibuat terhadap empat aduan yang telah diterima dari Telok Anson dan didapati, kecuali sekeping tanah yang di dalam pegangan Pemegang Amanah Raya,

tanah-tanah itu bukan tergadai kepada orang-orang bukan Melayu.

## BAYARAN LETAK KERETA

35. **Tuan Hashim bin Gera** minta Menteri Teknoloji, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan menyatakan samada beliau dapat mengarahkan semua Jabatan Kerajaan Tempatan seperti yang ada di Bandaraya Kuala Lumpur, Ipoh dan Pulau Pinang supaya mengecualikan Wakil-wakil Rakyat daripada membayar bayaran meletakkan kereta di bandar-bandar tersebut.

**Menteri Teknoloji, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan (Datuk Ong Kee Hui):** Kementerian saya tidak dapat membuat sebarang arahan bagi memberi pengecualian kepada Wakil-wakil Rakyat daripada bayaran meletak kereta di Bandaraya Kuala Lumpur, Ipoh dan Pulau Pinang. Maka terpulanglah kepada Penguasa Tempatan masing-masing untuk memberi pertimbangan atas perkara ini.

## FILEM TAMIL/HINDI—POTONGAN

36. **Tuan T. S. Gabriel** minta Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Penerangan menyatakan samada beliau sedar bahawa filem-filem khasnya filem-filem Tamil dan Hindi yang ditayangkan oleh TV Malaysia selalu dipotong-potong untuk menjimatkan masa sehingga penuntun-penuntun tidak faham aliran ceritanya; jika ya, bolehkah beliau memberi jaminan bahawa potongan-memotong itu tidak akan berlaku pada masa hadapan.

**Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie:** Kementerian Penerangan tidak memotong babak dari filem Tamil dan Hindi yang ditayangkan di TV Malaysia. Kalau ada potongan yang dibuat pun, ini dilakukan sebelum filem itu dihantar ke TV Malaysia.

## GAMBAR LAMA HINDI DI TV

37. **Tuan T. S. Gabriel** minta Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Penerangan menyatakan samada beliau sedar bahawa gambar-gambar Hindi yang ditayangkan oleh TV Malaysia amat lama dan buruk mutunya dan jika ya, samada beliau dapat memberi jaminan bahawa filem-filem yang lebih baru akan ditayangkan pada masa hadapan.

**Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie:** Saya sedar bahawa filem-filem Hindi dan Tamil yang ditayangkan menerusi TV memanglah sudah lama, tetapi tidaklah buruk sehingga tidak dapat dilihat oleh penuntun-penuntun. Dalam soal ini, Kementerian Penerangan tidak dapat berbuat apa-apa kerana filem-filem yang dibuat itu adalah untuk panggung-panggung wayang tetapi digunakan untuk TV.

## TAYANGAN WAYANG GAMBAR DI TV

38. **Tuan T. S. Gabriel** minta Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Penerangan menyatakan samada beliau sedar bahawa tayangan-tayangan wayang gambar oleh TV Malaysia terpaksa dihentikan beberapa kali kerana siaran Warta Berita, Peristiwa, iklan dan lain-lain; jika ya, samada beliau mengambil langkah untuk menentukan bahawa selain daripada siaran Warta Berita tayangan gambar tidak akan diganggu dengan mempergunakan salah satu daripada rangkaian itu.

**Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie:** Saya telahpun menjawab soalan itu.

## PENYAKIT BABI

39. **Dr Chen Man Hin** minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan samada telah diatur kempen untuk menyuntik semua babi-babi bagi mencegah penyakit babi supaya dapat di atasi wabak ini di masa akan datang.

**Menteri Pertanian dan Perikanan (Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi):** Bahagian Perkhidmatan Haiwan mengadakan perkhidmatan suntikan demam babi sama sahaja dengan suntikan mencegah penyakit-penyakit yang lain. Kebanyakkan penternak-penternak besar sentiasa menyuntik babi-babi mereka. Hanyalah penternak-penternak yang kecil sahaja yang banyak tidak menyuntik babi-babi mereka.

Mula timbulnya penyakit demam babi dapat dikesan berpunca daripada penternak-penternak kecil. Jabatan-jabatan Haiwan Negeri sentiasa menjalankan kempen menggalakkan semua penternak-penternak babi

supaya babi-babi yang dipeliharanya disuntik dengan ubat mencegah penyakit demam babi. Tidak menjadi kesukaran kepada Jabatan itu untuk selalu mengadakan suntikan bagi mencegah kejadian wabak penyakit demam babi. Tetapi untuk menjalankan suntikan-suntikan, penternak-penternak mestilah berkerjasama dan bersedia untuk menurut peraturan supaya Jabatan Perkhidmatan Haiwan dapat menyuntik babi-babi yang dipeliharanya masing-masing.

## PADI—TANAMAN DUA MUSIM

40. **Tuan Sulaiman bin Bulon** minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan sejauh manakah kajian telah dibuat bagi menentukan bahawa tanaman padi dua kali setahun telah pun meninggikan pendapatan petani-petani.

**Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi:** Dalam tahun 1967 sebelum pelancaran kerja-kerja Perairan Muda, dimulakan, bancian asas socio/ekonomi telah dibuat di kawasan-kawasan Perairan Muda dan juga di Kemubu untuk mengetahui kedudokan taraf pendapatan dan pekerjaan kaum tani pada waktu itu.

Pada awal tahun ini (1972) MARDI telah menjalankan satu kajian di peringkat perkampongan untuk mengetahui kesan-kesan tanaman padi dua kali setahun atas kedudukan kaum tani di kawasan-kawasan padi di daerah-daerah kawasan Perairan Muda, di daerah-daerah Seberang Prai, di Tanjong Karang dan di Negeri Kelantan. Bandingan antara bancian 1967 itu dengan kajian ini menunjukkan peluang pekerjaan di kawasan tanaman padi dua kali setahun telah diperluaskan. Ini adalah di sebabkan oleh tambahan tenaga yang diperlukan bagi kerja menanam dan memotong padi, di dalam masa yang singkat.

Kajian ini juga menunjukkan bahawa pengangguran di kalangan petani-petani telah kurang jika dibandingkan dengan masa sebelum tanaman dua kali setahun dilancarkan. Kajian ini juga dapat menunjukkan kebanyakan petani-petani telah menikmati tambahan pendapatan dari tambahan hasil padi yang boleh dijual dan juga peluang pekerjaan mengambil upah setelah mereka mengamalkan tanaman padi dua musim.

Satu lagi hasil yang nyata ialah perjalanan tanaman padi dua kali setahun telah mengurangkan pengangguran dikalangan petani dan menjimatkan wang sebanyak $100 juta setahun dalam bentuk impot beras dan pertukaran mata wang luar negeri.

## IKAN DARAT

41. **Tuan Sulaiman Bin Bulon** minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan apakah langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk membiakkan ikan-ikan darat.

**Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi:** Bahagian Perikanan memelihara dan membiakkan ikan-ikan darat seperti Lee Koh, Lampam Jawa dan Talapia di Pusat-pusat Pembiakkan ikan di Enggor, Tapah dan Bukit Tinggi. Anak-anak daripada Pusat-pusat Pembiakkan ikan itu adalah diberikan percuma kepada petani-petani dan peladang-peladang yang suka hendak menternakannya dengan tujuan menggalakkan perusahaan ternakan ikan air tawar. Jumlah benih-benih atau anak-anak ikan yang dikeluarkan oleh Pusat-pusat tersebut ialah lebeh kurang empat juta ekor setahun. Baka ikan jenis Tongsan juga diadakan dan dibiakkan dengan cara suntikan. Benih-benih ikan Tongsan diberi dengan percuma kepada Rancangan-rancangan Tanah sahaja. Ikan jenis Sepat Siam dibiakkan di Pusat Pembiakan Ikan di Machang untuk dilepaskan di terusan-terusan Perairan Rancangan Perairan Kemubu. Sebanyak satu juta ekor benih ikan itu dapat dikeluarkan setahun. Pusat Pembiakkan Ikan di Jitra mengeluarkan benih ikan-ikan air tawar untuk Rancangan Perairan Muda.

Latihan-latihan diberi kepada petani-petani yang ingin menternak ikan dan juga kepada Penternak-penternak Ikan Di Pusat Pembiakkan Ikan Bukit Tinggi. Pusat itu menjalankan sebanyak dua kursus selama tiga minggu satu tahun. Tiap-tiap kursus mengambil sehingga 20 orang pelatih.

Selain dari itu usaha-usaha juga dijalankan melepaskan benih-benih ikan di dalam perairan umum di tasik-tasik sungai-sungai bekas-bekas lumbong, paya dan taliair untuk faedah penduduk-penduduk luar bandar. Sebanyak 1,764,720 ekor benih ikan telah dilepaskan oleh Bahagian Perikanan pada tahun 1971. Bahagian Perikanan juga telah memberikan perkhidmatan-perkhidmatan seperti berikut:

(*a*) Memusnahkan musuh-musuh ikan di dalam kolam-kolam ikan.

(*b*) Memberi bantuan baja, kapor, paip-paip saloran dan simin serta pinjaman jaring bagi menangkap ikan, pam air dan alat-alat untuk pembinaan dan membaiki kolam-kolam ikan.

## SUKARELAWAN-SUKARELAWAN LUAR NEGERI

42. **Tuan Chan Fu King** minta Perdana Menteri menyatakan butir-butir mengenai pekerja sukarela dari Amerika Syarikat, Britain, Perancis, Australia, New Zealand, Jerman, Kanada, Jepun dan perkhidmatan-perkhidmatan sukarela yang lain-lain yang sedang berkhidmat di Malaysia, jurusan-jurusan pekerjaan mereka dan syarat-syarat perkhidmatan sukarelawan-sukarelawan itu.

**Perdana Menteri:** Pada masa ini terdapat seramai 559 orang sukarelawan-sukarelawan dari luar negeri yang sedang berkhidmat di dalam negeri ini. Mereka ini diperolehi daripada pertubuhan-pertubuhan yang berikut:

| *Jenis Perkhidmatan/ Negeri* | *Bil. Sukarelawan-sukarelawan* |
|---|---|
| 1. Pasukan Keamanan Amerika Syarikat (USPC) | 299 orang |
| 2. Perkhidmatan Sukarelawan British Seberang Laut (VSO) | 36 orang |
| 3. Sukarelawan Australia Seberang Laut (AVA) | 37 orang |
| 4. Perkhidmatan Sukarelawan New Zealand Seberang Laut (VSA) | 8 orang |
| 5. Perkhidmatan Sukarelawan Jerman (GUS) | 39 orang |
| 6. Perkhidmatan Universiti Kanada Seberang Laut (CUSO) | 53 orang |
| 7. Sukarelawan Kooperasi Jepun Seberang Laut (JOCV) | 87 orang |

Tidak ada sukarelawan-sukarelawan daripada negeri-negeri atau perkhidmatan-perkhidmatan yang lain, selain daripada apa yang disebutkan di atas tadi. Sukarelawan-sukarelawan daripada negeri Perancis tidak didapati di negeri ini.

Adapun jurusan-jurusan perkhidmatan mereka adalah seperti berikut:

| *Jurusan* | *Bil.* |
|---|---|
| 1. Pertanian ... ... ... | 127 |
| 2. Pelajaran ... ... ... | 305 |
| 3. Kesihatan ... ... ... | 38 |
| 4. Belia dan Sukan ... ... | 40 |
| 5. Perkhidmatan Kebajikan Masyarakat ... ... ... | 6 |
| 6. Jabatan Kerjaraya ... ... | 11 |
| 7. Polis (Pelatih-pelatih Judo) ... | 12 |
| 8. Kewangan ... ... ... | 16 |
| 9. Lain-lain jurusan ... ... | 4 |
| Jumlah ... | 559 |

*Syarat-syarat Perkhidmatan:*

Tempoh perkhidmatan sukarelawan-sukarelawan perkhidmatan di negeri ini adalah selama 2 tahun bagi permulaannya. Elaun sara hidup sebanyak $250 sebulan bagi mereka yang berkhidmat di Malaysia Barat dan $330 bagi mereka yang berkhidmat di Malaysia Timur adalah dibayar oleh Kerajaan Malaysia kepada sukarelawan-sukarelawan dari negeri Kanada, New Zealand, Britain dan Australia. Sukarelawan-sukarelawan dari negeri-negeri atau pertubuhan-pertubuhan yang lain adalah diperolehi dengan percuma.

## WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

### (Usul)

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Musa Hitam):** Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga pukul 9.00 malam.

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Haji Mohamed bin Yaacob):** Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan dipersetujukan.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga pukul 9.00 malam.

# RANG UNDANG-UNDANG

## RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1973

DAN

**(Usul)**

## ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1973

**Jawatankuasa**

Aturan urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis (23hb Januari, 1973).

Majlis Mesyuarat menjadi Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

**Tuan Pengerusi:** Sebelum sambungan perbahasan dalam Jawatankuasa ini dimulakan, saya suka hendak memberitahu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh sebab ada banyak lagi Kepala-kepala yang kita kena selenggarakan, kita kena bahas dan masanya adalah singkat sangat, maka mulai daripada petang ini saya hendak hadkan masa bercakap tidak lebih daripada 10 minit kepada tiap-tiap seorang Ahli Yang Berhormat. Saya minta tolonglah beri kerjasama.

Saya telah perhatikan semenjak dua tiga hari yang lepas walaupun saya telah memberi pesanan dan membuat rayuan, ada juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil lebih masa bercakap dan banyak masa itu dirugikan kerana diulangkaji atau diulangbalik perkara-perkara yang sama. Jadi, saya mintalah kerjasama daripada Ahli-ahli Yang Berhormat. Terima kasih.

*Kepala B. 23, B. 24, B. 25, B. 26, B. 27, P. 23, P. 26 dan P. 63—*

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Haji Mohamed bin Yaacob):** Tuan Pengerusi, saya mohon membentangkan Kepala B. 23 hingga B. 27, P. 26 dan P. 63 bersama-sama kerana kepala-kepala ini meliputi pelbagai Anggaran Jabatan-jabatan yang termasuk di bawah portfolio Perbendaharaan, dan saya mencadangkan supaya peruntukan yang berikut diluluskan:

| | | |
|---|---|---|
| Kepala B. 23— | $ 8,207,777 | (Perbendaharaan) |
| Kepala B. 24— | 29,937,630 | Perkhidmatan Am Perbendaharaan) |
| Kepala B. 25— | 30,100,000 | (Peruntukan Wang Yang Terkanun) |
| Kepala B. 26— | 26,104,616 | (Kastam dan Eksais di Raja) |
| Kepala B. 27— | 16,584,420 | (Jabatan Hasil Dalam Negeri) |
| Kepala P. 23— | 35,152,000 | (Perbendaharaan) |
| Kepala P. 26— | 6,897,320 | (Kastam dan Eksais di Raja) |
| Kepala P. 63— | 60,000,000 | (Simpanan Luar Jangka) |
| Jumlah | $212,983,763 | |

*Kepala B. 23—Perbendaharaan*

Kepala B. 23 yang meliputi perbelanjaan Perbendaharaan yang sebenar bertambah sebanyak $957,777 pada tahun ini dari peruntukan tahun 1972. Sebanyak $643,889 daripada tambahan ini ialah kerana kenaikan gaji tahunan dan untuk membayar gaji kakitangan baharu terutama di Bahagian Penilaian. Penambahan jawatan di Bahagian Penilaian adalah akibat bertambahnya beban-kerja pengambilan tanah untuk projek-projek besar Rancangan Malaysia Kedua dan lain-lain tugas bersangkutan.

Baki tambahan sebanyak $314,888 di bawah Kepala B. 23 adalah untuk:

(*a*) Perjalanan dan Pengangkutan orang

(*b*) Kemudahan Perhubungan

(*c*) Api, Air dan Letrik dll.

(*d*) Sewa

(*e*) Perkhidmatan Percetakan

(*f*) Bekalan dan Bahan-Bahan

(*g*) Perabut, Alatan-alatan dan Ternakan.

*Kepala B. 24—Perkhidmatan Am Perbendaharaan*

Sebanyak $29,937,630 dikehendaki di bawah Kepala B. 24. Jumlah ini adalah kurang sebanyak $20,497,074 daripada peruntukan tahun 1972.

*Kepala B. 25—Peruntukan Kumpulan Wang Terkanun*

Sebanyak $30,100,000 dikehendaki di bawah kepala di atas dan jumlah ini kurang sebanyak $66,150,000 daripada peruntukan tahun 1972.

*Kepala B. 26—Kastam dan Eksais di Raja*

Di bawah Kepala B. 26 ini se jumlah $26,104,616 diperlukan bagi tahun 1973. Ini bertambah sebanyak $4,926,188 daripada peruntukan tahun 1972. Sebab-sebab bertambahnya peruntukan pada tahun ini termasuklah sebab-sebab yang berikut:

(*a*) Tambahan sebanyak $3,042,597 diperlukan bagi membayar gaji kakitangan baharu. Kakitangan baharu ini diperlukan bagi melicinkan dan memajukan lagi tugas-tugas dalam bidang pungutan hasil, mencegah penyeludupan dan perkhidmatan-perkhidmatan ejensi kepada Jabatan-jabatan lain, kenaikan gaji tahunan dan bayaran elaun lebih-masa kepada kakitangan.

(*b*) Sejumlah $230,040 adalah diperlukan untuk pakaian seragam baru untuk pegawai-pegawai Kastam seramai 2,603 orang.

(*c*) Sebanyak $697,634 dikehendaki kerana membeli alat-alat kelengkapan untuk pejabat-pejabat Bahagian Cukai Jualan, mengganti perabut yang telah rosak dan usang dan membeli kenderaan seperti Land Rover, Van dan kereta-kereta lanci untuk kegiatan mencegah penyeludupan dan memungut hasil.

(*d*) Tambahan sebanyak $250,130 dikehendaki untuk membaiki rumah-rumah kediaman dan pejabat di seluruh negara.

*Kepala B. 27—Hasil Dalam Negeri*

Anggaran Belanja Mengurus bagi tahun 1973 bagi Jabatan Hasil Dalam Negeri, Malaysia berjumlah $16,584,420 iaitu bertambah sebanyak $2,849,062 dari peruntukan tahun 1972. Dari jumlah peruntukan sebanyak $16,584,420 itu, $13,558,000 adalah bagi Malaysia Barat, $1,405,420 bagi Sarawak dan $1,621,000 bagi Sabah.

*Gaji*

Dari jumlah peruntukan Belanja Mengurus bagi tahun 1973 sebanyak $16,584,420 itu, $13,949,830 adalah bagi Gaji iaitu bertambah sebanyak $2,110,327 dari peruntukan tahun 1972. Tambahan ini adalah kerana kenaikan gaji tahunan dan untuk membayar gaji bagi jawatan baru yang perlu bagi beban-kerja yang bertambah untuk menaksir dan memungut cukai-cukai pendapatan, pembangunan, keuntungan bijih timah dan kayu balak, daftar duti harta pesaka, sewa filem dan bayaran pendaftaran perniagaan mengikut undang-undang yang berkenaan.

*Perkhidmatan dan Bekalan*

Peruntukan 1973 di bawah kepala ini adalah sebanyak $2,318,790 berbanding dengan $1,725,706 bagi 1972 iaitu bertambah sebanyak $592,085. Tambahan ini adalah bagi perbelanjaan yang bertambah terutamanya bagi Perjalanan dan Pengangkutan, Kemudahan Perhubungan, Api, Air dan Letrik, Sewa dan Percetakan kerana bertambahnya beban-kerja.

*Pembelian Harta Modal*

Sejumlah $315,800, iaitu tambahan sebanyak $146,650 dari peruntuk tahun 1972 telah diperuntukkan bagi maksud di atas. Sebahagian besar dari peruntukan ini adalah bagi perbelanjaan untuk membeli alat-alat kelengkapan pejabat bagi menggantikan yang lama dan usang dan untuk kakitangan tambahan bagi 1973. Sebahagian dari tambahan ini adalah bagi membaiki dan membuat perubahan kepada bangunan-bangunan pejabat.

*Kepala P. 23—Perbendaharaan*

Sebanyak $35,152,000 dikehendaki di bawah kepala P. 23 iaitu $29,036,000 kurang daripada peruntukan tahun 1972. Anggaran sebanyak $35,152,000 ini ialah untuk:

(*a*) $12,000,000—pinjaman kepada perbadanan Kemajuan Negeri

(*b*) $ 500,000—pelaburan kepada Syarikat Kemajuan Perumahan Pegawai-pegawai Kerajaan

(*c*) $20,000,000—pinjaman kepada Kerajaan Negeri Selangor

(*d*) $ 2,652,000—pinjaman kepada Kerajaan Pulau Pinang

*Kepala P. 26—Kastam dan Eksais di Raja*

Peruntukan sejumlah $6,897,320 adalah diperlukan bagi tahun 1973. Daripada

jumlah ini, $2,284,000 adalah diperlukan bagi projek-projek seperti:

(*a*) (i) Pembinaan 8 yunit rumah Kelas "G" di Kuantan.

(ii) Tambahan kepada Pejabat Kastam, Johor Bahru.

(iii) Pembinaan Pejabat Kastam baru di Kota Bharu.

(iv) Pembinaan 40 Yunit rumah Kelas "G" di Butterworth.

(v) Pembinaan 8 Yunit rumah Kelas "G" di Lumut.

(vi) Pembinaan satu yunit rumah Kelas "E" dan 8 yunit rumah Kelas "G" di Kuala Perlis.

(vii) Pembelian tanah untuk pembinaan pejabat baru di Pelabuhan Kelang.

(viii) Membeli dan meratakan tanah untuk pembinaan 1 Yunit rumah Kelas "E" dan 16 Yunit Kelas "G" di Rantau Panjang.

(ix) Pembinaan Pejabat-pejabat baru di Batu Pahat, Penggerang, Tanjong Surat dan Pasir Gogok.

(x) Pembinaan 16 Yunit Rumah Kelas "H" di Johor Bahru.

(xi) Pembinaan 16 Yunit Rumah Kelas "G" di Dungun, 6 Yunit Kelas "G" di Penggerang, 4 Yunit Kelas "G" di Tanjong Surat dan 2 Yunit Kelas "G" di Pasir Gogok.

(xii) Pembelian mesin-mesin resit untuk Pejabat-pejabat Kastam, Butterworth, Pelabuhan Kelang, Kuala Lumpur, Johor Bahru dan Singapura.

(*b*) Peruntukan sebanyak $875,900 adalah diperlukan bagi bayaran kemajuan dan wang simpanan bagi membina satu moto lanci ukuran 60′, enam moto lanci ukuran 45′, pembelian senjata api, peluru, dua buah kenderaan dan menyiapkan kerja-kerja pembinaan Stesyen "VHF".

(*c*) Peruntukan sebanyak $420,000 adalah diperlukan bagi pembinaan sebuah Asrama Pegawai-pegawai Kanan dan beberapa kemudahan di Maktab Latihan Kastam, Melaka.

(*d*) Peruntukan sebanyak $40,000 diperlukan bagi pembinaan sebuah bilek kebal di Butterworth.

(*e*) Peruntukan sebanyak $3,005,260 adalah diperlukan bagi kerja tambak-menambak dan pembinaan jejambat bagi Komplek-komplek Kastam di Johor Bahru.

*Sarawak*

Peruntukan sebanyak $102,150 adalah diperlukan bagi bayaran kemajuan dan wang simpanan bagi pembinaan dua buah moto lanci 45′ bagi Cawangan Pencegah di Sarawak.

*Sabah*

Peruntukan sebanyak $170,000 adalah diperlukan bagi pembinaan 20 Yunit rumah-rumah bagi Pegawai-pegawai Kastam yang mana pembinaannya sedang dijalankan.

*Kepala P. 63—Simpanan Luar Jangka*

Sebanyak $60,000,000 dikehendaki bagi tahun 1973 iaitu bertambah sebanyak $20,000,000 daripada Anggaran tahun 1972.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Peter Paul Dason (Pulau Pinang Utara):** (*Dengan izin*) Mr Chairman, Sir, I refer to Kepala B. 23, muka 197, Sub-head 1100, item (2)—Budget Management. The Government must exercise stringent control on the expenditure and disbursement of public funds. Every year we note that the Budget keeps increasing. It would appear that the Government is only interested in finding ways to squeeze money out of the citizens of this country. It does not seem very concerned with cutting down unnecessary expenditure. The Government should set up a Department having just the sole responsibility of looking into the ways and means of cutting down unnecessary expenditure and wastage. The Government must first tighten its own belt before it calls on its citizens to tighten their belts. I call on all Government Ministries and Departments to launch an austerity campaign and the result of such a campaign, Tuan Pengerusi, must not just be on the propaganda level, but the results must be felt at all Government levels, and it also must be seen to have taken place by the

public. Previous austerity campaign have been only a farce and a propaganda exercise by the Government.

Tuan Pengerusi, if one were to read the Auditor-General's Report, one comes across many queries and questions which have been raised with regard to expenditure by various Departments where expenses have not been accounted for or are incapable of explanation. What is the purpose, Tuan Pengerusi, of having the Auditor-General making a Report if these Departments year after year go on doing the same thing—incurring expenditures which they cannot explain or account for. This practice must be stopped and those Heads of Departments responsible for allowing situations like this to rise ought to be carpeted.

Tuan Pengerusi, I now refer to Kepala B. 23, page 197, Sub-head 1100, item (10)—Housing Loans. Mr Chairman, Sir, at present most of the housing loans are being given to Superscale and Division I officers. The bulk of these loans go to them whereas hardly anything is provided for the Divisions III and IV officers. This is a very unjust system of administrating these loans. Superscale and Division I officers are people who by virtue of their positions draw salaries that are big enough to enable them to purchase houses of their own and they are people who will find it much easier to obtain loans from banks or other financial institutions. It is the Divisions III and IV officers who really need to be given housing loans by the Government, but they get hardly anything. The Government, therefore, should allocate at least 75% of the sum that Government is providing as housing loans to Divisions III and IV officers of the Government. Tuan Pengerusi, what baffles me is that this Government can give loans of $20,000, $30,000 or even $40,000 to top Civil servants at the interest rate of 4% whilst the poor landless peasants who are resettled in land development schemes like FELDA are made to pay 6¼% interest. Is this reasonable, Tuan Pengerusi? Is this the *masyarakat adil* that the Government talks of? It is high time the Government did some serious re-thinking on this whole issue.

I now refer to Kepala P. 23, page 203, Subhead 2—Loan to State Development Corporations. Tuan Pengerusi, the Federal Government gives loans to various State Development Corporations. These loans come out of the public funds and here we debate on the sums the Federal Government is giving as loans to these State Development Corporations. This exercise in debating these allocations is all very correct and proper. But what happens when the allocations are made? The public is left in the dark as how these public funds have been utilised by the State Development Corporations. There is no accountability for the manner in which these loans are utilised. The accounts of the State Development Corporations are not tabled before the State Assemblies for debate, nor are they tabled before this House for debate. The public surely, Tuan Pengerusi, has a right to know what is being done with its money. Surely where public funds are being expended, the public has the right to ask for the accounts of these Corporations to be publicly scrutinised. I call on the Government therefore to make it a condition that before any loans are made to State Development Corporations the accounts of these Corporations must first be tabled before their respective State Assemblies for debate and in this House for debate.

Tuan Pengerusi, I now refer again to Kepala B. 23, page 197, sub-head 1100 item (1)—General Administration. We have heard the Honourable Minister of Finance state in this House that he is very glad that hot money is pouring into the country and then we have heard other Ministers yelling about "hot money" and the bad effects of hot money coming into this country, especially where this "hot money" is involved in land deals in Johore. Tuan Pengerusi, the Government must make up its mind. The public is absolutely confused as to what the Government's stand is on this issue of hot money. Different Ministers are making different statements. However, it is our view that this hot money is bad and it should not be allowed to come into this country. By allowing it to come into this country, we have allowed it to distort the whole economy of this country. Land prices have gone up and on top of that we find that share prices have simply shot up and one of these days when these speculators—the owners of "hot money"—decide to take out their "hot money", we will find the whole economy to a large extent being disrupted, with a lot of Malaysians finding their fingers burnt, and there will be a lot of regrets all over the place. It is the duty of the Government to

protect citizens and further there is no necessity to welcome this money which is coming in. It does not come to invest in new industries or to develop the country. It is just money that comes in to speculate, to make big profits and to get out and, therefore, I call on the Government to stop the entry of such money into this country.

One last point, Tuan Pengerusi, the same page 197, item (8)—Valuation Services. Tuan Pengerusi, whenever Government decides to acquire public property, under our Constitution compensation has to be paid, but Government Valuation Officers usually put very low prices on the properties the Government intends to acquire—they want to make it cheap for the Government—sometimes giving prices that are unfair and making valuations that are unreasonable. However, when stamp duties have to be paid on transfers, the Valuation Department comes in and they value the properties at a much higher rate than the market rate in order to get revenue for the Government. This, Tuan Pengerusi, is an unreasonable attitude that is being adopted by this Valuation Department and I hope that the Minister concerned would instruct his Valuation Officers to be fair and not to adopt double standards in this matter.

**Tuan Haji Ahmad bin Arshad (Muar Utara):** Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong Anggaran yang dipohon oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan.

Saya bercakap pada Kepala B. 23—Perbendaharaan. Satu kejadian yang serious berlaku dalam negeri ini, iaitu pengedaran wang kertas $50 Singapura yang palsu. Walau tangkapan telah dilakukan dengan kerjasama polis negeri ini dan Singapura, tetapi kumpulan mencipta wang palsu ini tidak putus-putus meneruskan usahanya dengan menunggu peluang dan ketika bagi meneruskan pengedarannya. Rakyat tentulah tidak begitu faham akan wang palsu ini. Akibat pengedaran wang palsu ini akan menjejaskan kedudukan Perbendaharaan kita dan menjadikan barang-barang mahal dan ekonomi negeri kita akan merosot. Oleh itu, menurut hemat saya yang cetek ini, Kerajaan patut mengkaji semula Lembaga Matawang dengan Singapura itu patut dipisahkan, kita patut bersendirian dalam masaalah matawang, kerana Singapura pun sebuah negara yang merdeka. Kalau kita biarkan keadaan yang begini, saya khuatir bahawa kejadian ini akan berleluasa juga.

Tuan Pengerusi, Kerajaan telah mengubah satu sistem belanjawan biasa kepada satu sistem baharu iaitu mengikut rancangan dan perlaksanaan dengan menubuhkan ajensi-ajensi. Bantuan menerusi sistem ini diberi oleh pakar-pakar dari Amerika dan Canada yang ditempatkan di Perbendaharaan kita. Tetapi faedah yang diharapkan oleh rakyat dengan pelancaran sistem baharu itu belum memuaskan kerana kekurangan kakitangan Kerajaan yang berkelayakan tinggi dan cukup terlatih.

Saya mengharapkan Kerajaan supaya mengkaji kelemahan sistem ini sekiranya perlu hendaklah diambil lebih banyak sukarela yang terlatih sementara menunggu cerdek pandai tempatan kita. Kita kuatir Dasar Ekonomi Baharu dalam masa 5 tahun itu hanya dilaksanakan sedikit sahaja dengan mengeciwakan rakyat.

Kepala P. 23—Pinjaman kepada Perbadanan Kemajuan Negeri. Saya berharap pihak Perbendaharaan dan juga Kerajaan Persekutuan Pusat supaya meluluskan permohonan peruntukan yang dipohon oleh Kerajaan Negeri Johor, kerana negeri Johor ini satu kawasan yang terpenting sekali di Malaysia ini untuk pembangunan, dengan melengahkan permohonan-permohonan yang diminta oleh Kerajaan Negeri Johor maka rancangan yang diharapkan itu tidak akan dapat dijalankan dengan sempurna.

Bercakap dalam masaalah Kastam dan Eksais di Raja. Di antara tugasnya menyelia dan menyelenggarakan kedai-kedai tuak yang berjumlah lebih 200 buah. Ada 3 jenis seperti kedai tuak Kerajaan, kedai tuak ladang dan kedai tuak awam. Oleh sebab minuman keras sekarang telah mahal manusia banyak bertumpu kepada minuman tuak, harga tuak ini murah dikatakan lazat dan mendatangkan kesihatan. Saya minta Kerajaan menggalakkan perusahaan menyadap nira tuak ini, walaupun ada tuak-tuak yang ditinkan tetapi orang ramai kurang menyukai kerana kurang khasiatnya. Kawasan kedai-kedai tuak ini juga patut dijaga tentang kebersihan dan penjualan makanannya di situ.

Yang akhir, Tuan Pengerusi, berhubung dengan penyeludupan. Oleh sebab penyeludupan dalam negeri kita ini tidak kurang bahkan bertambah hebat bukan sahaja di sebelah utara termasuk negeri kita di selatan, negeri Johor dan Melaka dan didapati penyeludupan ini cukup teratur dan mempunyai bot-bot yang laju.

Telah sampai masanya gerakan menentang penyeludup ini pihak Kerajaan menggunakan kapalterbang, selain daripada kelengkapan yang ada sekarang dan dengan demikian juga Cawangan Mencegah Penyeludupan patut diadakan di Sabah kerana dalam ucapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi hanya diadakan di Sarawak.

Tuan Pengerusi, Kepala B. 27—Jabatan Hasil Dalam Negeri. Di antara tujuan Jabatan ini mendapatkan hasil negara dengan menjalankan berbagai kuatkuasa termasuk cukai sewa filem. Menurut hemat saya, kesempatan ini hendaklah kita gunakan dengan menaikkan bayaran cukai filem-filem yang datang daripada luar negeri. Ini kita memberi peluang kepada perusahaan-perusahaan filem tempatan yang patut kita berikan pertimbangan supaya syarikat ini berjalan dengan baik, khasnya kita boleh beri pengecualian kepada filem-filem keluaran negara ASEAN.

**Tuan V. David (Dato Kramat):** (*Dengan izin*) Sir, I think more emphasis must be placed on the co-ordination between the Customs and the Police. In many cases, heroin and illicit drinks are being imported or manufactured and this is not being detected by the Customs Department. The hospital records will prove that a number of persons are receiving treatment for consuming illicit *samsu* or "moonshine" or whatever you may call it, and they would be in a position to say where it is sold—not only it is confined to rural areas, but it is being sold in the heart of towns.

Initiative on the part of the Customs lacks to a large degree. The Police, on the other hand, do not have any form of co-ordination with the Customs to detect offenders who are manufacturing and selling "moonshine". A few days ago we also observed in the Press how black market toddy is being sold in one of the toddy shops in Kuala Lumpur. The Government collects large amount of revenue on toddy and it is the primary duty of the Government to see that the consumers are not affected by racketeers and black marketeers.

A certain amount of vigilance should be brought about in the Customs Department. Customs Officers and Customs men should be asked to raid these places and also offer rewards for information where they sell or manufacture "moonshine". The horror of these drinks has a very serious effect on the health of the people and it could degrade the health of younger people who are also now inclined to this type of drinks.

Mr Chairman, Sir, a lot of glaring examples of the shortage of staff lies in page 415. Time and again, Mr Chairman, Sir, I think as early as 5 or 6 years ago, I had brought to the attention of the Minister of Health then, and also in succeeding years, of the shortage of nurses, of penolong jururawat, of laboratory assistants and the like and time and again, Mr Chairman, Sir, we have been told by Ministers, when they replied, that everything is in hand, don't worry. But we heard the Minister himself just now say that there is a shortage. Mr Chairman, Sir, if I heard the Minister correctly, and I stand corrected, I think I heard him say, "Perlatihan doktor-doktor di Fakulti Perubatan di Universiti Malaya akan diperluaskan." Jika itu benar, Tuan Pengerusi, saya berasa gembira oleh sebab Menteri Kesihatan sedar pada masa sekarang dan pada masa 10 tahun lagi tanahair kita ada kekurangan doktor-doktor. In this little note here, we are told that there are 571 students in the Faculty of Medicine. This note does not tell us that the Universiti Kebangsaan will start its first intake this year. I do hope, Mr Chairman, Sir, that what the Minister tells us is true, that the University of Malaya will increase its intake from 128, that is now, to 160, which means that the Ministry of Health will have to give more money to the 32 multidiscipline places which are being earmarked for dentistry. At the moment, it will be used by the Faculty of Dentistry but if the Ministry of Health gives the Faculty of Dentistry enough money, the Dental Faculty can move to another place and these 32 places can be used to train 32 more doctors and therefore bring the intake of doctors to 160 every year. As for the Universiti Kebangsaan, we are told that this year, the intake will probably be in the region of 40 and that the maximum will be in the region of 100. I do hope that the Ministry will plan now, not for an intake of 100 in the Universiti Kebangsaan, Faculty of Medicine, but for a total of perhaps more than 160 because the facilities at the General Hospital or Hospital Besar are far greater than the facilities at the University Hospital. In the University Hospital, there are only 750 beds, which will probably be increased to about 780 beds. In the Hospital Besar, Kuala Lumpur, the beds will be in the region of 2,000-plus and, therefore, the facilities for students are much greater than that in the University Hospital. Therefore, they can train much more than 100 that they think they will take. But in order to do that, Mr Chairman, Sir, the Ministry must plan now so that in about six or seven years, we hope we can also train 160 doctors in the Faculty of Medicine, Universiti Kebangsaan.

While we are on the training of doctors, Mr Chairman, Sir, I do hope that the Ministry will also now plan for converting the District Hospital in Klang into a Teaching Hospital because the facilities at the University Hospital, I reiterate, are not adequate for an increased number of students and unless there are adequate facilities there, there is no point in taking more students. At the moment, the Minister knows, and his officials who are sitting behind him know, that the Faculty of Medicine, University of Malaya, send their students also to Hospital Besar, Kuala Lumpur, and if those facilities are denied to them, then they must find other alternatives. One alternative that is eminently suitable, Mr Chairman, Sir, is the District Hospital in Klang which can be turned into a Teaching Hospital.

Mr Chairman, Sir, we are told just now by the Minister about the training of nurses. I notice in this table here jumlah di dalam latihan tahun 1972 jururawat ialah 1,371; penolong jururawat 950; latihan jururawat perbidanan 198; pembantu makmal 210.

Tuan Pengerusi, all these numbers that I have read are totally inadequate, particularly so with the nurses, although the Minister now tells us that he is going to open up a training centre at Ipoh and another at Kota Bharu. The Ministry knows, and his Ministry officials behind him know, that when you train a nurse, it is a very chancy thing. First, they get married and they get strange ideas after marrying and they say, "It is not worth my while". Particularly so, Tuan Pengerusi, if a nurse marries a doctor and then there is no point in her continuing in the profession. Therefore, the wastage rate is

very great. Coupled with this, Tuan Pengerusi, is the fact that most of them go abroad for post-basic training. There are not enough facilities in this country and therefore they go abroad and this is one of the reasons why we have so many of them overseas and if they stay too long overseas, then they say: "You know, if I come back, it is sticky, hot over there; I better stay in U.K., gaji is better, facilities are better" and therefore we lose nurses in this way. So, the Ministry must recognise the fact that the wastage rate, particularly of nurses, is very great and therefore they should train many more.

Coupled with this, Tuan Pengerusi, is the fact that more and more private practitioners will be opening Nursing Homes and therefore they will have to look somewhere for staff and one way would be to look around for staff in the Government hospitals and this is another way whereby Government loses its staff. But there is no loss in the actual sense of the word, Tuan Pengerusi, because, when the Government loses, the private sector gains and the private practitioners who set up Nursing Homes are a very important arm of the Government and therefore it is no loss.

I am surprised that there are only 950 assistant nurses being trained because the need for assistant nurses perhaps is even greater than the need for staff nurses. In the University Hospital we know that whenever they advertise for assistant nurses they get one or two applicants when there are 100 over jobs vacant in the University Hospital. I would urge the Minister of Health to try and increase the training of assistant nurses, mid-wives, staff nurses and all the other auxiliary staff and let it not be said that the Ministry has not been told about this.

**Tuan Pengerusi:** Sudah dekat 10 minit.

**Dr Tan Chee Khoon:** Sedikit lagi, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Satu dua minit lagi boleh.

**Dr Tan Chee Khoon:** Tuan Pengerusi, page 447 gives us the number of hospital beds. We are told that in 1971 there were 27,661 beds; in 1972 there were 27,611 beds; and in 1973 there are 27,751 beds. When you take away the beds for Hospital Otak, Hospital Kusta, Hospital Tibi, Hospital Pengidap, you find that the beds in the General Hospitals and District Hospitals have been 17,303, 17,330 and 17,559 respectively in the years quoted. In other words, Tuan Pengerusi, there is hardly any increase in the hospital beds and therefore with the increase of a population at the rate of three per cent there will be an acute shortage of hospital beds. I do know the difficulty of the Ministry. The Ministry has to try and rebuild or renovate most of the General Hospitals up and down the country and therefore that is a priority, but when that programme is over, I do hope that the Ministry will look into this problem of having beds up and down the country.

Tuan Pengerusi, I now wish to touch a little on the Pusat Mengawal Kusta Negara. The Director of the Pusat Mengawal Kusta Negara was here just now, but unfortunately I don't think he is here now. Anyway, I do hope that the Ministry. . . . .

**Tuan Pengerusi:** You are addressing the Minister in the House and not the people sitting behind there!

**Dr Tan Chee Khoon:** Yes. If the people sitting behind are knowledgeable people. . . .

**Tuan Pengerusi:** Now you have already taken 12 minutes.

**Dr Tan Chee Khoon:** Yes, Tuan Pengerusi, I just wish to touch a little. . . . . . . .

**Tuan Pengerusi:** One minute more; last point now.

**Dr Tan Chee Khoon:** I do hope that the Ministry will pay more sympathetic attention to the problems of the patients in the Pusat Mengawal Kusta Negara. Among other things, Tuan Pengerusi, they say that they work and they are not given a gaji. The Government's view is that that is not work that they are doing. They are given occupational therapy, working in the wards and the like and therefore they are given an allowance. But they say that they do not enjoy E.P.F., they do not enjoy leave and the like. While the Government's view may have some truth in it, I do hope that the Ministry will be more sympathetic towards the inmates of the Pusat Mengawal Kusta Negara.

I notice also in this book that they will now reduce the number of patients by 100 every year. Tuan Pengerusi, I am not against the discharge of 100 patients every year from Sungei Buloh except that the patients of Sungei Buloh are a little different from those who have recovered from an attack of broncho-pneumonia or from an attack of tuberculosis. They cannot go out into the cruel world and if they are forced to go out, Tuan Pengerusi, they will create all sorts of problems to society. Therefore, I urge the Ministry not to discharge any patients from Sungei Buloh until and unless the patient who has recovered is assured of a job outside the limits of Sungei Buloh.

**Tuan Pengerusi:** I think that is enough; the time is up.

**Dr Tan Chee Khoon:** Tuan Pengerusi, I just want to touch on just one more item—on Theresa Choong. I do hope, Tuan Pengerusi, that the Minister will have second thoughts on the posting of Theresa Choong. I do know that the Ministry, having made a decision will find it very difficult to back-track but this is not a question of saving face; aside from the fact that she is the President of the Malaysian Nurses' Union, she is a very highly-qualified nurse trained in Neuro-surgery and if she is removed from the Neuro-Surgical Unit and posted to Kuantan, then I say it is an absolute waste of talent and the Ministry is not that over-abundant in talent that it can do away with a highly qualified staff from the Neuro-Surgical Unit.

**Tuan Walter Loh Poh Khan (Setapak):** (*Dengan izin*) Mr Chairman, I only have one item to speak on and that is on page 238, Sub-head 6—Improvement to Dental Services. I fully support the sums allotted.

I would refer to the Honourable the Minister of Health's recent press statement that water supplies throughout West Malaysia will soon be treated with fluoride. The aim was to reduce the incidence of tooth decay among children by 60 per cent. Though I fully support the Honourable Minister of Health's decision to fluoride water supplies, I would appeal to him to take very seriously to heart because it is impossible to give fluoride in proper dosages when it is added to drinking water and widely varying amounts are then drunk, since 99.5 per cent of sodium fluoride added in fluoridation would be a persistent, indestructible and cumulative water contaminant. The fact remains that fluoride poisoning can be caused by very small doses.

Mr Chairman, Sir, in the Grand Rapids, Michigan, experiments showed a reduction of 60% in dental caries between the ages of 6 and 16 years. After that there was no difference worth mentioning, but there were 100% more deaths from heart diseases and 50% more from nephritis disease; side-effects, toxic conditions and drastic conditions in teeth and bones are caused by fluoridation.

In Colorado, fluoride adversely affected the development of jaws of children and the numbers suffering from fluorosis rose from 79% in the 20-24 age group to 91% in the 40-44 age group. The teeth of 9-year old children showed that 81% suffered from fluorosis. A report from the Department of Health published in February, 1972 on Fluoridation Studies in the United Kingdom and the results achieved after 14 years. The report stated that it is evident that the increase in the number of decayed teeth between the ages of 8 and 14 is practically the same in each group. The initial difference at age 8 between the fluoridation group and the other group is less than one tooth per child. In fact, fluoridation has simply delayed the onset of dental decay in one tooth for one year. This significant effect shows that fluoridation is a failure and, on the contrary, is the addition of a known poison to water supplies.

At the World Health Assembly of the World Health Organisation, held in 1969, a Resolution on Fluoridation and Dental Health was adopted, but it was reported at the Assembly that the Resolution has been widely misunderstood. The Resolution, instead of being an endorsement of fluoridation, is a call for caution and more research. Thus the Resolution is an implicit condemnation of fluoridation. The argument is that if chlorine, which is a deadly poison, can be added to water without adversely affecting health, why not fluoride? Fluoride is not added to water to destroy bacteria and not all of it is eliminated by filtering or other means. When fluorine is added it is meant to remain in the water and enter the

bloodstream of those who drink it. Even when less than 1 p.p.m. is ingested the cumulative effect has been proved to be harmful and leads to conditions about which we as yet know little. Why then subject the entire population to forcible fluoridation, for it merely means that yet another destructive element is being taken into the system, which may cause or help to accelerate some degenerative disease like cancer, diabetes or hardening of the arteries. In a hot climate like ours, a low level, even less than 1 p.p.m., would be harmful.

The issue of fluoridation is not whether or not the natural presence of about 1 p.p.m. fluoride in the drinking water does or does not have a beneficial effect on the children's teeth. It is whether it is ethically right to add sodium fluoride to the drinking water artificially.

**Tan Sri Syed Nasir bin Ismail (Muar Dalam):** Tuan Pengerusi, saya suka hendak menyentuh satu dua perkara sahaja di dalam perbahasan mengenai Perbelanjaan Kementerian Kesihatan ini iaitu berhubung dengan Kepala B. 28, Pecahan-kepala 1100 dan 1200 dan saya suka mengucapkan tahniah di atas usaha-usaha yang telah dijalankan oleh Kementerian ini di dalam mengisi kekosongan jawatan-jawatan dan kekurangan pakar-pakar, doktor-doktor dan pegawai perubatan yang telah dialami oleh negara kita semenjak beberapa tahun yang lampau.

Yang Berhormat Menteri telah menerangkan tadi iaitu beberapa orang pakar dan pegawai perubatan telah diambil daripada luar negeri dan saya dapati ada 319 orang pakar, dan pengambilan ini adalah melalui kerjasama Kerajaan dengan Kerajaan iaitu sebagai pakar-pakar atau pegawai perubatan dan juga pegawai perubatan ikhtisas yang telah diambil daripada Pakistan dan Mesir. Ini adalah satu usaha yang patut diteruskan untuk mengambil doktor-doktor dari manamana sahaja untuk mengisi kekurangan itu dan ini akan menyebabkan atau mendatangkan kepercayaan penuh rakyat terhadap Kerajaan kita tentang menjamin kesihatan mereka dan anak-anak mereka.

Sungguhpun demikian, saya suka menarik perhatian Yang Berhormat Menteri iaitu saya telah menerima banyak sungutan dan ada kegelisahan di antara doktor-doktor dan pegawai perubatan yang diambil daripada negara-negara luar itu iaitu sebagaimana dalam lapuran Anggaran Belanjawan ini di muka 424 iaitu pakar-pakar daripada Pakistan dan Mesir. Kegelisahan di antara kalangan doktor-doktor ini dengan sebab layanan buruk yang diberikan kepadanya oleh pihak-pihak yang berkenaan. Dan ini telah menyebabkan ada beberapa orang daripada mereka yang hendak menamatkan perkhidmatannya untuk balik ke negeri masing-masing dan ini kalau terjadi sudah tentulah mendatangkan pandangan yang buruk terhadap negara kita. Dan ini bukan sahaja melibatkan pegawai dengan pegawai, tetapi akan melibatkan negara dengan negara dan Kerajaan dengan Kerajaan.

Saya mengharapkan perkara ini dapat diberi perhatian yang berat oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan supaya pegawai-pegawai kita akan dapat meneruskan usaha untuk mengambil pegawai-pegawai perubatan daripada negara tersebut.

Sebagai satu contoh yang saya dapati bahawa di hadapan saya ada bukti bahawa seorang yang tidak diberi taraf ikhtisas atau pakar, tetapi menjalankan pembedahan yang begitu banyak. Seorang yang didatangkan daripada Mesir yang bertugas di Hospital Besar, Johor Bharu, iaitu telah menjalankan pembedahan di antara 10hb November, 1971 hingga 10hb April, 1972 dan daripada 23hb April, 1972 hingga 24hb Mei, 1972 yakni jumlahnya 6 bulan, maka doktor itu telah menjalankan pembedahan kecil dan besar sebanyak 542 maka hitung panjang 50 pembedahan kecil dan besar dilakukan oleh doktor ini dalam masa satu bulan. Sungguhpun begitu tugasnya doktor itu masih tidak dianggap sebagai pakar, tidak dianggap sebagai pegawai perubatan ikhtisas.

Ini mendatangkan satu sikap yang sudah tentu buruk terhadap negara kita kerana pengambilan doktor-doktor itu telah dilakukan di antara Kerajaan dengan Kerajaan. Saya hanya berharap kepada Yang Berhormat Menteri supaya mengambil tindakan yang segera untuk menjaga muhibbah yang patut ada di antara doktor-doktor kita dalam negeri yang sudah ada ini dengan doktor-doktor yang datang dari luar negeri dan cuba menghapuskan kiranya ada sikap iri-hati (professional envy) yang kiranya ada berlaku di antara doktor-doktor itu.

Dan saya memandang perkara ini amat berat, kerana sebagaimana saya katakan tadi

ini akan melibatkan sikap negara asing terhadap negara kita. Dan saya serahkan kepada kebijaksanaan Yang Berhormat Menteri dan pegawai-pegawainya untuk membaiki keadaan itu, menjernihkan keadaan yang telah keruh yang telah berlaku di antara doktor-doktor tempatan dan doktor-doktor yang didatangkan yang kita ambil dari negara asing itu. Kerana saya tidak hendak melibat iaitu doktor dengan doktor berselisih faham, rakyat juga yang tidak akan mendapat rawatan yang sempurna daripada perkhidmatan doktor-doktor itu kelak.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, iaitu berhubung dengan latihan. Bagaimana yang saya ketahui iaitu Universiti Kebangsaan akan mula mengambil pelajar-pelajar di Fakulti Perubatan mulai tahun ini 40 orang dan apabila pindah ke Bangi kelak 100 hingga 120 orang tiap-tiap tahun. Saya mengharapkan keadaan akan bertambah baik dengan adanya pelajar-pelajar kita yang ada di Universiti Malaya yang akan mengambil jurusan kedoktoran ini dan di sini juga saya mendapat tahu iaitu kerjasama yang baik telah diberi oleh Kementerian Kesihatan tentang pembinaan pre-clinical, bangunan yang akan didirikan berdamping dengan Hospital Besar di Jalan Pekeliling.

Di sini saya suka menyambung lagi berhubung dengan Rancangan Latihan iaitu Kepala P. 28, Pecahan-kepala 1. Saya dapat tahu ada banyak daripada doktor-doktor yang pada masa ini belum mendapat iktisas atau latihan iktisas atau post training kerana perjanjian doktor-doktor ini dengan Kementerian Kesihatan atau dengan Kerajaan.

Saya berharap kiranya dapat, Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri Kesihatan menimbangkan dan berunding dengan pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam supaya doktor-doktor yang mahu dan ada minat serta kebolehan untuk melanjutkan pelajarannya, untuk mendapatkan keiktisasan dalam sesuatu jurusan patut diberi galakan dengan menggantung perjanjian yang ada berjalan kuatkuasanya di antara doktor-doktor itu dengan Kerajaan. Dengan menggantung perjanjian ini bagi tempoh yang doktor-doktor ini pergi melanjutkan pelajarannya samada dalam negeri atau luar negeri. Ini akan menguntungkan bukan sahaja doktor-doktor itu yang akan menjadi pakar, tetapi ini juga akan menguntungkan rakyat negara ini kerana dengan adanya mereka itu mendapat kelulusan di bidang dan jurusan yang dipilih oleh doktor-doktor ini akan dapat memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada rakyat negara kita ini. Walaupun ada akan datang bertambah banyak rakyat negara kita ini yang akan mengambil bidang kedoktoran dan adanya pengambilan doktor-doktor dan pakar-pakar daripada luar negara kita, tetapi penduduk-penduduk negara kita juga bertambah daripada satu masa ke satu masa.

Oleh yang demikian, saya sekali lagi meminta supaya Yang Berhormat Menteri Kesihatan dapat mengambil tindakan dan langkah supaya menimbangkan doktor-doktor yang ada minat, yang ada kebolehan untuk melanjutkan pelajarannya di dalam mana-mana bidang kekhususan yang dipilihnya patutlah diberi galakkan dengan menggantungkan perjanjian di antara mereka dengan Kerajaan bagi tempoh untuk mendapatkan kelulusan di dalam bidang itu.

**Tuan Edmund Langgu anak Saga (Saratok):** Tuan Pengerusi, saya hendak menyentuh sedikit sahaja tentang perkara yang dibangkitkan dalam P. 28, muka 240, Pecahan-kepala 33 dan 35.

Tuan Pengerusi, saya sangat senang hati kerana keadaan-keadaan wang untuk membuat Pusat-pusat Rawatan Baharu ini di negeri Sarawak. Saya haraplah Kementerian ini dapat memberi perhatian lebeh lagi terhadap perkara ini supaya rakyat-rakyat di hulu sungai dan tepi-tepi laut di Sarawak dapat mengambil ubat dengan cepat atau dirawat dengan tidak ada kelambatan seperti beberapa tahun yang dahulu.

Dari Pusat-pusat Rawatan Baharu ini, saya harap termasuklah pusat rawatan dalam kawasan saya sendiri di Nangapan, Saratok yang mana telah dicadang dan dibenarkan oleh perintah tempatan di Sarawak. Jika tidak masuk saya berseru kepada Kementerian ini supaya tindakan untuk mendirikan pusat rawatan itu dengan tidak ada kelambatan lagi. Sekali lagi, Tuan Pengerusi, saya minta Kementerian Kesihatan ini review planning programmenya untuk mendirikan hospital-hospital baharu di negeri Sarawak. Sebab di sini cuma dua hospital baharu dapat peruntukan iaitu Limbang dan Serian Hospital. Nampaknya, district hospital yang telah dibenarkan oleh Kementerian ini untuk

Saratok District tidak ada mendapat apa-apa. Sebab itu, Tuan Pengerusi, saya minta Yang Berhormat Menteri Kesihatan dapat berunding sekali lagi dan sedia mengadakan wang untuk membuat District Hospital di Saratok supaya hospital ini dapat didirikan dalam tahun ini untuk menyenangkan 40,000 lebih rakyat di tempat itu yang jauh sekali dari hospital yang ada di Semanggang dan Sarikei sekarang.

**Tuan Hussain bin Haji Sulaiman (Besut):** Tuan Pengerusi, mengenai Kepala B. 28 ini, saya suka mengambil bahagian untuk menyentuh dua perkara sahaja. Yang pertama, mengenai dengan perkhidmatan rawatan pesakit-pesakit. Sudah beberapa kali ditimbulkan di dalam Dewan ini, samada waktu Soal Jawab ataupun waktu membahaskan anggaran di masa-masa yang sudah Anggaran Kementerian Kesihatan, ramai Ahli-ahli yang bercakap mengenai rasa tidak puas hati di atas layanan apabila seseorang pesakit itu pergi meminta rawatan di hospital, dan pihak Yang Berhormat Menteri berkali-kali menafikan masaalah ini dan memberi pengakuan bahawa pihak doktor-doktor ataupun pegawai-pegawai berkenaan telah memberi rawatan dengan tidak mengiran kelas orang yang sakit itu.

Pada bulan Disember yang baharu ini, Tuan Pengerusi, untuk mencari kebenaran yang sebenarnya, saya telah cuba menyamar diri pergi ke General Hospital di Kuala Lumpur untuk mendapat sedikit ubat dengan saya menunjukkan saya sakit gatal. Saya meminta kad seperti orang biasa, maka pada hari yang pertama ubat yang diberi kepada saya ialah ubat untuk sapu. Kemudian keesokan harinya saya pakai lebih kurang begini, Tuan Pengerusi, pergi ambil kad dengan mengenalkan diri sebagai Ahli Parlimen, maka saya dapat ubat jenis lain pula.

**Tuan Pengerusi:** Waktu menyamar diri dahulu macam mana pakaiannya?

**Tuan Hussain bin Haji Sulaiman:** Waktu saya menyamar diri, Tuan Pengerusi, dia beri ubat . . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Tidak, saya tanya pakaian.

**Tuan Hussain bin Haji Sulaiman:** Pakaian, pakaian biasa sahaja, tidak ada tai, cuma baju sahaja. Bila saya sudah memakai coat dan memperkenalkan bahawa saya Ahli Parlimen, maka dia berilah satu rawatan yang agak istimewa dan ada injection. Ini, Tuan Pengerusi, satu kenyataan yang sungguh saya bercakap dalam Dewan ini. Rupa-rupanya selama ini Yang Berhormat Menteri menafikan perkara-perkara seperti ini ialah berdasarkan kepada surat-surat atau kenyataan yang diberi oleh pegawai dibelakang mengatakan benda ini tidak betul, tetapi bila kita membuat satu cara yang seperti ini, kita akan dapati keadaan yang sebenarnya. Maksud saya, soal tak puashati dari orangramai terhadap layanan yang berbeza ini memang satu perkara yang betul berlaku di mana-mana hospital di seluruh Malaysia.

Tuan Pengerusi, kalau hendak memberi layanan yang tidak sama, tidak mengapa. Sepertimana masuk wad kelas tiga, makanannya kurang sedikit. Masuk wad kelas dua, makanannya elok. Masuk wad kelas satu, lagi elok. Wakil Rakyat masuk, layanannya elok—tidak mengapa, tetapi dari segi kesihatan tidak seharusnya dibeza-bezakan sebab kesihatan adalah sama.

Kepada saya, sebagai wakil rakyat, kalau saya diberi ubat yang istimiwa, pengundi saya diberi ubat yang paling buruk, tidak ada guna saya berada dalam Dewan ini, kerana saya berada dalam Dewan ini berpunca dari adanya pengundi yang mewakili pada saya. Dan pengundi yang memberi undi kepada saya itu bukan untuk saya hidup, mereka mati, tetapi ialah untuk saya hidup dan mereka juga hidup. Untuk saya sihat dan mereka juga sihat. Itulah pengertian saya antara saya dengan pengundi saya, Tuan Pengerusi, maka dengan sebab itu, saya harap pada hari ini apa yang saya sebutkan ini, saya minta sungguh-sungguh kepada Yang Berhormat Menteri, kalaulah hendak mencari bukti betul atau tidak betul, apa yang saya katakan ini, tolonglah cari orang yang tidak dikenali oleh pegawai-pegawai di hospital Menteri sendiri melepaskan orang itu buat sepertimana yang saya telah buat itu, *insya Allah* perkara ini akan dijumpa.

Dan perkara yang kedua, sebagai contoh, kalau tidak silap apa yang diberitahu kepada saya, seorang Ahli Dewan Negara mewakili negeri Kedah telah meninggal dunia di Kuala Lumpur sedikit masa yang lalu. Oleh

kerana Ahli Yang Berhormat itu, waktu meninggal dunia tidak dikenali oleh pegawai yang bertanggungjawab di waktu itu di Hospital Besar Kuala Lumpur, maka beberapa jam Ahli Yang Berhormat itu dibiarkan dengan tidak diberi sebarang layanan. Kemudian setelah diperiksa, di dalam poketnya didapati kad Dewan Negara, baharulah keadaan tergesa-gesa di rumah sakit itu.

Saya tidak hendak mengatakan bahawa Allah Yarham itu meninggal dunia kerana kurang layanan, itu ajal dia, Tuan Pengerusi. Tetapi inilah kesah-kesah yang ada di Hospital Besar, Kuala Lumpur sendiri. Apatah lagi di hospital-hospital yang ada di tiap-tiap daerah.

Perkara yang akhir, Tuan Pengerusi, yang saya hendak sebut ialah mengenai Kepala P. 28—Hospital Jerteh, Kalau tidak silap ingatan saya, semasa Yang Berhormat Menteri Perhubungan yang ada sekarang ini menjadi Menteri Kesihatan, semasa lawatannya ke daerah Besut telah menulis di dalam buku catitannya bahawa Kerajaan akan mendirikan sebuah hospital besar di Jerteh dan ditulis di situ "Top Priority". Ertinya keistimiwaan yang utama di dalam Rancangan Malaysia Yang Kedua.

Saya tengok di sini memang ada peruntukan, tahun lepas pun ada peruntukannya. Apa yang saya hendak sebutkan di sini, Tuan Pengerusi, pada bulan April tahun 1972, kerja-kerja meratakan tapak tempat hendak didirikan hospital itu terpaksa diberhentikan pada bulan April tahun 1972 kerana pelan bangunan yang hendak didirikan itu terpaksa diubah sadikit. Bila selesainya mengubah pelan itu? Bulan Oktober, 1972. Ertinya tujuh bulan. Tiap-tiap kali Mesyuarat Tindakan Daerah, lapuran persetujuan dari Kuala Lumpur" sampai bulan Oktober—tujuh bulan. Ini progress di dalam Bahagian Pembangunan di Kementerian Kesihatan, tujuh bulan kerana hendak pinda pelan sahaja. Kalau tujuh bulan hendak pinda pelan, ini suatu kemajuan yang maha tinggi di Kementerian Kesihatan. Itu pun tujuh bulan tak kurang dari 20 kali saya menalipon kepada Bahagian Pembangunan ini dan kena dua kali saya menggangu Yang Berhormat Menteri sendiri, tetapi dia tidak ada, P. A.-nya jawab. Inilah kehas-kesahnya.

Saya dengan Yang Berhormat Menteri bercakap baharu sekejap tadi mengatakan bahawa hospital ini akan dimulakan bangunannya, letak batu asas barangkali pada tahun hadapan, katanya. Istilah tahun depan dimaksudkan tahun 1973 ataupun tahun depan tahun 1974? Saya minta bila Yang Berhormat Menteri Kesihatan menggulung perbahasan sekejap lagi, tolong memberi erti tahun depan yang dimaksudkan dalam ucapannya.

Saya khuatir kalau-kalau ucapan itu dibuat dalam tahun 1972, tentulah tahun depan tahun 1973, kalau ucapan itu dibuat untuk tahun 1973 maka tahun depan jadilah tahun 1974. Kalau ini terjadi pada tahun 1974 maka saya kata apa yang dituliskan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan yang terdahulu daripada Yang Berhormat Menteri Kesihatan yang ada sekarang ini sudah tidak menepati perkataan "Top Priority" yang ditulis dalam Buku Lawatan itu.

Saya harap perkara ini mendapat penjelasan yang sebenar daripada Yang Berhormat Menteri.

Pada akhirnya sekali, Tuan Pengerusi, walau bagaimanapun saya tetap menghargai usaha-usaha yang dijalankan oleh Yang Berhormat Menteri ini serta pegawai-pegawainya, cuma perkara yang saya sebutkan tadi sahajalah, kalau boleh dibaiki untuk masa akan datang.

**Tuan Loh Jee Mee (Batang Padang):** (*Dengan izin*) Mr Chairman, Sir, I wish to refer to Kepala P. 28 on page 235, Sub-head 1—Training Programme. I am sure, Sir, the Ministry is fully aware that of late many of our girls have left town and travelled all the way to the United Kingdom to get themselves trained in the nursing profession. In view of the fact that our country too provides such training facilities, it is a wonder why these girls go that far. This is a serious problem and I hope that the Ministry will look into it and study as to why these girls choose to get themselves trained in England and it also saves taxpayers' money for sending officers abroad to recruit back these same girls who have gone all the way to be trained there, in order to try to convince them to serve in our country.

Next I would like to refer to page 239, Sub-head 16—Purchase of Vehicles. Sir, we all know that the running of ambulances is very essential, but it is of interest to note

that many of our ambulances are usually occupied in the workshops for months because funds are either insufficient or already exhausted. Usually it is due to the delay in the approval of such funds by the Ministry, due to red tape. Sir, I would like to mention one particular case which occurred in my constituency in which an ambulance which was comparatively new, bearing the number of BY 9626, whilst on an emergency trip conveying one accident case patient from the Tapah District Hospital to the Ipoh General Hospital on the 6th October last year, broke down a few miles after leaving the Tapah town and it had to be pushed with the help of some public-spirited rural folks. The hospital authorities had been aware of the condition of the vehicle and had asked for funds to repair it, but each time it fell on deaf ears. Only after that particular incident did the Ministry respond and that, too, after they had received a petition.

Mr Chairman, Sir, this is certainly a very serious matter, for an incident of this nature may mean life and death for a patient. If a patient dies as a result of such an incident, as I have mentioned, then the Ministry should be held responsible. I, therefore, hope that the Ministry would take note and see that such shameful incidents would never be repeated not only in my constituency but the country as a whole; and one sure remedy is that new ambulances be provided to all hospitals in the country.

**Tuan Latip bin Haji Dris (Mukah):** Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh dengan ringkasnya Kepala P. 28—Kementerian Kesihatan bagi peruntukan untuk negeri Sarawak, Pecahan-kepala 31 dan 32 di muka surat 239 dan 240 yang berjumlah semuanya $1,280,000 bagi Rancangan Memperbaiki Kesihatan Luar Bandar dan Perkhidmatan Pergigian di Sekolah.

Tuan Pengerusi, kesihatan di negara kita seperti yang kita tahu diselaraskan dengan keperluan pembangunan ekonomi dan kemajuan kemasyarakatan bagi menggalakkan perpaduan negara seperti yang ditegaskan oleh Kerajaan kita.

Dengan hal yang demikian, Tuan Pengerusi, suka saya menarik perhatian Kementerian ini berhubung dengan sebuah rumah tempat ubat luar bandar di pekan kecil Balingian di dalam daerah Mukah yang memberi perkhidmatan kesihatan kepada seramai 15,000 orang penduduk di kawasan itu, yang mana bangunan itu sekarang walaupun boleh dikatakan masih tegap lagi yang dibuat daripada papan, malangnya bangunan tersebut sekarang hampir jatuh ke dalam sungai Balingian disebabkan tanah tebing sungai itu susur. Dari itu, saya minta Kementerian ini memberi peruntukan khas bagi membina sebuah tempat ubat luar bandar di Balingian bagi menggantikan bangunan yang saya katakan itu yang menunggu saat dan ketika untuk terjun ke sungai.

Tuan Pengerusi, sekarang di pekan Mukah telah ada sebuah rumah sakit daerah dan juga seorang doktor berserta kakitangannya yang bertugas di situ, walaupun kakitangan lain-lain telah ada di hospital tersebut. Sepanjang yang saya ketahui iaitu jururawat pergigian belum lagi ada ditempatkan di hospital tersebut. Dengan memandang keadaan rakyat di situ pada masa ini mula sedar untuk mendapat rawatan gigi lebih-lebih lagi murid-murid sekolah saya rasa patut juga seorang jururawat gigi diberi bertugas di hospital seperti itu di seluruh negeri Sarawak di mana tempat-tempat yang belum lagi ada jururawat gigi diadakan.

Begitu juga rumah mayat harus ada di tiap-tiap buah hospital daerah di Sarawak, kerana biasanya orang-orang yang jauh dari kawasan hulu atau pendalaman apabila meninggal dunia di rumah sakit seperti itu payah sekali untuk membawa mayat balik ke kampung atau rumah-rumah panjang dengan segera, kerana perhubungannya masih lagi sukar untuk memberitahu kepada kaum keluarga yang berkenaan. Dengan hal yang demikian, saya merayu perkara ini supaya diberi perhatian berat oleh Kementerian Kesihatan untuk mengatasi masaalah tersebut.

Tuan Pengerusi, suka juga saya untuk mendapat perhatian Kementerian ini mengenai sejenis penyakit untut di kaki atau elephantiasis yang boleh dikatakan terdapat di kawasan saya mahupun diseluruh negeri Sarawak. Penyakit ini yang boleh kita lihat dengan mata kasar orang-orang mengidap penyakit untut ini adalah berupa kembang kakinya yang lebih besar daripada kaki-kaki manusia biasa. Dan juga orang-orang yang kena penyakit ini kadang-kala kena sakit seperti demam juga apabila masanya sampai.

Tuan Pengerusi, sekarang Kerajaan kita adalah berusaha untuk membasmi segala penyakit dan memberi segala kemudahan kesihatan untuk mempertinggikan taraf kesihatan semua rakyat. Dengan hal yang demikian, saya bercadang supaya Kementerian ini membuat lebih banyak lagi tempat ubat luar bandar, kelinik bidan ataupun pusat kesihatan kecil untuk rakyat-rakyat luar bandar yang bilangan penduduk antara lima ribu sampai sepuluh ribu orang. Misalnya, di Ulu Mukah, di Kuala Selangau yang menjadi tempat penduduk hulu membeli-belah serta di situ juga menjadi tumpuan orang-orang di hulu dari kawasan Ulu Belingian mahu pun Ulu Oya yang tidak jauh dari situ dengan menggunakan jalanraya yang dinamakan sekarang jalanraya Sibu Ulu Mukah yang sedang dibuat dan disambung sampai bahagian ke Empat. Saya rasa dengan adanya sebuah tempat ubat Kerajaan atau dispensary di situ dapatlah penduduk hulu mendapat kemudahan perubatan dan kesihatan yang lebih baik lagi bagi rakyat di luar bandar.

**Dr Chen Man Hin (Seremban Timur):** Tuan Pengerusi, saya sangat sukacita mengambil bahagian dalam perbahasaan di atas Kementerian Kesihatan, dan saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Sir, the Honourable Minister of Health is asking this House to approve over $300 million for his Ministry. Now, nobody in Malaysia would grudge this amount of money to be spent on health services for the people. But, unfortunately, there are many instances in the hospital service and also in public health services where service itself has been denied to the people, to the rakyat. Daily we hear complaints from the people that they receive rough treatment as outpatients, be they in hospitals or clinics. Daily we also hear of the rudeness demonstrated by the over-worked members of the staff in the wards; often also do we hear of unkind words spoken to very sick patients. Tuan Pengerusi, if we are going to spend millions of dollars on the health services, paying good money to the kakitangan-kakitangan, if we going to spend millions of dollars on building very imposing multi-storey hospitals equipped with the best modern equipment, these will come to naught if the problem of service is not given attention and if there is no dedication on the part of the staff—from the doctors right down to the hospital attendants.

I have here an example of an extreme case of ill-treatment to a patient in Seremban Hospital on the 5th of this month. This patient was in a ward and he was trying to help an old man who was being ill-treated by an attendant. The attendant got angry with this patient who tried to help and assaulted this patient, as a result of which this patient suffered a ruptured spleen. The spleen is a very important organ and if a person continues bleeding, he will die. Fortunately, this was discovered by a doctor and he was operated on immediately and his life was saved after the operation and after the loss of about four pints of blood. This matter has been reported to the Medical Superintendent of the General Hospital, Seremban, and the person's wife has also written to the Honourable Minister of Health. I am sure this is not typical of the treatment given by all the members of the hospital staff throughout the country. If that were so, then there will be disasters. But it goes to show that not enough attention is being paid by the Menteri Kesihatan on the question of dedication by staff in giving good service and an attitude of human kindness towards the patients. I think there is the lack of a course—not only a course for doctors but also for the nurses and attendants or whoever may be working in hospitals—a course on good behaviour, good relationship, etc. In fact, I would recommend all of them to go through a course by Dale Carnegie where you are taught how to handle people in a most courteous and a most polite way. Therefore, Tuan Pengerusi, I hope this would be taken into consideration by the Minister of Health.

The other point that I would like to bring up is the question of blood transfusion service. There is, Tuan Pengerusi, a very sad shortage of blood. I know the Honourable Minister has been trying very hard to encourage people to donate blood, but because of local prejudices by persons who are donating blood, there is always a shortage of blood in the blood transfusion departments throughout the country. But this does not mean that the people in the hospitals, I do not know who they are, should take advantage of this situation and prey upon those poor relatives of patients who need blood desperately and force them to

pay a tremendous price for a pint of blood, anything from $50 to $200 to $300, depending upon the necessity of the occasion. This is a very sad and a very shocking state of affairs and something must be done about it. I suggest to the Honourable Minister to conduct, say, a "blood transfusion week or month" to encourage the people, to instil into them a sense of responsibility towards their fellow human beings, that donating blood is not something harmful and that it should be accepted as a way of life, as a way of demonstrating sacrifice to their fellow people in this country.

Tuan Pengerusi, I now come to the question of Family Planning. As you know, the experts have made projections about the increase of population and that probably in 10, 15 years time, Malaysia's population will be doubled. Therefore the need for family planning is a very important necessity. However, despite the setting up of family planning clinics, despite the use of the pill, the population rate is still quite high. We might have brought it down a bit but no doubt it is still too high and probably the population still advances too fast, for the development in this country to cope with. I propose also, therefore, that not only should these family planning clinics be patronised by women but I think the husbands also should be encouraged to patronise these family planning clinics because it takes both parties to appreciate the importance of family planning. These family planning clinics should not only be concerned with merely giving advice or passing of pills, there should also be a surgical department attached to these clinics where a doctor trained in sterilisation can perform on the spot sterilisation, whether it be on males or females, for those who want to be sterilised and do not want to have any more offsprings.

Tuan Pengerusi, I come now to the question of the certification of death. Because of the shortage of doctors in the past, the authority to certify death has also been given to police officers and even to police constables in this country. Now in the past, it was all right because of the acute shortage of doctors. But now there are doctors throughout the country and in every small town. So I think this question must be reviewed as the certification of death is a very important act; you can certify a person dead through natural means but if the person has been done in through unnatural means, then the poor police constable, who does not know the cause of death, may probably give the story that this chap died of old age when in fact the old man may have been done in through some very violent means, for example, through suffocation by a pillow. This is possible, Mr Chairman, Sir, because I know and I have heard that certain people buy insurance policies for old, lonesome folks in the hope that they will probably pass away in a couple of months or in a year or two. So what is there to prevent them, when they find that as the passing months go by, these old people still hang on. So they become desperate and say, "how about giving them something to pass them off as soon as possible". So they do something and let him pass off as soon as possible and they report to the police station that this person died of orang sakit tua. So, therefore, Tuan Pengerusi, this is an oversight which must be rectified as soon as possible and I suggest that every certificate of death must be done by a registered and qualified medical practitioner in the interest of the people.

Lastly, Tuan Pengerusi, on the matter of scholarship and Governmental bureaucracy. There is the case of an enthusiastic, dedicated young man, an anaesthetist, a Dr Kam, who was working in the Johore Bahru Hospital. He was keen to work as a teacher in the University Hospital and he applied over the months for a transfer to the University Hospital. But, as you know, bureaucracy takes a long time to come to anything and so his case was laid off for a long, long time. Being a young man, he was impatient and being also interested in teaching, to give knowledge, he resigned there and then and got himself a job in the University Hospital. But because he was a scholarship student, the bureaucracy forced him to pay up the amount of money spent on him during his student days. This, I think, Mr Chairman, Sir, is an act of injustice. Here is a young doctor, dedicated, honest, who asked for a transfer to also a Government body, a hospital. It is not that he has asked to opt out of Government Service and go into private practice. That is another matter. But here he asked to be transferred from a Government department to the

University Hospital which is also a Government department to some extent. Therefore, I hope, Tuan Pengerusi, the Minister would look into this matter and rectify the case and return him the money that he has been forced to pay.

The last point, Tuan Pengerusi, is this question of the anti-malaria programme. Last year, when the former Minister of Health introduced the Anti-Malaria Bill to eradicate malaria, we were told that malaria will soon be wiped out from the face of Malaysia. That was one year ago. But today, we still have many cases of malaria throughout the country. In fact, sad to say, the anti-malaria programme which was supposed to be launched, has yet to be launched in many States. In Negri Sembilan, for example, where previously there was a regular malaria programme in many parts of the State, I was told that many parts of the State now do not have such anti-malaria measures. Why, I do not know. In fact some doctors also said that malaria has also crept into the towns; for example, in Seremban town itself, we get cases of malaria, not in the case of people who have gone into the kampungs and stayed in the ulus but urban people who have stayed in Seremban all the time, and malaria has crept in. This is a sad example of the inefficiency of the health service and, Tuan Pengerusi, here I end.

**Tuan Haji Shafie bin Abdullah (Baling):** Tuan Pengerusi, hal ini telah pernah dibangkit di dalam Dewan ini berkali-kali tetapi kerana di dalam Perkhidmatan Kesihatan dalam negara kita ini hari ini dasar Kerajaan adalah hendak memberi sepenuh perkhidmatan yang baik dan bermutu kepada rakyat maka itulah sebabnya saya masih hendak bangkitkan satu dua perkara yang boleh menjadi bahan kajian Yang Berhormat Menteri supaya dapat membuat perubahan-perubahan yang kelak dapat menyesuai dengan Anggaran Perbelanjaan yang banyak diminta oleh Kementerian ini.

Layanan di hospital-hospital oleh setengah pegawai tidak begitu memuaskan hati menurut kemajuan yang telah kita capai. Saya menarik perhatian kepada hospital-hospital di daerah-daerah khasnya di mana sekarang ini doktor-doktor telah diadakan. Dibanding dengan masa-masa yang lampau sewaktu mana tidak kedapatan doktor-doktor di hospital-hospital daerah, tetapi rakyat tidak pernah bersungut di atas layanan-layanan yang didapati di hospital-hospital itu, tetapi sekarang ini dengan berbagai-bagai pembaharuan dibuat, alat kelengkapan ditambah bangunan-bangunan besar, rakyat bersungut layanan tidak begitu memuaskan, mengapa? Adakah kurang kecekapan doktor, kecuaian pegawai-pegawai, budi bahasa kakitangan-kakitangan di hospital-hospital? Soal ini selalu berbangkit.

Apa yang saya tahu di hospital-hospital terkadang-kadang seseorang sakit yang datang hendak mendapat rawatan ataupun mengambil ubat sengaja dibiar beberapa lama sebelum dilayan ataupun ditanya. Saya katakan lagi sekali, saya katakan berulang-ulang, mungkin lagi sekali dalam Dewan, dalam perbahasan Ucapan Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda, akan saya bangkitkan lagi sekali kalau perkara ini tidak diatasi. Pegawai bertambah, gaji bertambah, kelengkapan baharu diadakan, mengapa layanan tidak memuaskan hati?

Barangkali pihak Yang Berhormat Menteri tidak pernah mendengar cerita-cerita ini ataupun tidak mendalami hal-hal yang seperti ini, kerana Yang Berhormat Menteri sekarang ini tidak mempunyai Timbalan dan juga tidak mempunyai Setiausaha Parlimen yang boleh membantu kerja-kerja Yang Berhormat Menteri.

Saya fikir perkara itu boleh, mungkin terjadi. Banyak rakyat lebih suka pergi mendapat rawatan di gedung-gedung ubat private wal hal di gedung-gedung itu harga ubat dikenakan lebih mahal lagi, lebih mahal daripada hospital-hospital yang terkadang-kadang mendapat pemberian yang percuma.

Saya harus berkata di sini patut sekali orientation diberi kepada pegawai-pegawai di hospital-hospital lebih-lebih lagi kakitangan-kakitangan yang rendah yang tidak begitu mempedulikan orang-ramai dan juga ketua-ketua mereka sendiri.

Ada kakitangan-kakitangan rendah yang langsung barangkali tidak berbudi bahasa dengan ketua-ketua mereka, apa hal terhadap rakyat, walaupun mereka itu telah memasuki Kesatuan-kesatuan Sekerja umpamanya yang boleh membelakan mereka, tetapi mereka harus diperingatkan bahawa mereka bekerja di dalam satu institiusi yang berkehendakkan

perkhidmatan bakti yang bersopan, yang boleh menolong mengubati fikiran dan juga kesihatan orang-orang sakit yang datang di hospital-hospital itu. Inilah satu perkara yang selalu menjadi ingatan kepada saya yang hendak dibawakan kepada Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Tiah Eng Bee (Kluang Utara):** Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong anggaran belanjawan bagi Kementerian Kesihatan, Kepala B. 28.

Saya suka hendak bercakap sedikit berkenaan doktor-doktor Pakar. Saya berpendapat negara kita seluruhnya kekurangan doktor-doktor pakar. Tidak syak lagi, Yang Berhormat Menteri Kesihatan kita telah mencuba dengan bersungguh-sungguh untuk mendapatkan doktor-doktor pakar dari luar-luar negeri. Malangnya masih ada banyak Hospital-hospital Daerah yang tidak mempunyai doktor-doktor pakar terutama sekali hospital di kawasan saya, Kluang.

Kami tidak mempunyai pakar belah dan kami telah menunggu bertahun-tahun lamanya, tetapi masih belum dapat lagi.

Baharu-baharu ini terjadi kemalangan jalan raya di Simpang Renggam, 9 orang telah mati dan hampir-hampir setengah dozen orang yang luka. Hospital Kluang tidak dapat menolong orang-orang yang malang ini kerana tidak ada pakar belah dan kes-kes yang berat mesti di hantar ke Johor Bahru yang jauhnya 71 batu. Pada pandangan saya Kementerian patutlah menguntukkan lebih banyak lagi biasiswa kepada doktor-doktor yang sedang berkhidmat untuk mengatasi kekurangan doktor-doktor pakar.

Kluang telah menjadi satu kawasan yang mustahak saperti yang diisytiharkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri baharu-baharu ini, di Johor Bahru. Kita patut ada Wad Kelas Satu. Pada fikiran saya, penduduk-penduduk Kluang akan berasa besar hati dan sukacita jika hospital Kluang mempunyai First Class Ward.

**Tuan Su Liang Yu (Bruas):** (*Dengan izin*) Tuan Pengerusi, I refer to page 229, Kepala B. 28, Sub-head 1100 Salaries and Wages which covers the patient care services. I am glad that there is a Blood Bank in every hospital in Malaysia. This Blood Bank is very essential particularly when there are accidents and blood is required suddenly and urgently and I think it is very essential that adequate supplies of blood of all groups should be available at all hospitals in the country.

Sir, it is true that blood is still difficult to get, but I feel that whenever blood is required for a patient, blood should be given to the patient if it is available in the hospital. Now, I make this observation not to criticise anybody at any hospital but to give this House a practical example which is within my knowledge. There was a case where a man was admitted to the Ipoh Hospital and he required blood for his operation. He had six children and each of them had donated a pint of blood. The hospital required about 10 pints of blood for his operation. His children came to me for help and I arranged with the hospital to have the patient operated first and then whatever blood was short of could be recovered later. So the operation took place and the patient needed only two pints of blood and subsequently the patient died.

Sir, if ten pints of blood were to be donated then the hospital would be storing about 8 pints of blood in the Blood Bank. The storing of too much blood in the Blood Bank is also bad and unwise. I quote here another incident that happened in the Lumut Hospital recently. A woman from Ayer Tawar was admitted to the hospital on the 15 of January, 1973 at 1.00 a.m. She delivered a baby in the afternoon. The baby and the mother were in good condition except that the mother was having low blood pressure, but she never complained of anything of that sort to the medical staff. Then the following day the patient was ordered by the medical officer to be given blood transfusion. The blood which was overdue came from the Blood Bank in Lumut and it was given to the patient. The patient was reluctant to have the blood transfusion. She complained to the nurse on duty that she could not stand the blood transfusion and asked for the blood transfusion gear to be removed. The nurse told her that it was the doctor's order and that she could not do anything. Two hours later, Sir, they discovered that the patient was having high fever and the doctor was trying his best to save her but she died later in Batu Gajah Hospital on the 18th of January, 1973. Sir,

this shows how careless the hospital staff in Lumut are. I would like the Ministry to carry out a full investigation into the death of the patient on the 18th January, 1973 at Batu Gajah, and also to assure the House that this sort of tragedy would not happen again in any hospital in future and that whenever blood from the Blood Bank is to be given to the patients, it should first be checked before using it.

Another point which I would like the Ministry to note is that many District Hospitals are short of hospital assistants and after 4 o'clock in the evening, in all the District Hospitals all emergency cases are attended to by nurses because there would be no doctors or hospital assistants to attend to such cases. The nurses themselves have their own duty to perform. So I hope the Ministry would provide more hospital assistants to all the District Hospitals so that it would lighten the work of the nurses after 4 o'clock in the evening.

**Datuk James Wong Kim Min (Miri-Subis):** Mr Chairman, Sir, I would like to participate in this particular debate in connection with a few points which I feel are rather important.

Firstly, on page 235, Pecahan-Kepala 1 on Training Programme, I note, Sir, that a few months ago there had been a hue and cry by the Ministry over the shortage of nurses. In fact, no less than the Honourable Minister himself had gone over to the United Kingdom to recruit our Malaysian nurses who are actually working there. In view of this rather deplorable state of affairs, I wonder whether the Government has started a "crash programme" for training our local nurses; in other words, making facilities available to train more of our local nurses in Malaysia itself and also to offer comparable terms of employment as those offered by other countries elsewhere. I think this is a matter which should be given a very careful consideration as it is pointless to build very nice, beautiful and expensive hospitals if we are not going to properly staff them with trained efficient nurses.

The other point I would like to refer to, Sir, is on page 239, Pecahan-Kepala 31 in connection with Rural Health Improvement Scheme. Here, Sir, I would like to refer to the control of malaria. The Honourable Member on my right, who spoke earlier on, has touched on this subject and I would like here to echo what he has said, in particular regarding Sarawak. Although there is a control programme going on there, however owing to the fact that over the other side of the border in Indonesia there is no such malaria control programme and owing to the fact that malaria is very prevalent there, I hope something would be done—for example, to do some border checks on people returning or even check on all those people who have gone over to Indonesia to work in timber camps and so on. Mr Chairman, Sir, I am speaking from experience here because I do know that a large number of workers who have gone over to Indonesia to work in the timber camps have come back very badly infected with malaria and there have been several deaths actually of Malaysians in Indonesia owing to malaria.

The other point I would like to draw the attention of the Ministry is the control of hook-worms. This, I think, is one of the most debilitating diseases that has cropped up, particularly in the rural areas, and this of course is tied up again with rural health hygiene—where latrines are not properly dug and not properly made in some cases, they are just defecation around the kampungs and longhouses. I do hope the Government will take more stringent steps in this particular direction of giving assistance in the form of advice as well as subsidies to kampungs and longhouses to build better latrines. I think it is very, very important; otherwise this disease will keep on infecting people and those who have not been infected with hook-worms will also be infected. I hope the Ministry will give careful consideration to this observation.

The other point which I would like to draw his attention again is to Pecahan-kepala 35. This is in regard to New Hospitals. I am very pleased to note, Sir, that finally something is to be done to the new Limbang Hospital this year, and I also note that provision has also been made for the Kuching Hospital Besar. But here, Sir, may I ask the Government to consider the supply of kidney machines for either the Kuching or the Sibu Hospital as there have been several cases of patients suffering from kidney problems and they are not able to stay in Sibu or Kuching for treatment. There is one particular person I can think of who is suffering from kidney disease, but he has got

to stay here in Kuala Lumpur instead of being able to stay in Sibu where his family is and where his work is. There are several cases of this and I was told by a very reputable Kidney Specialist that out of one million people there are roughly about 40-50 incidents of such kind of disease which requires treatment by kidney machine and as the population of Sarawak is roughly about one million, I think there is a need for a couple of these machines to service those suffering from kidney trouble.

Last, but not least, I wish here, Sir, to say that I am very pleased that the water supply programme in Sarawak has now been carried out, but I do hope that more money will be provided for the rural water supply to the rural people as this will help in considerably reducing the incidents of disease and contamination.

**Tuan Haji Ahmad bin Arshad (Muar Utara):** Tuan Pengerusi, saya menyentuh dalam dua tiga perkara dalam Kementerian Kesihatan ini dan saya juga berterima kasih ke atas Kementerian ini yang telah memberikan layanan yang sewajarnya kepada penduduk-penduduk, pesakit-pesakit dalam negeri ini khasnya penduduk-penduduk luar bandar.

Saya suka hendak menyentuh dalam rancangan latihan. Tugas besar institiut dan kolej perubatan di Malaysia adalah melatih pekerja perubatan sosial dan kebajikan rakyat Malaysia. Dalam perubatan didapati pelatih ada membancuh ubat salah guna memberikan ubat-ubat kepada pesakit-pesakit bukan sahaja menyebabkan pesakit itu merana tetapi ada yang membawa maut. Masaalah ini hendaklah diperhatikan dengan cermat dan pelatih-pelatih yang cuai itu hendaklah diambil tindakan yang sewajarnya.

Selain daripada itu, Yang Berhormat Menteri Kesihatan telah menyatakan tadi keadaan kematian anak-anak di luar bandar adalah memberi kemajuan yang baik, tetapi menurut kesimpulan yang saya dapat dari perangkaan mengemukakan satu kenyataan yang menakutkan. Dari kajian itu menyatakan kematian ibu kerana kerap melahirkan anak, contohnya ibu-ibu Melayulah yang banyak mati daripada ibu bangsa asing. Sebagai contoh, dalam tahun 1966 seramai 2,580 orang Melayu dalam lingkungan umur 14 tahun hingga 44 tahun berbanding dengan ibu orang-orang Tionghua iaitu 758 orang. Dalam tahun 1967 seramai 2,901 orang anak-anak Melayu yang meninggal dunia berbanding dengan orang Tionghua 878 orang. Pada tahun 1968 seramai 2,596 orang berbanding dengan ibu-ibu Tionghua dan bangsa asing 893 orang.

Saya berani mengatakan bahawa Kementerian ini tidak dapat mengamati masaalah ibu Melayu dan perancang keluarga yang dijalankan itu tidak berkesan kepada mereka. Ikhtiar patut dijalankan dengan segara dengan kerjasama jabatan yang ada kaitan dengan sosial ini seperti kahwin itu jangan terlampau muda. Yang kedua, kempen perancang keluarga itu hendaklah diberikan kepada suami-suami, terutama sekali penduduk luar bandar dan makanan yang berzat juga patut diberikan kepada ibu-ibu.

Tuan Pengerusi, dalam masaalah perubatan, kita sekarang ini mengimpot ubat dari luar negeri. Saya harap Kerajaan akan mengkaji untuk mendirikan kilang bagi mengeluarkan ubat di Malaysia. Kita selama ini mendapat bekalan ubat dari luar negeri. Pesanan kadang-kadang lambat dari masa yang dikehendaki dan juga ubat yang kurang mutunya disebabkan disimpan lama.

Sementara itu ada gudang ubat Kerajaan di Bandar dan juga di luar bandar ada kekurangan ubat. Oleh itu usaha-usaha untuk mendapatkan negara-negara yang pakar dalam hal mengeluarkan ubat patutlah diadakan perundingan supaya negara ini dapat mengadakan perusahaan bersama. Ubat-ubat itu kelak boleh digunakan di hospital dan juga swasta dalam negeri ini.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, dalam masaalah hospital baru. Saya harap Yang Berhormat Menteri mengambil ingatan bahawa Hospital Besar Muar itu patut diadakan dengan seberapa segera sebab memandangkan kesesakan penduduk dalam Daerah Muar itu yang bertambah ramai dari semasa ke semasa dan hospital besar itu akan dapat merawat pesakit-pesakit dalam daerah Batu Pahat dan juga daerah Segamat. Dalam masaalah ini patutlah kita usahakan dengan seberapa segera yang boleh dan termasuklah Hospital Tangkak, kalau ada perkara-perkara yang patut dibuat dalam rancangan tahun 1973 haraplah supaya disediakan dengan seberapa segera.

**Tuan Hor Cheok Foon (Damansara):** Saya bangun untuk membahaskan sadikit dalam Anggaran ini dan saya minta izin memberi ucapan saya dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Tuan Pengerusi, I stand up to give my views on the Ministry of Health, not so much for the consumption of the fellow Honourable Members and the Division I Officers who are present here in this House because all of us here are entitled to first class medical services. My comments are mainly for the rakyat outside this House who are not so fortunate and privileged to enjoy the best of medical care which this country should provide.

Firstly, I would like to refer to page 239, Pecahan-kepala 13 regarding Family Planning. We all know, Datuk Pengerusi, that the idea of family planning is to be able to plan our population in such a way that it will not offset the amount of progress or the amount of economic achievement our country is going to achieve, that is to say, our population must be controlled to such a size and to such a number that would be best in the time to come—10 years, 20 years or 30 years. In this matter of family planning, we have witnessed family planning clinics throughout the country, but the people are not well informed and are not told the purpose of these family planning clinics and on many occasions you find women already six months pregnant coming to these clinics and asking for advice (*Ketawa*). Surely, it is too late. The Government must be able to let the people understand that this family planning is to advise married couples in order to help them to plan out the number of children they should have, when and how.

My second point is on the question of specialists and medical consultants in most of the big hospitals like General Hospitals. Datuk Pengerusi, specialists in the General Hospital or University Hospital or some other big hospitals, especially when they treat the chronic diseases like heart disease and cancer, have a long list of patients. I am quite sure you could imagine these patients who are suffering from heart disease or cancer, the state of mind they are in when they know they are having a disease which could take their lives away so very easily; and our specialists in the hospital because they are few in number, could not cope up with the load of patients coming in to see them, so much so appointments have to be referred for months. I remember there was one case where a heart disease girl went for consultation and the doctor told her to come back six months later. Anything could develop during that period. Therefore, I hope the Government could do something to impress on the specialists, or to find out the crux of the problem so that this problem could be resolved. If this state of affairs were to go on, people might as well stop going to the hospitals and see these specialists. On many occasions when these specialists find that they cannot cope up with the work, they are not prepared to refer their cases outside the hospitals, or outside their care. On many occasions the doctors fully know that in the surrounding region, or overseas, these patients can be treated and can be cured with a fair percentage of success. However, because of arrogance, because of pride, they keep the whole thing to themselves and if you ask them, "Well, doctor can the patient go somewhere else where they can get treatment immediately?", they say there is no place. Some of the patients can well afford to go to places where they can get treatment. When that treatment is successful, it means a new life to them. So I hope the Government could look into this.

Talking about specialists on chronic diseases, Datuk Pengerusi, I suggest that the Government must take an overall review of today's western medical practice in this country. What I am trying to suggest is that in the field of medicine there are diseases which today our medical technology and medicines are not able to cure. Some of the vernacular treatment, some of the traditional medicines have not been fully explored. They can either come from Malay folks or from Indian folks. The Government must encourage the personnel in the medical field to go into this deeply and to discuss with the people to try and find out better ways and more effective ways to cure diseases which they are not able to cure. Though the Government has not recognised Chinese physicians, I submit that the Chinese medical shops have provided good service to our country and whenever we want to find some medicines, we can probably find them in these shops and in these shops you will find these Chinese physicians. I would like to urge the Government to have an open mind to encourage the medical practitioners, both

in the public sector and in the private sector, to learn, to exchange knowledge and to exchange experience with the Chinese physicians so that the people will eventually benefit.

Tuan Pengerusi, I have visited many General Hospitals, including those in Johor Bahru, Malacca, Ipoh, Kuala Lumpur, etc. All these hospitals are supposed to be well-established. However, the service in these hospitals and the staff who man these hospitals are not good enough. Well, we are spending over $300 million per year for the medical services of our country, but this money cannot improve the service which should be provided. Big hospitals, big buildings, some old, some new, but when you walk in, the warmth of humanity is not there. The patients, when they are sick—some come with fractures, some come in wheel-chair, some are carried in—need to see pleasantness, warmth of humanity and it is not there. The Government must be able to look into this: It is high time for the Government to look into the entire structure of the staffing of our medical service—right from the attendants to the medical specialists. For example, when you walk into a hospital for registration, you do not know where to register in the first place and you see only crowds, you only see people walking around up and down the premises. There must be a certain amount of planning and which the movement i.e. either out-patients, emergency patients, chronic disease patients. . . . .

**Tuan Pengerusi:** You are nearing your ten minutes.

**Tuan Hor Cheok Foon:** Yes, I am finishing, Tuan Pengerusi. The amount of money that we put into our medical service must be able to provide that good service, than to carry on expanding our hospital buildings. In the final analysis, in our medical service, it is the people that count, not how big, how impressive, how prestigious a hospital building that counts. Right in front of us, we can witness the University Hospital and the General Hospital of Kuala Lumpur which are huge buildings, big planning, big complexes, but yet people complain about the service. So I hope the Government can inject into the staff a sense of dedication and responsibility and find out ways and means to achieve this objective.

Finally, Tuan Pengerusi, I would like to suggest that in our hospitals from now onwards, please abolish the class system. Just imagine Members of Parliament, and Division One Officers can go to the General Hospital first-class wards; and the privileged class can also do so and the Government pays for the expenses. What happens to the rakyat? What happens to the people who cannot afford? They have to go to third-class ward and if you go to third-class, the sort of service and the sort of environment you experience from these—the bed, toilet and the food they provide—it is terrible. So I think somehow or other for the second best, why not provide economy class; I think that is what we should do. Economy class and 1st class—not first, second and third class. If we carry on this present type of classification in our hospitals, I think our medical service in this country for the next twenty years or thirty years will not be far off from the days when we inherited those things from our colonial masters. Thank you very much.

**Puan Bibi Aishah binti Hamid Don (Kulim Utara):** Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh beberapa perkara di dalam Kementerian Kesihatan ini.

Apa yang tertarik hati saya sekali ialah dalam muka 237 yang mana hanya dimasukkan Hospital Daerah Kulim, tetapi wang $10 token pun tidak ada. Inilah yang menakjubkan saya. Setiap tahun kita tengok ada sahaja nama Hospital Daerah Kulim, tetapi kadang-kadang ada juga token $10 iaitu $10 token ini sudah hilang begitu sahaja.

Apa yang menakjubkan saya, tanah telah dibeli lebih daripada 30 ekar. Jauhnya hanya dalam dua batu daripada hospital yang ada sekarang ini dan tanah itu masih tinggal begitu sahaja. Tanah dibeli daripada BMR Estate. Inilah yang menimbulkan persoalan yang sangat besar bagi rakyat-rakyat yang ada di Kulim. Sehingga sekarang ini Hospital Daerah Kulim, kalau kita pergi melihat bukan sahaja wad-wadnya penuh, bahkan sampai ke lorong-lorong tengah pun terpaksa diletakkan katil-katil ataupun pangkin-pangkin sementara bagi pesakit-pesakit. Ini adalah menunjukkan bahawa rakyat jelata, walau berapa jauh kampungnya terpencil di dalam pun telah mengetahui bagaimana mustahaknya mendapatkan rawatan-rawatan hospital.

Kita tahu macam daerah Kulim ini banyak mempunyai dahulunya ada group-group hospital. Sekarang group hospital bagi estet-estet telah banyak ditutup, hanya tinggal satu dua buah hospital sahaja. Dan kebanyakan pekerja-pekerja daripada ladang-ladang getah ini selalu pergi minta ubat dan kadang-kadangnya mereka ingin mempunyai rawatan daripada hospital-hospital. Tetapi dengan keadaan hospital yang ada pada hari ini, sedangkan tempat tidur pun tidak cukup dan berbagai-bagai masaalah. Inilah yang saya dengar daripada dua belah pihak.

Bagi pihak doktornya juga kata, mereka berusaha dengan seberapa daya hendak memuaskan hati orang ramai, tetapi maklumlah dengan orang ramai, walau-bagaimana kita cuba hendak puaskan hati mereka, complaint itu masih ada. Kadang-kadang saya terfikir juga kalaulah di rumah kita ada mempunyai seorang pesakit orang yang tua sahaja seorang, kita tahu berapa banyak kerja yang terpaksa kita hadapi. Yang utamanya sekali terpaksa merawat dia bagaimana hendak kita layan, menyenangkan hati dia. Inikan pula sebuah hospital yang mempunyai 300 tempat tidur dan bermakna dengan ada empat lima orang doktor sahaja, tidak mencukupi.

Begitu juga jururawat-jururawat. Mereka mempunyai masa yang saya nampak sentiasa berkejar daripada satu penjuru wad sampai penjuru lain. Ini menunjukkan orang ramai memang mempunyai kepercayaan kepada hospital.

Dengan itu, Yang Berhormat Menteri, saya merayu patutlah menimbangkan tentang, kalau hendak adakan wad-wad tambahan bagi Hospital Daerah Kulim dan saya hendak mengetahui apa yang akan jadi pada tanah yang telah dibeli semenjak 8 tahun lebih masih tinggal begitu sahaja. Kalaulah tidak ada mempunyai rancangan, saya mintalah kepada Kementerian ini mengumumkan bahawa Hospital Daerah Kulim ini memang tidak mustahak lagi.

Tetapi sukalah saya menyatakan bahawa di Daerah Kulim ini satu daerah yang meliputi, iaitu Bandar Baharu juga menghantar pesakit-pesakitnya iaitu seluruh daerah menghantar pesakitnya ke Hospital Kulim. Begitu juga kalau hendak dikatakan Baling. Baling juga selain daripada mereka itu menghantar ke Sungai Petani, tetapi kampung-kampung yang bersempadan maka dengan Daerah Kulim juga menghantar ke Hospital Kulim.

Inilah satu soalan yang suka saya bahawa di sini untuk pengetahuan Menteri. Saya tahu berapa orang Menteri telah membuat lawatan-lawatan ke Hospital Kulim selalu berjanji hendak mengadakan hospital baharu, hendak adakan administration block baharu, tetapi akhirnya apapun tidak berubah, begitu juga keadaannya.

Dan lagi satu perkara yang saya suka sentuh berkenaan dengan Hospital Kulim ini ialah berkenaan laundrynya. Laundrynya itu siapa jadi pelawat pergi ke Hospital Kulim ini, saya rasa, sudah sampai kotor buku pelawat itu sentiasa kita masukkan lapuran-lapuran, tetapi tindakan tidak berubah juga.

Sudah 10 tahun lebih begitu juga keadaannya, hanya kita menggunakan dua kawah besar masukkan caustic soda direbus oleh seorang atendan, kadang-kadang toti yang merebusnya. Kena musim hujan, kain tidak kering, tinggal berlapuk kain itu, tempat hendak menjemur tidak ada dan berbagai-bagai lagi.

Masaalah laundry ini satu masaalah yang paling besar sekali. Kita tahulah pesakit-pesakit ini bila dia dalam keadaan uzor itu selalu kena tukar pakaiannya dan sebagai-akhirnya terpaksa beri kepada toti ataupun atendan itu juga untuk hendak merebuskan kain-kain itu. Musim hujan di Kulim, kalau siapa biasa tinggal di Kulim, Kulim ini nombor dua daripada Taiping, sentiasa hujan. Jadi tidak tahulah kalau kata kemarau dalam setahun, hanya dalam 20 hari ataupun sebulan sahaja. Saban hari kita jumpa hujan. Dengan keadaan-keadaan yang macam ini, saya rasa sudah sampai masanya pihak laundry bagi Hospital Kulim ini kita adalah sistem yang lebih moden sedikit. Kita adakan "drier" untuk pakaian-pakaian rumah sakit ini. Kita tahu ini benda yang sangat mustahak diadakan.

Dalam perkara yang kedua ialah berkenaan dengan latihan. Latihan-latihan jururawat dan sebagainya.

Pada tahun yang lepas, saya tahu ada recruitment bahru bagi assistant nurses. Apa yang mengeciwakan beberapa orang dan sukalah saya sebutkan ada yang daripada Kulim, ada yang daripada Sungai

Patani, ada yang daripada Bukit Mertajam. Budak-budak yang kita hantar untuk latihan jururawat tadi lari pulang. Saya bertanya kepada mereka itu: kenapa awak lari pulang, tak sampai sebulan awak pergi dalam latihan? Macam mana kakak, ada yang panggil "mak cik" kepada saya. Macam mana mak cik sebulan kami pergi latihan ditinggalkan dalam "labour room" tidak ada seorang bidan, tidak ada seorang doktor ataupun siapa, tinggal orang yang sakit hendak bersalin pada kami. Kami takut kata mereka itu, menjerit kami lari. Hari-hari inilah kesahnya. Kalau keselamatan pesakit sendiri tidak ada jaminan di dalam wad bersalin, saya tidak tahu apa akan jadi. Jadi tinggal dalam tangan budak-budak yang mentah, yang baharu pergi berlatih dalam sebulan. Kata mereka kami takutlah mak cik, kami lari terus lari. Ada kadang-kadang bersalin begitu sahaja, kata mereka. Mereka sudah takut, tinggal begitu. Ini adalah membahayakan jiwa. Kita tahu di dalam negara kita ini, saya percaya Menteri Kebajikan Am juga menghadapi berbagai-bagai masaalah, mentally retarded dan sebagainya.

Pesakit-pesakit kita yang dihantar untuk bersalin di rumah-rumah sakit berkehendakkan rawatan yang baik. Kalaulah kita tinggal kan dalam tangan budak-budak mentah yang baharu pergi berlatih tak sampai sebulan, apa akan jadi kepada nasib anak-anak yang baharu lahir tadi? Menjerit-menjerit, melolong kononnya sipesakit sakit. Akhirnya kata budak-budak itu: tak hendak mak cik, kami terpaksa tinggalkan latihan ini. Biar tidak ada kerja pun tidak mengapa, kami tunggu rumah. Ini adalah satu perkara bukan untuk diketawakan, ini satu perkara yang paling serious sekali. Kita berkehendakkan anak-anak kita mempunyai latihan yang baik di dalam hal ehwal perubatan ataupun menjadi assistant nurse dan sebagainya. Apa yang saya tahu di masa-masa yang lepas iaitu di dalam 10 tahun yang lepas selalunya latihan jururawat pada akhir latihan, tahun ketiga, enam bulan sebelum mereka tamat latihan itu, baharulah diberikan kursus midwifery. Tetapi sekarang, terperanjat saya bila budak-budak baharu pergi berlatih sebulan, balik takut kata mereka: minta ampun mak cik, kami tidak mahu lagi pergi berlatih hendak jadi assistant nurse ataupun sebagainya.

Inilah dia, Tuan Pengerusi, perkara yang hendak saya sampaikan kepada Dewan ini.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat mengulang balik cakapan itu. Minta ringkaskan.

**Puan Bibi Aishah binti Hamid Don:** Sedikit lagi, Tuan Pengerusi, saya hendak sebutkan satu perkara lagi berkenaan dengan pembedahan kepada mayat-mayat orang Islam. Ini satu perkara yang sangat ditakuti oleh orang-orang Islam kita iaitu kalaulah hendak dikatakan sebab-sebab kematian, kita sudah mengetahui, tetapi sengaja kadang-kadang itu disimpan di dalam mortuary kerana hendak diadakan pembedahan. Selepas dibuat pembedahan kepada mayat ataupun post-mortem, kita tahulah cara mereka menjahit itu hanyalah lekat tidak lekat begitu sahaja, selalu menimbulkan rasa tidak senang hati dari segi orang-orang islam.

Saya percaya dalam perkara ini dapatlah Peguam Negara ataupun Menteri Kesihatan membuatkan satu peraturan bahawa kalau kita tahu sebab orang itu meninggal dunia, tidak payahlah kita adakan pembedahan lagi kepada mayat-mayat orang Islam. Rasa saya setakat itu sahaja, Tuan Pengerusi, yang dapat saya suarakan di dalam hal ehwal peruntukan Kementerian Kesihatan dalam peruntukan kita yang begini banyak. Saya sedia menyokong bahkan kami mahu khidmat-khidmat yang lebih baik di dalam Kementerian Kesihatan.

**Tuan Chan Siang Sun (Bentong):** Tuan Pengerusi, saya bangun mengalu-alukan peruntukan untuk Kementerian Kesihatan ini dan terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kita, kerana baharu-baharu ini Yang Berhormat Menteri kita telah melawat negeri Pahang dan telah melihatkan tempat-tempat yang akan dibentuk hospital-hospital baharu untuk negeri kita ini.

Di sini, Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh tiga empat perkara. Yang pertama dari segi pentadbiran di Hospital Bentong, di kawasan saya selalu kita dapat kes-kes dari penduduk-penduduk yang tinggal jauh dari bandar Bentong oleh kerana mereka bila dapat masuk hospital, mereka itu adalah memberikan wang deposit, tetapi selepas mereka keluarkan hospital bila bertanyakan balik wang deposit itu, tidak dapat balik wang deposit itu. Ini satu perkara yang saya selalu dapat aduan dari penduduk-penduduk kita dan khasnya dari kampung-kampung

dan kampung-kampung baharu Cina yang jauh itu. Saya haraplah dalam perkara ini boleh dapatlah Kementerian Kesihatan atau Jabatan Kesihatan Negeri membuat satu langkah untuk mengatasi perkara ini.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan derma darah. Di sini saya harap satu gerakan besar-besaran boleh dibuat di seluruh negara kita ini dengan dipimpin oleh Kementerian Kesihatan kita dan saya haraplah barangkali kalau kita boleh mengambil masa dua atau tiga bulan kita buat gerakan yang cukup tegas. Saya harap tiap-tiap Ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat kita bolehlah memimpin tiap-tiap kawasan mereka dan bila masa kita akan lancarkan gerakan itu, orang yang pertama yang akan mendermakan darah ialah Yang Berhormat—Yang Berhormat mereka sendiri. Saya harap kalau kita boleh buat gerakan yang semacam ini barangkali kita boleh dapat galakan lebih daripada orang ramai memberikan darah ke hospital kita.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, saya sukalah membuat satu rayuan daripada seorang kepada Yang Berhormat Menteri kita, inipun satu suara dari banyak sahabat-sahabat saya Ahli-ahli Yang Berhormat, khasnya dari Dewan Undangan Negeri iaitu bila mereka dapat masuk Hospital Umum di Kuala Lumpur, cuma mereka hendak dapat rawatan yang istimiwa sedikit. Mereka suka masuk Wad 25, bila mereka menunjukkan kad pengenalan mereka kepada pihak hospital, tetapi tidak dapat masuk wad yang istimiwa itu. Jadi mereka terpaksalah masuk Wad Kelas 3 atau 2. Pihak Hospital mesti mendapat surat guarantor dari Kerajaan Negeri mereka baharulah membenarkannya. Ini satu perkara misalnya kalau dia sakit atau mempunyai darah tinggi, bila mereka datang ke Kuala Lumpur hendak masuk hospital terus mereka berkehendakkan surat guarantor. Barangkali ini menyusahkan sadikit. Apa salahnya, kalau kita boleh menerima tunjukkan Kad Pengenalan Yang Berhormat itu, kita benarkan mereka masuk ward istimewa itu dahulu, kemudian bolehlah minta surat guarantor itu!

Saya berharap perkara ini mendapat kerjasama dari Kementerian kita dan bagi pihak Kerajaan Negeri juga boleh mendapat hubungan yang baik, dan dengan itu juga kita boleh mengurangkan perasangka antara kita dengan Ahli Yang Berhormat dari Dewan Undangan Negeri masing-masing.

Itulah sahaja, Tuan Pengerusi, terima kasih.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Pengerusi, saya hendak bercakap sepatah dua sahaja dan saya mohon izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Mr Chairman, Sir, I have only a few points to raise. First of all, under page 229, Code 1100—Salaries and Wages. Sir, in this Chamber almost every year, for over a decade, Members of Parliament have raised the question of the courtesy and politeness meted out to the patients, especially to the poor, in the General Hospitals. Even today, we hear many Members of Parliament giving instances and just now the Honourable Member for Kulim Utara gave a very impassioned speech about cases of callous treatment of patients. It would appear that because there has been so much pain and suffering in the hospitals, the staff in many of them have ceased to feel compassion and be moved by human suffering. I would give one instance to show that this is not something which Members of Parliament invent or something which is very casual.

My colleague, the Member of Parliament for Pulau Pinang Utara, Mr Dason, about a year ago, when this Parliament was sitting on a Friday, received a report that his daughter was seriously ill in Penang and was admitted to the Penang Hospital on that Friday evening. He went back that night and arrived there very early on Saturday morning. His daughter was purging and vomiting but no treatment was given. She was supposed to be suffering from some respiratory ailment, although she was purging, ceaselessly purging, over 20 times. Of course, the nurses and the staff did not know who he was and finally after trying for hours to get doctors to attend to his daughter, he said that he was a Member of Parliament and that unless something was done, he was going to raise it to the highest quarters. That was on Saturday at 5 o'clock, after about 20 hours; and of course once the revelation was made, immediately two doctors rushed in to attend to his daughter, when before that he was told that it was a Saturday, a half-day and there were no doctors available. In this case

he happened to be a Member of Parliament, but you can imagine what about the poor, the voiceless hundreds of thousands in the country. These instances happen in every district hospital every day and when we come to this House to complain about this callous treatment, impoliteness and discourtesy, we get a very indifferent smug smile on the face of the Minister, who would say, "Oh it is not so, there is courtesy. The staff are told to be courteous, but if you have any complaints, please let me know, I will look into it". This does not answer the problem and I am sure the hundreds of thousands of the poor who go to hospitals know this and when they read the newspapers, when they read the Minister's reply, it is no consolation to them. So we want the Minister not to come with a smug smile on his face and say this problem does not exist and if it exists, let him know. We want a campaign and this campaign must go down to the very bottom level that every staff in the hospitals are to attend to the people with compassion, with courtesy, with politeness and not act as if they are the lords of the earth. Unless the Minister concerned can inject that spirit into his Ministry, I say he has failed to have a health service which the people want. Sir, it is no use the Minister saying, "Any complaints, come and tell me". That consciousness must be instilled into the nurses, into the staff, into everyone in the hospitals, so that these endless instances of ill-treatment, are once and for all put a stop to. There are cases of people dying because of the neglect of doctors, of staff; people not attended to and it is of course very difficult to get the officers concerned, who are culpable and responsible, to book. This is a very serious problem and I hope the Minister will give it his serious attention.

For instance, just to illustrate this, in Malacca there is utter indifference in the Maternity Ward, a multi-storey ward. The lift has been out of order there for 8, 9 months. Surely the Hospital knows about it and it is a Maternity Ward, where the women go to give birth and with their labour pains, they have to walk up and down. Why can't the Hospital repair the lift—for 8 months, 9 months. I mean, it is an attitude of utter indifference. I hope that the Minister concerned can bring a change in the entire outlook and attitude of the staff in all hospitals.

Another very important complaint is the shortage of medicine. I do not know whether there is a shortage of medicine really or not as far as the supplies from the Ministry are concerned, but in hospitals all over the country, you will find poor patients going to the doctors, getting a prescription, say, for 3 or 4 items. But when they go to the counter, they get 2 items, sometimes 1 item and sometimes for 20 pills, they will get 10 pills. That happens throughout the country. Why is that so? And whoever is responsible for providing medicine does not say the doctor has prescribed 4 types of medicine, but there are only 2 types, and the other 2 are not available. Same with the pills. The doctor has prescribed 20 pills, the patient is only given ten. I hope the Minister concerned will look into this so that this would not happen because clearly something fishy is going on, unless an investigation is made.

There is, throughout the country, a shortage of nurses. When the Minister assumed office, one of the first things he did was to go abroad to London, with great publicity, to try to get our nurses working there to come back. I do not know what has happened, whether his efforts have been worth his fare to London, because we do not see many nurses coming back in spite of the great fanfare through all the mass-media. Probably the Ministry could look into the problem and find some greater incentives to get our trained nurses in London and overseas to come back to serve the country.

Finally, Mr Chairman, the Outpatients Service. I hope the Minister will go to all the hospitals and find out the long queues that you find in all the Outpatients Service. It is a scandal and a shame on the health service, and I hope he can revolutionise the entire Outpatients Service whereby you don't have to find a patient going there in the morning at 8.00 o'clock and then waiting until 4.00 or 5.00 o'clock. I think this is a shame and a scandal especially now when there is a compulsory service for all new doctors. This should be ended and I hope that the Minister can really make the Outpatients Service something that we can be proud of.

**Tan Sri Lee Siok Yew:** Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian

dengan membahaskan belanjawan yang telah dikemukakan pada Dewan ini terhadap Kementerian saya, dalam perbahasan itu berbagai-bagai soalan telah dibangkitkan dan begitu juga teguran-teguran dan juga aduan-aduan.

Tuan Pengerusi, Kementerian Kesihatan ialah sebuah Kementerian yang besar dan begitu juga Kementerian ini ialah menampung lebih kurang 45,000 orang kakitangan daripada atas seperti pakar-pakar, doktor sehingga ke bawah iaitu kakitangan-kakitangan seperti attendant, driver dan sebagainya.

Memanglah satu Kementerian ini ada sedikit kelemahan-kelemahan yang disebutkan oleh saya bila saya mengemukakan belanjawan pada Dewan yang mulia ini sebentar tadi berkenaan dengan Kementerian saya dan juga pegawai-pegawai dalam Kementerian saya telah mengkaji dalam beberapa segi, dari segi bilangan kakitangan, pentadbiran, perkhidmatan, pembangunan dan sebagainya untuk meninggikan taraf perkhidmatan perubatan dan pergigian di seluruh tanahair kita.

Dengan tujuan ini, satu perkara yang mustahak ialah daripada rakyat jelata kita, mestilah memberitahu apakah kerumitan-kerumitan yang telah ditimbulkan di bawah Kementerian Kesihatan dengan sikap bekerjasama dan membantu Kementerian Kesihatan khasnya pada semua pegawai-pegawai, kakitangan yang berkhidmat di seluruh tanahair kita pada hari ini.

Saya percaya dengan kerjasama daripada semua gulungan rakyat kita, maka kelemahan-lemahan di bawah Kementerian Kesihatan ini akan boleh diatasi.

Dengan tujuan ini, Kementerian saya telah mengambil langkah-langkah seberapa yang boleh untuk menambahkan kakitangan-kakitangan yang diperlukan.

Pada tahun yang lalu Kementerian saya telahpun mengambil tambahan pelatih-pelatih seperti pelatih jururawat, penolong jururawat, penolong makmal dan juga pembancuh ubat dan kakitangan-kakitangan yang lain.

Tuan Pengerusi, dalam perbahasan ini adalah Ahli-ahli Yang Berhormat khasnya dari Bandar Melaka, beliau mengatakan bila saya mengambil jawatan sebagai Menteri Kesihatan di Kementerian ini, saya telah pergi ke England untuk merayu jururawat-jururawat yang berkhidmat di negeri itu balik ke mari, ke tanahair kita untuk berkhidmat dengan negara kita. Apakah response sesudah itu? Saya suka memberitahu kepada Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka.

Yang sebenarnya saya tidak hanya mengambil lawatan sahaja untuk pergi ke England, untuk merayu kepada jururawat-jururawat yang lain untuk berkhidmat di negara kita ini—tidak. Yang sebenarnya, saya sebagai Menteri adalah mengambil bahagian dalam satu persidangan Kesihatan Sedunia di Geneva dan dalam masa itu saya telah mengambil peluang untuk pergi ke England untuk menemui dengan doktor-doktor dan juga jururawat-jururawat yang mahir di London.

Dengan itu, saya suka memberitahu kepada Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka pada hari ini sehingga setakat ini, jumlah jururawat-jururawat yang terlatih di seberang laut telah kembali ke negeri kita berkhidmat di hospital kita seperti Hospital Universiti atau Hospital Assunta dan sebagainya yang berjumlah 135 orang pada hari ini.

Saya yakin, pada pertengahan tahun ini maka banyak lagi jururawat-jururawat kita akan balik ke negeri kita untuk berkhidmat di hospital-hospital atau yayasan-yayasan, institiusi-institiusi kesihatan di negara kita.

Ahli Yang Berhormat telah berkata apakah langkah yang Kementerian ini telah ambil oleh kerana carelessness dan juga sikap sombong, bongkak dan sebagainya yang telah dilakukan oleh kakitangan-kakitangan kita.

Tuan Pengerusi, masaalah ini bukan masaalah untuk bercakap sahaja, tetapi akan bekerjasama daripada semua pihak. Maka sekarang memang ada kekurangan kakitangan dan kakitangan yang bekerja lebih daripada biasa, akan tetapi saya mengakui memang ada segulungan kecil kakitangan ini bersikap kasar dan sebagainya, akan tetapi sebagai seorang manusia di mana satu kelemahan, manusia kita kadang-kadang segulungan kecil itu bersikap kasar dan sebagainya, akan tetapi jikalau Ahli-ahli yang berkenaan atau rakyat jelata kita boleh memberi lapuran kepada pegawai saya, apakah namanya, masanya pegawai yang berkhidmat

itu, kawasannya, hospitalnya dan sebagainya, maka saya boleh menjamin kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di sini, Kementerian saya akan menyiasat dengan secepat mungkin.

Ahli Yang Berhormat itu juga mengatakan ubat-ubat short of supply khasnya di Melaka. Perkara ini, saya akan ambil perhatian dan saya harap aduan ini boleh disiasat oleh pegawai saya dengan segera.

Ahli Yang Berhormat dari Bentong merayu kepada orang kita untuk menderma darah dan juga Ahli Yang Berhormat dari Bruas mengatakan orang yang sakit itu berbedah akan tetapi kekurangan darah dan sebagainya.

Saya suka merayu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat khasnya di Dewan ini pada masa yang sudah kebanyakan orang kita menderma darah ialah dari satu gulungan seperti tentera, pasukan polis dan sebagainya, akan tetapi orang biasa kita takut menderma darah. Ini adalah satu fikiran yang salah dan saya merayu khasnya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini akan memimpinkan sebagai wakil rakyat di kawasan-kawasan masing-masing untuk menasihatkan rakyat kita menderma darah jika hospital yang berkenaan itu memerlukan dengan darah ini untuk berbedah dengan segeranya dan sebagainya. Ini saya berharap supaya semua orang kita bekerjasama. Janganlah bercakap di sini sahaja, tetapi sendiri takut.

Saya menasihatkan kepada Ahli Yang Berhormat dari Bruas apabila dikehendaki menderma darah, maka sebagai Ahli Dewan ini membuatkan satu contoh yang baik, membuat secara sukarela untuk menderma darah dengan segera. Saya berharap Ahli Yang Berhormat kita di Dewan ini boleh membuat satu contoh yang baik pada masa akan datang.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan kekurangan pakar-pakar dan sebagainya, ini memanglah satu perkara yang rumit yang telah ditubuhkan di Kementerian saya maka itulah Kementerian saya telah mengambil keputusan untuk mengambil pakar-pakar daripada negara-negara Eropah Timur pada tahun ini.

Langkah ini ialah langkah yang panjang untuk memberikan beberapa kemudahan-kemudahan kepada doktor-doktor kita yang mahir untuk melanjutkan "post graduate courses" di Universiti Malaya, sebuah yayasan yang tinggi dalam negeri kita— Berbagai-bagai discipline bolehlah diberi latihan tempatan.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat juga telah mengambil bahagian dalam perbahasan ini mengatakan kawasan-kawasan yang berkenaan mendirikan hospital dan sebagainya. Ini ialah satu langkah yang telah diambil oleh Kementerian saya, akan tetapi Kementerian saya telah mengambil keputusan apakah kawasan yang mustahaknya. Misalnya Ahli Yang Berhormat dari Kulim Utara telah bercakap mengenai sebuah hospital yang lama di Kulim Utara itu pada masa sekarang tidak ada mengambil tindakan untuk memperbaiki ataupun untuk memperluaskannya dan sebagainya, akan tetapi Kementerian saya mestilah mengambil perhatian yang berat seperti di Negeri Pahang, seperti di Machang, Jerantut, Tanah Merah, pada masa sekarang tidak ada sebuah hospital. Oleh kerana itulah "Top Priority" diberikan kepada kawasan-kawasan yang belum ada hospital di Pantai Timur. Akan tetapi ini bukanlah menafikan atau hak untuk memberikan kebaikan hospital di Kulim Utara.

Kementerian saya akan mengambil perhatian apakah langkah yang boleh diambil untuk membaiki keadaan hospital di Kulim Utara yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Perkara itu akan diambil perhatian dengan segera oleh Kementerian saya.

Ada satu soalan juga ditimbulkan oleh kerana Penolong Jururawat yang baharu itu telahpun lari daripada Pusat Latihan kerana penuntut ini diarahkan pergi "labour room" Inilah saya berasa cukup terperanjat. Yang sebenarnya tidak boleh berbuat demikian, tetapi saya akan menyiasat tentang perkara ini.

Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara ada menyebutkan beberapa perkara, misalnya di Hospital Besar di Muar, Kementerian saya telah membuat satu keputusan bahawa sebuah hospital baharu akan menggantikan sebuah hospital lama di Muar pada tahun ini dengan berperingkat.

Tahun ini sebuah poliklinik yang besar akan didirikan di Muar itu. Di dalam pembangunan poliklinik ini adalah Bahagian

Pesakit Luar, kecemasan dan cedera, klinik-klinik kepakaran, makmal-makmal dan Bahagian pergigian akan dimulakan di Muar dan harga perbelanjaan ini ialah $2 juta.

Bertambah lagi sebuah rumah mayat dan sebuah dapor akan juga dibina pada tahun ini.

Selain daripada itu, sebuah blok wad empat tingkat adalah di dalam rancangan untuk dimulakan pada penghujung tahun ini.

Saya bersetuju juga umur perkahwinan akan ditinggikan. Ini saya sangat bersetuju, akan tetapi ini terpulang juga kepada Ahli-ahli Yang Berhormat atau pemimpin-pemimpin kita akan bekerjasama untuk menasihatkan pemuda-pemuda kita janganlah berkahwin dengan umur yang muda.

Tuan Pengerusi, beberapa perkara yang telah disebutkan juga oleh Ahli Yang Berhormat, akan tetapi saya berasa tidak payahlah menjawab dengan satu persatu akan tetapi saya suka memberi sedikit penjelasan di sini tentang satu soalan yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu.

Berkaitan dengan pakar-pakar daripada Australia yang dijemput oleh Kerajaan kita apakah tujuannya dan apakah findings atau recommendations telah diberikan kepada Kerajaan kita. Tuan Pengerusi, Professor Garlick dan Doktor Webb telah menghantar lapuran kepada Kementerian saya dan sekarang masih dikaji dengan sebuah Select Committee di bawah Ketua Setiausaha Kementerian saya. Dengan kajian oleh Committee ini, maka recommendations atau comments akan disampaikan kepada Kerajaan kita dan juga perbelanjaannya ini cuma sedikit sahaja oleh kerana pakar-pakar ini ialah daripada Australia dengan melalui Colombo Plan untuk melawat negara kita pada tahun yang lalu.

Tentang tambahan pengambilan penuntut-penuntut Medical Faculty, University of Malaya itu bantuannya adalah daripada Kementerian Pelajaran. Saya telah bercakap dengan Dekan Fakulti Perubatan Universiti Malaya bagaimanakah langkah yang boleh diambil untuk menampungkan lebih ramai lagi penuntut-penuntut perubatan pada masa yang akan datang. Semua langkah-langkah pun telah diambil untuk melebihkan lagi pakar-pakar, doktor-doktor, jururawat-jururawat dan juga kakitangan-kakitangan yang lain untuk meluaskan lagi perkhidmatan perubatan kesihatan di bawah Kementerian saya.

Memang satu langkah telah diambil katil-katil dalam hospital kita di seluruh tanahair kita bilangan itu akan ditambah dari semasa ke semasa. Pada masa sekarang ini jumlah katil di hospital-hospital yang ada sekarang ialah 27,750 buah katil akan tetapi pada masa yang akan datang beberapa buah lagi hospital baharu akan didirikan seperti hospital baharu di Telok Datok ialah sebuah hospital yang baharu dengan jumlah katilnya 90 buah dan juga hospital di Kelang akan digantikan dengan sebuah hospital yang baharu. Katil-katil di hospital ini ialah berjumlah 600 buah. Dengan itulah pada tiap-tiap tahun atau tiap-tiap masa yang katil-katil ini pada tiap-tiap hospital ini akan ditambahkan.

Berkaitan dengan kekurangan jururawat ini Kementerian saya telah mengambil langkah. Pada tahun ini 5 buah sekolah di tanahair kita ini boleh menampungkan sejumlah bilangan penuntut jururawat ini 1,870 orang dan juga Penolong Jururawat seramai 1,087 orang dan ini akan ditambah pada tiap-tiap tahun.

Kementerian saya sedang mengkaji bolehkah kita mendirikan sebuah sekolah latihan jururawat ini di Negeri Melaka. Ini adalah untuk menampung lebih lagi penuntut-penuntut jururawat yang kita kehendaki pada masa yang akan datang.

Ahli Yang Berhormat dari Batu juga ada menyebutkan mengenai sakit kusta, khasnya di hospital kusta di Sungai Buluh janganlah membenarkan pesakit-pesakit itu keluar daripada hospital itu. Tuan Pengerusi, ini memang dasar Kerajaan pesakit itu tidak boleh dikeluarkan dari hospital itu sebelum pesakit itu sembuh lagi dan kelinik-kelinik atau yunit-yunit pesakit kulit itu telah ditubuhkan di beberapa buah hospital besar di seluruh tanahair kita.

Ahli Yang Berhormat itu juga bercakap berkaitan dengan penukaran Matron Theresa Choong daripada Hospital Besar Kuala Lumpur ke Hospital Besar di Kuantan. Perkara ini telah dikaji oleh Kementerian saya dengan telitinya dan Cik Theresa Choong telah bersetuju berkhidmatan di

Hospital Besar di Kuantan. Jadi, pada fikiran saya tidak perlulah saya menjawabkan dengan jelas.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Seremban Timur mengatakan adalah pesakit malaria telah masuk di bandar dan saya harap Ahli Yang Berhormat itu boleh baca dengan telitinya Anggaran Belanjawan Kerajaan Persekutuan tahun ini berkaitan dengan pembasmian malaria dalam buku ini. Maka saya percaya Ahli Yang Berhormat boleh faham apakah dasar-dasarnya yang dijalankan di bawah Kementerian Kesihatan ini.

Berkenaan dengan pertukaran seorang doktor, Dr Tan itu sebagainya Ahil Yang Berhormat dimaklumkan bahawa Universiti Malaya bukanlah sebuah universiti di bawah Kementerian Kesihatan. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sudah maklum Universiti Malaya adalah sebuah yayasan otonomes. Kakitangan di Universiti Malaya ini bukanlah kakitangan Kerajaan. Jikalau ada doktor kita yang minta berkhidmat di University Hospital itu bolehlah diminta melalui Kementerian saya dengan secondment, bukan dengan bertukar berkhidmat di University Hospital itu.

Ahli Yang Berhormat dari Setapak telah menyebutkan berkenaan polarisation yang merbahaya bagi perbekalan air di tanahair kita. Kementerian saya telah mengkaji perkara ini dengan cara detail dan juga mendapatkan nasihat-nasihat daripada pakar-pakar WHO, maka polarisation itu tidak merbahaya kepada manusia.

(*Dengan izin*) Mr Chairman, I would like to give a very short reply to the Honourable Member for Setapak. He referred to the flouride in the drinking water in this country. Mr Chairman, in fact my Ministry has gone into a very detailed study of the subject of flouridation and is convinced that no harmful effects will result from its implementation. There is an efficient monitoring system to ensure the safety and effectiveness of this well recognised public health measure and this has also been advised by the WHO experts.

Ahli Yang Berhormat dari Besut telah menimbulkan berbagai perkara termasuk rasa tidak puas hati dan sebagainya dan beliau sendiri telah pun pernah mengalami apabila beliau itu dirawat di Hospital Besar Kuala Lumpur kerana pada masa itu beliau tidak mendapat rawatan yang segera.

Sebenarnya memanglah Hospital Besar Kuala Lumpur merupakan sebuah hospital yang paling besar sekali di dalam Tenggara Asia ini. Apabila satu komplek yang lengkap telah disiap-sediakan pada tahun 1975, kemudahan-kemudahan seperti katil-katil dalam hospital ini akan disediakan berjumlah 2,500 katil. Oleh sebab hospital ini sebuah hospital yang paling besar, maka dengan sebab itulah terdapat kekurangan kakitangan. Dengan sebab itu juga Kementerian saya telah mengambil langkah untuk mendirikan Jabatan Pesakit-pesakit Luar di seluruh bandar seperti Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Johor Bharu dan sebagainya. Jadi pesakit luar pada masa akan datang kelak tak payah pergi ke hospital besar. Untok rawatan ahli-ahli pesakit luar boleh mendapat rawatan di Pejabat Pesakit Luar yang ada di tempat masing-masing untuk mengurangkan belanja dan menjimatkan masa. Jadi pesakit-pesakit itu tak payah menunggu dengan masa yang lama.

Berkenaan pelan hospital di Besut itu bukanlah satu kesalahan dari Kementerian saya, tetapi oleh kerana kekurangan kakitangan di Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya dan saya sendiri telah pun bercakap dengan engineer dan juga akitek daripada Ibu Pejabat Jabatan Keraja Raya supaya melanjutkan pelan-pelan yang akan dilaksanakan oleh Kementerian saya pada masa yang akan datang.

Dengan ini saya akhiri ucapan saya yang rengkas pada petang ini sebagai jawapan-jawapan kepada teguran-teguran Ahli Yang Berhormat dan saya ucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan belanjawan Kementerian saya. Jika ada apa-apa yang tidak jelas, bolehlah Ahli Yang Berhormat yang berkenaan datang berjumpa saya dan saya boleh beri penjelasan yang lebih lanjut lagi.

Bagi soalan-soalan yang tidak berjawab dan sebagainya, maka saya boleh mengambil perhatian dengan bersendirian.

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak $244,402,360 untuk Kepala B. 28 diperintahkan jadi sebahagian

daripada Jadual; dan wang sebanyak $60,445,660 untuk Kepala P. 28 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1973.

*Kepala B. 29 hingga B. 34; P. 29 hingga P. 31 dan P. 34—*

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Ali bin Haji Ahmad):** Tuan Pengerusi, saya mengusulkan supaya Anggaran Belanja Mengurus Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi tahun 1973 di bawah Kepala B. 29, B. 30, B. 31, B. 32, B. 33 dan B. 34 diluluskan dan menjadi sebahagian daripada Jadual.

Anggaran-anggaran di bawah Kepala-kepala yang disebutkan tadi adalah seperti berikut:

Kepala B. 29—$17,253,614—untuk Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Kepala B. 30—$235,667,980—untuk Polis di Raja Malaysia.

Kepala B. 31—$7,093,140—untuk Jabatan Imigeresen.

Kepala B. 32—$465,566—untuk Pendaftar Pertubuhan.

Kepala B. 33—$7,925,917—untuk Jabatan Pendaftaran Negara.

Kepala B. 34—$18,240,465—untuk Jabatan Penjara.

*Kepala B. 29—Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri*

Untuk Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri peruntukan sebanyak $17,253,614 adalah dipohonkan berbanding dengan $11,975,452 bagi tahun 1972. Pertambahan sebanyak $5,278,162 ini adalah di antara lain disebabkan oleh bertambahnya peruntukan yang diperlukan bagi aktibiti Keselamatan Negeri akibat dari keadaan-keadaan keselamatan di sempadan Malaysia Thai dan di Sarawak, termasuk juga perbelanjaan-perbelanjaan Rascom di Bahagian Ketiga Sarawak, dan penyusunan semula Pasukan Kawalan dalam tahun 1972.

*Kepala B. 30—Polis Di Raja Malaysia*

Jumlah peruntukan bagi tahun 1973 ialah sebanyak $235,667,980 iaitu berlebih daripada peruntukan tahun 1972 sebanyak $26,472,538 ataupun 12.6%.

Kebanyakan dari kelebihan ini adalah bagi pembayaran gaji, catuan-catuan makanan, Pembinaan (Kerja-kerja kecil) dan membeli alat-alat perkakas seperti kelengkapan/alat-alat pejabat, kereta motor, kapal-kapal dan kelengkapan radio.

Perbelanjaan bagi gaji bertambah disebabkan tertubuhnya 2 batalion Pasukan Polis Hutan bagi Malaysia Timur (Sarawak) dan juga oleh kerana perlaksanaan Sekim Gaji Suffian di Malaysia Timur.

*Kepala B. 31—Jabatan Imigeresen*

Jumlah peruntukan yang diluluskan bagi tahun 1973 ialah sebanyak $7,093,140, iaitu berlebih daripada peruntukan tahun 1972 sebanyak $1,303,629 ataupun 22.5%. Kelebihan ini ialah disebabkan oleh:

(i) Perlaksanaan Gaji Sekim Suffian di Malaysia Timur, dan Peruntukan untuk kakitangan baru bagi sebanyak 81 jawatan baru;

(ii) Tambahan sebanyak 21% bagi perjalanan dan pengangkutan untuk pertukaran pegawai-pegawai dan untuk membolehkan Jabatan Imigeresen memberi kursus-kursus pendek kepada lebih ramai lagi pegawai-pegawai dalam semua peringkat dengan tujuan meninggikan mutu pekerjaan mereka;

(iii) Tambahan sebanyak 20.2% untuk mencetak paspot-paspot, surat-surat perjalanan, borang-borang permohonan; dan

(iv) Untuk mencetak arahan-arahan Konsular bagi diedarkan kepada Pejabat-pejabat Imigeresen dan juga perwakilan-perwakilan Malaysia di seberang laut.

*Kepala B. 32—Pendaftar Pertubuhan*

Jumlah peruntukan bagi tahun 1973 ialah $465,566 iaitu berlebih daripada peruntukan tahun 1972 sebanyak $21,866 atau 4.43%. Kelebihan ini ialah disebabkan oleh kenaikan gaji dan perlaksanaan Tangga Gaji Suffian yang berjumlah $19,400 dan bagi perbelanjaan-perbelanjaan, berulang tiap-tiap tahun yang berjumlah $2,466.

*Kepala B. 33—Jabatan Pendaftaran Negara*

Jumlah peruntukan bagi tahun 1973 ialah sebanyak $7,925,917 iaitu berlebih daripada

peruntukan tahun 1972 sebanyak $1,075,265 ataupun 15.6%. Kelebihan ini ialah disebabkan oleh:

(*a*) Pengujudan 24 jawatan-jawatan baru bagi tahun 1973 dan perlaksanaan tangga gaji baru Suffian di Sabah dan Sarawak.

(*b*) Penubuhan 15 lagi Pusat-pusat Pendaftaran di luar bandar yang lengkap dengan talipon, air, letrik dan perabot.

(*c*) Bagi membayar sewa bangunan untuk pejabat-pejabat Pendaftaran di Jalan Tuanku Abdul Rahman Kuala Lumpur, Sungai Petani, Kluang dan Tanah Merah, Kelantan.

(*d*) Bagi memenuhi perbelanjaan pencetakan kad-kad pengenalan dan borang-borang permohonan kad pengenalan untuk negeri Sarawak berikutan dengan pendaftaran semula bagi mereka meningkat umur 18 tahun di bawah Peraturan 17 Peraturan-peraturan Pendaftaran Negeri Sarawak 1960 mulai berjalan pada 1-5-1972.

*Kepala B. 34—Jabatan Penjara*

Jumlah peruntukan yang diminta bagi tahun 1973 ialah sebanyak $18,240,465 iaitu berlebih daripada peruntukan tahun 1972 sebanyak $2,037,001 atau pun 12.6%. Kelebihan ini ialah disebabkan oleh:

(*a*) Tambahan gaji kerana perlaksanaan Gaji Suffian di Malaysia Timur, kenaikan gaji tahunan bagi semua kakitangan di Malaysia, 8 jawatan baru telah diujudkan bagi Malaysia Timur dan 71 jawatan sementara bagi Sarawak untuk RASCOM.

(*b*) Pembelian alat-alat seperti kereta-kereta motor, jentera pam air, mesin rumput, mesin air, mesin-mesin untuk perusahaan Penjara yang diperlukan oleh berbagai-bagai Penjara.

Tuan Pengerusi, saya juga mengusulkan supaya Anggaran Belanja Pembangunan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi tahun 1973 di bawah Kepala P. 29, P. 30, P. 31 dan P. 34 diluluskan dan menjadi sebahagian daripada Jadual. Anggaran-anggaran di bawah kepala-kepala yang disebutkan tadi adalah seperti berikut:

Kepala P. 29—$24,998,300—untuk Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Kepala P. 30—$68,630,020—untuk Polis Di Raja Malaysia.

Kepala P. 31—$574,300—untuk Jabatan Imigeresen.

Kepala P. 34—$4,260,510—untuk Jabatan Penjara.

*Kepala P. 29—Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.*

1. *Perumahan*:

Wang sebanyak $24,791,300 untuk tahun 1973 bagi Bahagian Perumahan untuk rancangan-rancangan seperti berikut:

(*a*) *Rancangan Perumahan Murah:*

Jumlah peruntukan bagi tahun 1973 iaitu $20,000,000 ialah berlebihan sebanyak 20% daripada tahun 1972 kerana peruntukan yang lebih besar adalah diperlukan bagi rancangan-rancangan rumah murah yang akan siap atau yang berada di peringkat akhir pembinaannya dalam tahun 1973.

(*b*) *Rancangan Perumahan Kampung Baru*

Jumlah wang yang diperlukan bagi tahun 1973 ialah sebanyak $4,291,300. Jumlah ini adalah dikehendaki bagi memenuhi pinjaman-pinjaman Kerajaan Negeri Selangor bagi projek-projek berikut:

(i) Rumah Pangsa Jalan Hale dan Jalan Yap Ah Shak.

(ii) Rumah Pangsa dan Pusat Perniagaan Jalan Raja Muda Musa.

(iii) Emporium Penjaja, Jalan Chow Kit.

(*c*) Pinjaman kepada Syarikat Kerjasama orang-orang Melayu Berhad Pulau Pinang dan Province Wellesly sejumlah $800,000 telah diluluskan bagi tahun 1971/1975 untuk membantu Syarikat itu melancarkan satu rancangan perumahan. Oleh masaalah pengambilan tanah, tidak ada sebarang perbelanjaan dibuat dalam tahun 1971 dan 1972. Adalah dijangka wang sebanyak $500,000 akan di belanjakan dalam tahun 1973.

*Sarawak—Kerja-kerja Pembangunan Darurat*

Wang sebanyak $207,000 telah diluluskan bagi projek-projek pembangunan RASCOM di Sarawak.

*Kepala P. 30—Polis Di Raja Malaysia.*

Peruntukan bagi tahun 1973 lihat sebanyak $68,630,020. Peruntukan ini melebehi peruntukan yang diluluskan bagi Anggaran tahun 1972 sebanyak $2,961,092 atau 4.5%.

Anggaran Pembangunan Polis memberi keutamaan kepada pembinaan rumah-rumah untuk anggota Polis berpangkat rendah yang mana 81.5% dari peruntukan ini adalah dikhaskan. Selain dari itu peruntukan kewangan adalah juga untuk membeli alat-alat perkakas, kereta-kereta motor, kelengkapan radio, senjata-senjata, peluru, untuk membolehkan Pasukan Polis menjalankan tugas mereka dengan lebih sempurna lagi.

*Kepala P. 31—Imigeresen*

Jumlah peruntukan bagi tahun 1973 ialah sebanyak $574,300 iaitu kurang daripada peruntukan tahun 1972 sebanyak $3,220 atau 5.6%.

Wang yang diminta bagi tahun 1973 adalah untuk projek-projek berikut:

1. Membaharui dan meminda rumah-rumah kediaman di Batu Pahat, Canglun dan Melaka.
2. Bayaran progressive (progressive payment) berhubung dengan pembinaan 2 buah lanci-lanci (launches) yang dimulakan pada bulan September, 1972.
3. Sambungan pembinaan pejabat-pejabat dan rumah-rumah kediaman di Rantau Panjang dan pembinaan pejabat-pejabat di Pelabuhan Kelang dan Kuala Kedah.
4. Sambungan pembinaan pejabat Imigeresen di Kuala Baram, Sarawak.
5. Sambungan pembinaan 2 yunit lanci di Sarawak, (Bayaran Tahanan/Retention money).
6. Membina Pejabat Imigeresen di-Labuan, Sabah.
7. Membina Bangunan Kawalan Perjalanan, Labuan, (Bayaran Tahanan/ Rentention money).

*Kepala P. 34—Penjara*

Jumlah peruntukan bagi tahun 1973 ialah sebanyak $4,260,510 iaitu kurang daripada peruntukan tahun 1972 sebanyak $1,821,958.

Sebab-sebab mengapa anggaran tahun 1973 lebih tinggi atau rendah dari tahun 1972 ialah seperti berikut:

(i) Malaysia Barat—Anggaran lebih rendah.

Sebabnya Tempat Tahanan Perlindungan di Taiping di jangka siap pada hujung tahun 1972 dan akan berjalan sepenuhnya pada awal tahun 1973. Hanya kerja-kerja bagi projek-projek sambungan seperti pembinaan bangunan-bangunan penjara dan rumah-rumah kakitangan akan dijalankan dalam tahun 1973.

(ii) Sarawak—Anggaran adalah lebih tinggi kerana kerja-kerja membersih dan menyediakan tapak untuk projek Penjara Baru dan rumah-rumah kakitangan di Miri, akan dilaksanakan dalam tahun 1973 sebaik sahaja urusan pengambilan tanah selesai dan pada tahun ini kerja-kerja membina bangunan-bangunan utama Penjara tersebut akan dimulakan.

(iii) Sabah—Peruntukan lebih rendah kerana hanya 5 yunit rumah kakitangan akan didirikan.

Tuan Pengerusi, demikianlah saya mengusulkan Anggaran Belanja Mengurus dan Anggaran Belanja Pembangunan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Jabatan-jabatan di bawahnya bagi tahun 1973.

**Tuan Hussain bin Haji Sulaiman:** Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Kepala B. 30, Pecahan-kepala (Kod) 5500 Aktiviti (3) Menguatkuasakan Undang-undang dan Perintah: (*a*) Lalu-lintas.

Tuan Pengerusi, di dalam bahagian Polis Di Raja ada satu bahagian yang ditugaskan untuk menguatkuasakan undang-undang dan perintah lalulintas.

Sekarang ini kita kerapkali membaca dalam suratkhabar berita kemalangan jalanraya, bukannya semakin hari semakin kurang, tetapi semakin hari semakin banyak.

Kalau kita duduk di tepi-tepi jalanraya, kita juga akan melihat kenderaan-kenderaan

bukannya setakat tidak menghormati undang-undang lalulintas seperti kawasan 30 bsj, 40 bsj, 45 bsj tetapi masaalah yang saya nampak ada sesuatu yang agak kurang kemas di dalam perjalanan bahagian ini kerana sekarang ini, kalau kita bersembang walaupun dengan pemandu-pemandu lori dan pemandu-pemandu kereta sewa, kita akan dapat satu cerita daripada mereka kata mereka sekarang ini selain daripada kena bayar cukai jalan (road tax) kena bayar insuran kemalangan, maka ada satu jenis yang tidak ada dalam undang-undang tetapi mereka kena bayar, dipanggilnya cukai polis (police tax). Police tax ini dibayar kepada bahagian yang menguatkuasakan undang-undang dan perintah lalulintas. Dengan sebab itu, Tuan Pengerusi, pemandu-pemandu kereta sewa atau pemandu-pemandu lori ini dia tidak begitu takut untuk melanggar undang-undang jalanraya fasal dia ada police tax tiap-tiap bulan. Saya berharap, Tuan Pengerusi, supaya pihak yang berkenaan tolong mengambil perhatian berat tentang masaalah ini untuk menjaga nama baik pasukan keselamatan kita yang kita rasa kalau dalam bahagian ini berjalan dengan keadaan sedemikian rupa maka tentulah akan merosakkan nama baik pasukan keselamatan kita.

Menyentuh berkenaan dengan Pencegah Jenayah, saya memberi kepujian yang maha tinggi kepada bahagian ini kerana dalam saat-saat yang akhir ini nampaknya walau bagaimana cekap orang-orang yang melakukan jenayah, cuma memakan masa sehari atau dua hari pihak Pasukan Keselamatan kita dapat mengikut jejak langkah gulungan-gulungan yang menjalankan kerja jenayah dan dapat ditangkap. Saya fikir sudah tiba masanya di dalam Dewan yang mulia ini saya memberi kepujian kepada bahagian ini.

Yang ketiga, saya ingin menyentuh mengenai dengan immigresyen.

Yang pertama, saya suka memuji Pegawai-pegawai Immigresyen yang bertugas di Johor Bharu kerana kalau kita banding pegawai-pegawai immigresyen yang bertugas di Jabatan Immigresyen Johor Bharu dengan Ibu Pejabat di Kuala Lumpur dan di tempat-tempat lain di dalam negeri-negeri lain, kita dapati kecekapan dan ketegasan pegawai-pegawai yang bertugas di Immigresyen Johor Bharu mengatasi di tempat-tempat lain. Saya buat satu contoh. Kalau seseorang yang hendak mendapatkan Paspot Terbatas ataupun Paspot Terhad hendak melawat ke Singapura, kita pergi ke Johor Bharu dalam tempoh 5 ataupun 7 minit kita boleh dapat paspot itu. Tetapi kalau di Ibu Pejabat Kuala Lumpur, lebih daripada itu. Kalau Kita melihat orang, orang lebih ramai di Johor Bharu. Apatah lagi kalau pergi ke negeri-negeri seperti di negeri saya di Trengganu ataupun di Kelantan, seminggu baharu dapat paspot.

Jadi itulah satu perkara yang agak ganjil di tempat yang ramai, di tempat orang yang begitu ramai orang bertumpu pada satu hari hendak cepat, disitu dia beri cepat. Di tempat-tempat lain lambat. Dengan sebab itulah saya memuji semua pegawai-pegawai yang bertugas di Jabatan Imigresyen di Johor Bharu dan semoga dengan kecekapan yang ditunjukkan oleh pegawai-pegawai di sana dapat jadi tauladan kepada pegawai-pegawai di tempat lain. Kalau boleh pegawai-pegawai yang bertugas di tempat-tempat yang lambat itu ditukarkan ke Johor Bharu supaya dia dapat pengalaman di sana, apabila dia balik di negerinya, tentulah dapat menjalankan kerja dengan baik.

Itulah sahaja, Tuan Pengerusi. Saya adalah menghormati arahan, Tuan Pengerusi, supaya jangan panjangkan ucapan 5 minit atau 10 minit sahaja.

Pada akhirnya, saya suka menyatakan bahawa Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ini pada keseluruhannya dari setahun ke setahun bertambah baik dan diharap kebaikan yang ada di dalam Kementerian ini tidak akan terjejas dengan sebab adanya sedikit-sedikit kelalaian atau kesilapan yang dilakukan oleh setengah-setengah bahagian.

**Tuan Lim Cho Hock (Batu Gajah):** (*Dengan izin*) Mr Chairman, Sir, I have only a few points to raise. Firstly, on page 253 regarding Police, under Prevention of Crime, Enforcement of Law and Order and Traffic.

Mr Chairman, Sir, a few days ago, I raised this question of Police brutality in our country. Within a month, we have 3 cases of Police brutalities. I am glad to say that the Police Force, which is supposed to maintain law and order, is doing a good job in the country. But, however, there are a few black sheep in the Force and if we can handle

these few black sheep in the Police Force, I am sure the people would be much happier, they would feel more safe and they will have a higher regard for the Police Force.

Mr Chairman, Sir, very often the Police detain so-called criminals and those who are suspected of having committed crimes. They detain them for a number of days and during this period of detention, these people are being hammered and assaulted physically. In my view, this is wrong on the part of the Police, although the Police will deny that they have assaulted so and so. But it is a fact and common knowledge that these people are in fact being assaulted when they are under detention.

Mr Chairman, Sir, another thing is that the Constitution provides that a person suspected of crime is entitled to his counsel. In other words he is entitled to engage a counsel to fight his case, if possible in court. But invariably the Police will not allow counsel to see these people under detention. Now this again is wrong because the Constitution provides that a person who is detained is entitled to counsel. I hope the Minister will look into this and give due regard to this Constitutional guarantee.

Another point is that police stations manned by some police officers have not been giving good service to the public, not that they do not want to give service but, unfortunately, some of these officers manning the posts are not qualified enough, for instance, to take down police reports.

Furthermore there are no Chinese and Indian interpreters. When an illiterate person goes and lodges a report invariably, somehow certain things are missed out or wrongly recorded. Some of these reports form the basis for a court action and some real criminals get away with a crime because the officer-in-charge of the police station has taken down a wrong report. I hope the Government will put . . . . . .

**Tuan Ali bin Haji Ahmad:** Can the Honourable Member be more specific so that I can give him a satisfactory reply later on rather than making very vague and very general statements?

**Tuan Lim Cho Hock:** Mr Chairman, Sir, I am a legal practitioner in Ipoh. I have applied for a lot of police reports and sometimes I just can't make out head or tail of what is said in the report and if the Deputy Minister wants proof of that, I can always produce them and give him photostat copies.

So, I hope the Ministry can look into this question which is quite important. It is reported in the *Malay Mail* today that four people died in a scramble for Shaw Brothers' "ang pows." Two days ago I was at a theatre belonging to Shaw Brothers—I don't know the name of this theatre—but I was there and I saw about 1,000 or so old people sitting around this theatre.

**Tuan Pengerusi:** Whereabout it?

**Tuan Lim Cho Hock:** In Kuala Lumpur. I don't know the name but I think it is near Hotel Malaya. I saw about 1,000 old people sitting around this theatre for the purpose of registering their names with the Shaw Brothers. The registration in fact started at about midnight and it seems the registration took about three or four hours to complete and I saw old people sleeping around and groaning about. I am sure some of them had not got their supper and then next morning at about 9.00 o'clock they were supposed to line up for their "ang pows". So these old people did not have enough to eat and they did not have enough sleep. So, even if there are no scrambles, I am afraid that one or two may die. On top of this, there was a scramble for these "ang pows" and then four people died. I hope the Police will investigate into this and warn the Shaw Brothers not to do such things again. I am not trying to question their intentions—their intentions are very good— to give "ang pows" to the people, but they should do it in a proper way and give more time to these old people to register themselves and then give more time for them to rest and perhaps give them "ang pows" in the afternoon and not in the morning.

Next, I come to the political detainees at page 280. Mr Chairman, Sir, there are a number of detainees at present in our detention camps and some of them have been under detention for six years or more. Now, we may disagree with them on ideologies but, humanely speaking, we ought to be more sympathetic to them. We must not detain a person for too long. At the moment there is only one organization in the world known as the Amnesty International to fight for them,

though sometimes I have been asked by this Amnesty International to write to the Home Ministry. Well, I try to do my part, but finally it depends on the Government itself—whether the Government is humane or not humane. I hope the Government is more humane and give these detainees a chance to live a normal life. Even if we do not want them in our country, give them a chance to stay in other countries like England perhaps or Singapore or wherever it may be. Singapore, I understand, has given Lim Chin Seong a chance to live in England. Well, we may do such things in our country, although I do not agree with it.

Mr Chairman, Sir, there are a lot of complaints about bad conditions existing in our detention camps and I hope the Government can establish a Board of Visitors comprising of Members of Parliament from both sides of the House to pay periodic visits to these camps so that the officers-in-charge of these camps may not be up to under-hand tactics.

Thirdly and finally, I refer to this Anti-Corruption Agency at page 247. Mr Chairman, Sir, when this Agency was started, it was doing a very good job in cleaning up this country of rubbish and corruptors and of course then that Agency was under a very able man, now known as Mr Justice Harun, but unfortunately, I must say, the Government has promoted—within brackets "promoted"—Mr Justice Harun to Judgeship and a few big fishes in Malacca and Penang have escaped. I hope the Government can reinstate Mr Justice Harun as Head of the Anti-Corruption Agency so that his good work can be continued and we will have a cleaner place to live in. Mr Chairman, Sir, today we have Assemblymen all over the country and some Government officials getting very rich overnight. How do they come by the wealth? This must be investigated by the A.C.A. The Government need not wait for the Opposition Members to raise this matter in Parliament or in the State Assembly, but the A.C.A. should take the initiative and investigate. I must commend Mr Justice Harun for having nabbed a few fishes formerly, but now everything seems to be quiet. I hope the Government will wake up and do something about all these things.

**Tuan Chan Siang Sun:** Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh dua tiga perkara sahaja. Di bawah Perumahan (Housing) Pecahan-kepala 1, 3 dan 4—Rancangan Rumah Murah, muka 251.

Di bawah Pecahan-kepala 1—Low Cost Housing. Di sini saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan kerana telah dapat diadakan di kawasan saya di bandar Bentong, Karak yang mana pada tahun ini peruntukannya dekat seratus lebih buah rumah akan didirikan di kawasan ini. Di sini saya berasa sedih sedikit kerana kawasan bandar Mentakab tidak dapat diadakan rancangan kita.

Saya suka memberitahu kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu tapak untuk rancangan rumah murah ini di Mentakab telahpun dapat disiapkan sudah tiga tahun. Saya tidak tahu apakah sebabnya rancangan ini tidak dapat dijayakan. Di sini saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri dengan jasa baiknya boleh menyiasat atas perkara ini. Saya harap tidak lama lagi dalam kawasan Mentakab juga kita boleh dapat rancangan rumah murah ini.

Yang kedua, saya suka melihat di sini iaitu Pengambilan Tanah untuk Rancangan Perumahan. Saya nampak peruntukan tahun ini tidak ada, cuma $37,527 telah digunakan dalam tahun 1971. Di sini saya berharap peruntukan ini boleh dapat ditambahkan, oleh kerana kita dapat tahu banyak kampung-kampung baharu tidak ada tanah lagi dan sangat sempit. Kalau kita dapat peruntukan ini ditambahkan barangkali kita boleh gunakan peruntukan ini untuk mengambil lebih tanah bagi rancangan-rancangan khasnya untuk kampung-kampung baharu.

Di dalam Pecahan-kepala 4, saya sukalah mengalu-alukan peruntukan ini, kerana inilah satu rancangan perumahan untuk kampung baharu yang cukup baik untuk kita. Barangkali di sini bagi Ahli-ahli Yang Berhormat dari Parti-parti Pembangkang bersetuju dengan saya iaitu rancangan ini boleh dapat dijayakan. Ini adalah satu usaha dari Menteri Tugas-tugas Khas. Jadi usaha ini saya fikir patutlah kita mengalu-alukan, kita harap pada masa akan datang kita boleh dapat meneruskan rancangan ini dan dapat lebih baik kemudahan-kemudahan khasnya rumah-rumah itu untuk kampung-kampung baharu kita.

**Tuan Su Liang Yu (Bruas):** *(Dengan izin)* Tuan Pengerusi, I refer to Kepala P. 29, page 251, Housing, Subhead 1, Low Cost Housing. Sir, I notice here that in 1971 there was an allocation of $7,063,038 and in 1972 $14,402,964 has been given for this scheme and for this year $20,000,000 is provided. This money was given to the State Governments to start housing schemes and when the houses are ready they will be sold to the public on instalment basis.

Sir, I refer to a book laid on the table in the House on the 18th December, 1972 called the "Financial Statements for the Year 1969" and from the contents of it, I have discovered under pages 336 and 337 that two loans have been given to one housing scheme in Kampong Koh. The first loan of $20,000 was given in 1968 at the rate of 3% per annum payable in 20 years and another loan of $44,673.75 was given in the same year also to Kampong Koh Housing Scheme. Up to now, not even a pillar has been put up in Kampong Koh. What has happened to the money? Who has taken the money? I brought this matter up in the State Assembly during its last Budget Meeting and I was told that they did not know where the money had gone to. Sir, I feel that the Ministry of Home Affairs should have an officer to go round to every State to check on those housing schemes, since money has been given, to see whether those houses have been put up or not. Page 337 of the Financial Statements states that liabilities as at 31-12-69 continue. For two years not a single cent has been paid by the State Government, nor the interest. So, I hope the Ministry will take a very serious view to see to it that money which has been given to the States must be put to good use.

**Tuan Latip bin Haji Dris (Mukah):** Tuan Pengerusi, saya menyentuh P. 30 Polis di Raja Malaysia, muka 261 dan 262 di dalam Kertas Perintah 58 Tahun 1972 yang dibentangkan di hadapan kita bagi peruntukan Pembangunan yang diberi kepada negeri Sarawak berjumlah $19,336,000.

Tuan Pengerusi, saya dan juga boleh saya katakan seluruh rakyat Malaysia di negeri Sarawak yang taat setia kepada negara ini berasa bangga dan mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Pusat di atas peruntukan yang begitu banyak bagi memelihara undang-undang dan ketenteraman di negeri Sarawak yang sedang menghadapi ancaman daripada pihak pengganas kominis dan anasir jahat sabersif.

Saya rasa dengan adanya kelulusan bagi menambah dua batallion Pasukan Polis Hutan bagi menambahkan kekuatan Pasukan Keselamatan kita di Malaysia Timur adalah perkara yang perlu dan mustahak sekali pada masa ini. Walaupun keadaan keselamatan pada keseluruhannya di negeri Sarawak dapat dikawal pada masa sekarang, kita harus berjaga-jaga untuk setiap masa untuk menentang anasir jahat dari dalam mahupun yang masuk dari laut dan juga menjaga orang-orang yang tidak bertanggungjawab membuat kacau-bilau di dalam negeri kita.

Tuan Pengerusi, saya percaya dengan adanya tambahan dua battalion Pasukan Polis Hutan di Malaysia Timur dapatlah kawasan-kawasan yang terpencil dikawal dibuat Balai-balai Polis serta dilengkapkan dengan senjata untuk melindungi rakyat yang tidak berdosa daripada ancaman kominis seperti yang kita telah dengan pada masa-masa yang sudah.

Tuan Pengerusi, seperti yang kita ketahui sempadan di negeri Sarawak dengan negeri jiran kita adalah satu sempadan yang panjang sekali di antara semua negeri dalam Malaysia yang bersempadan dengan negeri jiran. Begitu juga keadaannya, saya rasa, lebih sukar daripada negeri-negeri yang lain di dalam Malaysia, samada jalanraya ataupun sungai-sungai yang panjang dan hutan-hutan yang tebal adalah payah untuk dilalui. Walaupun dengan keadaan yang demikian Pasukan Keselamatan kita yang harus diberi pujian yang tinggi dapat menjalankan tugas mereka dengan begitu baik dan berjaya dengan adanya kerjasama negeri jiran bagi menghapus penjahat-penjahat yang tidak bertanggungjawab.

Tuan Pengerusi, Polis Laut juga harus diperbesarkan lagi, begitu juga segala kemudahannya seperti bot-bot yang laju untuk perondaan laut diperbanyak lagi bagi mengawal kawasan pantai laut Malaysia Timur daripada segala gangguan yang merosak dan merugikan negara ini.

Saya juga merayu kepada Kementerian ini tentang Pasukan Kawalan Kampung yang telah ditubuhkan hampir merata tempat di luar bandar negeri Sarawak supaya diberi

pertimbangan yang adil supaya mereka itu diberi elaun bertugas sebagai belanja rokok atau kopi untuk memberi semangat yang lebih tinggi lagi bagi membantu Pasukan Keselamatan kita yang bertugas dengan mendapat elaun dan gaji yang tertentu daripada Kerajaan.

Saya rasa tidak salahnya Kerajaan membayar sedikit elaun kepada Pasukan Kawalan Kampung yang menjalankan tugas mereka bagi kepentingan negara dan rakyat jelata.

**Tuan Chan Fu King (Telok Anson):** (*Dengan izin*) Tuan Pengerusi, I would like to speak on Kepala B. 31, Kod 1100, page 266, item (3)—Passport and Visa. I want here to raise the problem of the citizens of this country who apply for international passport. Those people who apply for international passport have to go through very much inconvenience. They have to submit a form and have to bring along their citizenship certificates. Again they have to get a recommender to sign their application form which was the case under the British Administration. I think at present it is because of redtape and I hope the Minister concerned will withdraw the need for a recommender to sign the application form.

I came across a friend of mine who is staying in Senai who brought a form for me to sign as a recommender and I put there I knew him for two years and he sumbitted the form to the Immigration Department in Johore Bahru. The Passport Officer asked him, "Who is the recommender? Why do you get a recommender from Perak when you are staying in Senai, Johore?" That friend of mine stated that he knew me. The officer asked him what is my name, where am I working and where am I staying. My friend could not give him a ready reply because he did not know my address and he did not know my real name. Finally, his application was rejected and he was called to submit a new application form. After that he submitted his application again and he got a doctor in Senai to sign the application form and when he went to the Immigration Office . . . . . .

**Tuan Ali bin Haji Ahmad:** Untuk penjelasan. Can the Honourable Member mention his friend's name and so on so that I can get a satisfactory reply for him?

**Tuan Chan Fu King:** I am giving an example now. When people apply for international passport, the Immigration Department wants the citizenship certificate to be submitted together with the application. Formerly, the Minister of Home Affairs had stated that if a person holds a blue identity card he is a citizen by operation of law. That is why he does not require a citizenship certificate. He went there to apply for citizenship but due to some clerical error in his citizenship certificate his application was rejected again.

**Tuan Ali bin Haji Ahmad:** On a point of clarification. May I know who that person was?

**Tuan Chan Fu King:** You see, there are a lot of people who apply for international passports.

**Tuan Pengerusi:** Can you specify the person concerned?

**Tuan Chan Fu King:** No, I cannot because there are a lot of cases, not just one alone.

**Tuan Pengerusi:** That particular one in Senai that you mentioned.

**Tuan Chan Fu King:** That one was quite long ago. But I can tell you there are a lot of people holding blue identity cards who are citizens by operation of law. But when they go to the Immigration Office in Kuala Lumpur or in Perak, they are called to prove that they are citizens. These people say, "I hold a blue identity card. I cannot produce my citizenship certificate because I am a citizen by operation of law". Again, the officer would say, "No, you must get a letter from the Registrar-General of Citizenship to prove that you are a citizen by operation of law. Then only your application will be approved". Finally, I hope the Minister concerned will take action to solve the problems of these thousands of people.

Tuan Pengerusi, I wish to refer to Kepala B. 33, Kod 1100, page 277, items (2), (3) and (4). Mr Chairman, Sir, regarding the national registration of identity cards, there are a lot of people from the rural areas and estates who have lost their birth certificates and it takes time for them to apply for an extract of the birth certificate, but finally they apply

for an extract of the birth certificate. At times when the parent's name in the birth certificate is wrong they have to send it for correction. After correction, they submit the birth certificate when they apply for identity cards for their children, which is under N.R. 3. At times it takes two or three years and still they could not get their identity cards. I hope the Minister will look into this matter.

Then, finally I wish to refer to the registration of marriages. I come to understand that there are a lot of people who want to register their marriages. They have submitted their forms and after three months they say that they do not have enough officers to cope with the registration of marriages because in some districts the D.Os and the A.D.Os are registered as Assistants. I hope the Government will recruit more Assistant Registrars of Marriages and Registrar of Marriages to cope with the registration of marriages because the D.Os and A.D.Os have got other things to do, and I hope the Minister concerned will appoint more Assistant Registrars from the Registration Office in the District areas.

Finally, I wish to bring up the problems of some of the citizens whose children are still under 21 who have applied for citizenship under Article 15 (2) of the Constitution, which is under Form B. They have applied more than two years ago. Their applications were submitted in 1970 and 1971. Since then their applications were rejected because under Article 15 (2) of the Constitution, previously it was not brought up to the Minister concerned for final approval, but after 1.1.1972 these application forms were sent to the Minister for final approval and these were rejected. I hope the Minister will reconsider all these applications because these people are citizens and their children are also eligible to be citizens of this country.

Finally, . . . . . . .

**Tuan Pengerusi:** You have said so many "finally". Is it really "finally" this time?

**Tuan Chan Fu King:** Finally, I come to Article (19) (1) of the Constitution; those who were born in Malaysia but who have lost their birth certificates and also their parents' certificates which they could not trace; they are forced to apply for citizenship under this Article of the Constitution. A lot of them are estate workers and people from the rural areas and they have submitted their applications somewhere in 1969, 1970 and 1971 and although so many years have gone by, still they could not get their citizenship and, finally, some received letters stating that their applications were rejected. I hope the Minister will also reconsider their cases because these people have nowhere to go—they are born here and bred here and they are loyal to this country.

I hope the Minister will also consider those people born in foreign countries but when they were minor their parents brought them to Malaysia before Merdeka . . . .

**Tuan Pengerusi:** You have exceeded well over ten minutes—more than ten minutes.

**Tuan Chan Fu King:** A few minutes more. Now if they do not have citizenship, it will be a problem and sometimes it creates a lot of trouble because they could not get the citizenship and they have to quarrel with their children because they have no work. Finally, I come to Article . . . .

**Tuan Pengerusi:** What is this "finally"? Do you know the meaning of the word "finally"?

**Tuan Chan Fu King:** This is the final one (*Ketawa*). I come to Article 16 under which they apply for citizenship and go for language test. The Assistant Registrar of Citizenship in the Language Board at times asks all sorts of unnecessary questions which even a person who has passed the L.C.E. could not reply. The questions are not connected with the application of citizenship and I hope the Minister will look into this matter.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula.*

**Tuan (Timbalan) Yang di Pertua:** Dewan di tangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 9.00 malam.*